



# Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2015










# Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2015



## ISI KANDUNGAN

### PERUTUSAN

1. Perutusan Menteri Wilayah Persekutuan .....	1
2. Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan .....	2
3. Perutusan Presiden Perbadanan Putrajaya .....	3

### MAKLUMAT KORPORAT

1. Visi .....	11
2. Misi .....	11
3. Nilai-Nilai Bersama .....	11
4. Carta Organisasi .....	12
5. Anggota Perbadanan Putrajaya .....	13
6. Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya .....	14
7. Pengurusan Tertinggi Perbadanan Putrajaya .....	15
8. Jawatankuasa Audit .....	17
9. Alamat Pejabat Yang Berdaftar .....	17

### LATAR BELAKANG PERBADANAN PUTRAJAYA (PPJ)

1. Penubuhan Perbadanan Putrajaya..	18
2. Fungsi Perbadanan Putrajaya .....	18
3. Aktiviti Utama Mengikuti Jabatan :	
i. Pejabat Setiausaha Perbadanan/ Jabatan Undang-Undang .....	19
ii. Jabatan Audit Dalam dan Kualiti Asurans .....	19
iii. Jabatan Perkhidmatan Korporat .....	20
iv. Jabatan Perkhidmatan Bandar..	21
v. Jabatan Perancangan Bandar ..	21
vi. Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan .....	22
vii. Jabatan Landskap Dan Taman..	23
viii. Jabatan Kewangan .....	23

### ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

1. Pendapatan Perbadanan Putrajaya	26
2. Perbelanjaan Perbadanan Putrajaya .....	27
3. Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan .....	28
4. Pelaburan dalam Anak Syarikat Subsidiari .....	28
5. Hartanah, Loji dan Peralatan Milik Perbadanan Putrajaya .....	28
6. Tanggungan dan Liabiliti Semasa Perbadanan Putrajaya .....	29

### ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN 31

### PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR

1. Kajian Rancangan Struktur Putrajaya 2025 .....	33
2. Kajian Rancangan Tempatan Putrajaya .....	34
3. Kawalan Perancangan .....	35
4. Kelulusan Pelan Bangunan .....	35
5. Bangunan Hijau .....	36
6. Pengurusan Tanah-Tanah Milik PPJ Dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) .....	38
7. Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Putrajaya .....	39
8. Bandar Hijau .....	41
9. Bandar Selamat .....	42
10. Pengurusan Projek Pembangunan..	43
11. Penyelenggaraan Lampu Awam Di Putrajaya .....	43

### PERKHIDMATAN PERBANDARAN

1. Pembangunan Perniagaan .....	45
2. Sewaan Lot Niaga .....	47
3. Pelesenan .....	48
4. Merinyu .....	49
5. Pengurusan Kompleks PPJ .....	51
6. Pengurusan Kuarters PPJ .....	53
7. Pengurusan Keselamatan Aset .....	54
8. Penyelenggaraan dan Kawalan Landskap .....	55
9. Hutan Bandar .....	57
10. Pemantauan Dan Pengurusan Hidupan Liar .....	58
11. Pengurusan Keselamatan dan Kebersihan Makanan .....	60
12. Kawalan Vektor dan Penyakit Berjangkit .....	61
13. Kawalan Kacauganggu dan Persekitaran .....	63
14. Program Bersepadu Kitar Semula..	63

### PENGANJURAN ACARA, KESENIAN DAN PELANCONGAN

1. Putrajaya - Lokasi Penganjuran Pelbagai Acara .....	67
2. Acara-Acara Utama .....	68
3. Inisiatif Baharu Permohonan Acara di Putrajaya .....	71
4. Persembahan Kombo Perbadanan Putrajaya .....	71
5. Kumpulan Koir Perbadanan Putrajaya .....	71
6. Pelancongan Putrajaya .....	71
7. Inisiatif Baharu Pelancongan Putrajaya .....	72

### PENGURUSAN TAMAN, TASIK DAN WETLAND

1. Putrajaya - Sebuah Bandaraya Taman dan Bandar Flora Berbunga Tahun 2015 .....	75
2. Aktiviti dan Program Taman .....	76
3. Botani dan Konservasi .....	77
4. Taman Wetland Putrajaya .....	78
5. Pengurusan Bersepadu Tasik dan Wetland .....	80
6. Program Keselamatan Taman Permainan Putrajaya 2015 .....	83

### PENGURUSAN PELANGGAN

1. Pusat Setempat (One Stop Centre) .....	85
2. Pengurusan Aduan Awam .....	86
3. Pengurusan Media .....	88
4. Pengurusan Lawatan Rasmi .....	90
5. Pengurusan Permohonan Penggambaran di Putrajaya .....	91

### PEMBANGUNAN KOMUNITI

1. Program Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya .....	93
2. Program Master Gardener .....	95
3. Program Pembangunan Komuniti..	95
4. Pusat Pembelajaran Kejiranan .....	97
5. Program Keselamatan Jalan Raya ..	98
6. Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP).....	99



**PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI**

1. Perancangan Strategik .....	101
2. Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 .....	104
3. Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) .....	105
4. Pengurusan Sumber Manusia .....	106
5. Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) .....	109
6. Pengurusan Pensijilan ISO/IEC27001:2013 (Information Security Management System).....	110
7. Sistem Pengurusan Permohonan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Putrajaya.....	111
8. Pengurusan Auditan Dalaman .....	111
9. Pengurusan Risiko .....	113
10. Program Pegawai Muda .....	114

**PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN**

1. Khidmat Perundangan .....	117
2. Kontrak .....	117
3. Gubalan .....	117
4. Pendakwaan .....	118
5. Litigasi Sivil .....	119
6. Penguatkuasaan .....	120

**PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET**

1. Penilaian Untuk Maksud Kadaran....	123
2. Penilaian Untuk Maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK) .....	123
3. Pengurusan Mendapatkan Kembali Tunggakan Cukai Taksiran.....	124
4. Pengurusan dan Perakaunan Aset..	124
5. Hartanah loji dan peralatan milik Perbadanan Putrajaya.....	125
6. Seksyen Pesuruhjaya Bangunan.....	126

**PRESTASI ANAK SYARIKAT**

1. Putrajaya International Convention Centre Sdn Bhd .....	129
2. Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd .....	130
3. Pj Hotels & Resorts Sdn Bhd.....	131
4. Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB) .....	132
5. Putrajaya Floria Sdn Bhd .....	134

**PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT**

1. Laporan Ketua Audit Negara .....	137
2. Lembaran Imbangan .....	139
3. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan .....	141
4. Penyata Aliran Tunai .....	143
5. Penyata Perubahan Ekuiti .....	144
6. Nota-nota Kepada Penyata Kewangan .....	146





## PERUTUSAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam 1Malaysia dan Salam Wilayahku Ceria.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Perbadanan Putrajaya telah berjaya melaksanakan peranan, fungsi dan tugas sepanjang tahun 2015 dengan penuh kecemerlangan. Catatan kejayaan dan kecemerlangan Perbadanan Putrajaya ini dizahirkan kepada masyarakat melalui penerbitan Laporan Tahunan 2015 agar pencapaian, maklumat, aktiviti serta berita di sebalik setiap kejayaan dapat dikongsikan bersama.

### YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR Menteri Wilayah Persekutuan

Umum mengetahui bahawa Putrajaya amat dekat di hati saya. Sejak tahun 2004 saya telah bersama-sama warga Putrajaya selaku Ahli Parlimen menyelusuri setiap denyut nadi warganya. Putrajaya kini telah melangkah ke satu fasa yang bermakna, kerana pada tanggal 29 Ogos 2015 genaplah 20 tahun usia Putrajaya menyemai transformasi daripada kawasan pertanian kepada Bandaraya Taman. Proses transformasi atau peralihan ini bukan sahaja menjadikan Putrajaya sebagai penanda aras kepada pembangunan sesebuah pusat pentadbiran kerajaan yang baik tetapi juga menyediakan kawasan kejiranan yang selamat, selesa dan serba moden. Perbadanan Putrajaya telah berjaya memastikan setiap perubahan yang berlaku mengikut perancangan dan pelan induk asal namun sentiasa relevan dengan kehendak dan perubahan dari semasa ke semasa. Selain berfungsi sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, tibalah masanya Putrajaya turut ditransformasikan sebagai salah satu destinasi pelancongan yang dikenali umum.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya yang setulusnya kepada seluruh warga Perbadanan Putrajaya yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi mencapai kecemerlangan sehingga ke hari ini. Saya juga menyeru kepada semua warga Perbadanan Putrajaya untuk memberi penekanan kepada inovasi-inovasi yang dapat mempertingkatkan lagi produktiviti dan kualiti setiap perkhidmatan agar Putrajaya dan warganya sentiasa terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur.

Akhir kata, semoga dengan penerbitan Buku Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2015 ini dapat memberi manfaat kepada semua warga Perbadanan Putrajaya sendiri dan juga orang awam sebagai rujukan dan panduan di masa hadapan.

Terima kasih dan salam hormat.



## PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam 1Malaysia dan Salam Wilayahku Ceria.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. dan syabas kepada seluruh warga Perbadanan Putrajaya atas kesungguhan melaksanakan semua perancangan yang telah dirangka pada awal tahun 2015. Sesungguhnya saya amat berbangga dengan semangat kerjasama dan keprihatinan setiap warga Perbadanan Putrajaya. Diharapkan usaha-usaha murni ini dapat diteruskan untuk kejayaan di masa akan datang.

Namun begitu Perbadanan Putrajaya tidak boleh leka dengan pencapaian semasa. Seajar dengan kehendak dunia moden yang serba pantas dan sarat dengan pelbagai isu global, ia menuntut Perbadanan Putrajaya untuk bergerak seiring bagi menyampaikan perkhidmatan yang adil, cekap, berkesan dan memberi nilai tambah kepada orang ramai.

### YBHG. DATUK SERI ADNAN BIN HJ. MD IKSHAN Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

Dalam konteks ini, Perbadanan Putrajaya perlu melihat kepada keperluan untuk meningkatkan kompetensi dan profesionalisme penjawat awam ke tahap yang lebih tinggi supaya mempunyai nilai diri yang progresif agar mereka kekal telus, amanah dan berintegriti serta terus relevan untuk bersaing dalam persekitaran kerja yang mencabar.

Putrajaya kini semakin mencuri tumpuan dan kian dikenali oleh segenap lapisan masyarakat dari dalam dan luar negara. Sehubungan dengan itu, cabaran besar kepada Perbadanan Putrajaya dalam memberikan perkhidmatan bagi memastikan Putrajaya berada setanding dengan jenamanya sendiri. Namun, semangat kerja berpasukan dan komitmen tinggi yang sentiasa dipupuk dan diperkukuhkan untuk terus mendokong amanah yang dipertanggungjawabkan, pasti merupakan kunci penyelesaian kepada setiap cabaran yang mendatang.

Akhir kata, semoga Perbadanan Putrajaya terus cemerlang dalam memberi khidmat dan sokongan yang jitu ke arah merealisasikan matlamat dan hala tuju pembangunan dan kemajuan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sekian, terima kasih.







## **PERUTUSAN PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

**YBHG. DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL**  
Presiden Perbadanan Putrajaya



## PERUTUSAN PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA

Bagi mewakili Anggota Perbadanan Putrajaya, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk tempoh setahun bermula 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2015.

### KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN PPj TAHUN 2015

#### Anugerah dan Pengiktirafan

Tahun 2015 telah melakar satu memori bermakna sempena genap usia 20 tahun Putrajaya mengharungi pelbagai cabaran dan telah mencapai prestasi yang cemerlang. PPj selaku PBT yang mengurus dan mentadbir Putrajaya sentiasa menunjukkan usaha yang komited dan berterusan dengan meletakkan kepentingan alam sekitar dan kelestarian bandar sebagai aspek utama dalam pembangunan Putrajaya.

Pada tahun 2015, Perbadanan Putrajaya telah berjaya mendapat skor tertinggi di antara badan-badan berkanun persekutuan iaitu sebanyak 94.15% sekaligus menerima pengiktirafan Tahap Cemerlang (Lima Bintang) Sistem Penarafan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Tahun 2015 oleh Jabatan Audit Negara. Pengiktirafan ini dinilai di atas pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terhadap pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/ akaun amanah dan deposit serta aset, inventori dan stor. Ianya merupakan satu pencapaian yang baik dan amat membanggakan.



Selain itu, Perbadanan Putrajaya turut menerima tiga anugerah lain iaitu Anugerah Taman Awam Memuaskan sempena sambutan Hari Landskap Negara daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), *Social Media Excellence Award* daripada *World Bloggers and Social Media Awards* dan Anugerah *Landscape Architecture Award* serta turut menerima pengiktirafan bagi pensijilan semula ISO/IEC 27001:2013 (ISMS).

#### Pelancongan dan Penganjuran Acara

Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan sebanyak 196 acara merangkumi 21 acara antarabangsa, 37 acara kebangsaan dan 138 acara peringkat Putrajaya pada tahun 2015.

Antara *signature event* yang berskala besar yang telah menarik ramai pengunjung adalah *Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta* (PIHABF 2015), Festival Bunga Dan Taman Diraja Putrajaya 2015 (FLORIA 2015), *Formula E Championship* (FEC 2015), *Putrajaya International Islamic Arts and Culture Festival* (PIIACUF 2015), Light And Motion Putrajaya (LAMPU 2015) dan Ironman 70.3 Putrajaya.

Putrajaya telah menerima kunjungan pelawat dan pelancong berjumlah 7,530,791 pada tahun 2015, berbanding 7,515,313 orang pada tahun 2014 dan 6,590,060 orang pada tahun 2013. Kenaikan yang minima bagi jumlah kedatangan pelawat dan pelancong ini disebabkan oleh keadaan cuaca negara Malaysia khususnya di Putrajaya yang dilanda jerebu berpanjangan pada pertengahan tahun 2015.

#### Pengurusan Aduan Awam

Pada tahun 2015, Perbadanan Putrajaya telah menerima pakai Sistem Pengurusan Pengaduan Awam (SISPAA), satu program hasil naiktaraf program i-SPAA sedia ada. Program baharu yang diwujudkan oleh Biro Pengaduan Awam ini bertujuan bagi menyeragamkan sistem pengurusan aduan awam diseluruh kementerian dan jabatan kerajaan.

Perbadanan Putrajaya telah mula menggantikan Sistem "*Customer Relationship Management*" (CRM) mulai Februari 2015 dan telah mengguna pakai SISPAA sepenuhnya mulai dari 1 April 2015. Sistem SISPAA ini lebih mudah dicapai oleh pengguna kerana ia boleh dicapai melalui internet di Laman Web PPj.



Sepanjang 2015, PPj menerima sebanyak 294 aduan dari pelbagai kategori di bawah skop dan tanggungjawab PPj. Jumlah ini menunjukkan penurunan ketara sebanyak 53.1% lebih rendah dari tahun 2014 (627 Aduan) dan 73.2% lebih rendah dari tahun 2013 (1,098 Aduan). Kesemua aduan ini telah diselesaikan dengan jayanya, 98% aduan berjaya diselesaikan dalam tempoh masa 15 hari seperti yang ditetapkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), manakala 2% aduan berkategori kompleks berjaya diselesaikan dalam tempoh masa 30 hari.

#### **Kawalan Perancangan**

Sebanyak **66 permohonan** Kebenaran Merancang telah diproses sepanjang tahun 2015. Permohonan cadangan pembangunan sekitar tahun 2015 lebih menjurus kepada penyediaan kemudahan awam kepada penduduk Putrajaya seperti pembangunan Tadika / Taska dan Surau Komuniti.

Sebuah kilang percetakan Al-Quran; Nasyrul Quran adalah dalam peringkat kerja-kerja tanah di Presint 14, Putrajaya setelah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang pada tahun ini. Konsep pembangunannya meliputi dua komponen utama iaitu sebuah galeri dan kilang percetakan Al-Quran.

#### **Kelulusan Pelan Bangunan**

Sejumlah 275 permohonan mendirikan bangunan telah diluluskan merangkumi Kelulusan Mendirikan Bangunan (MB) - 35 kelulusan, Kelulusan Pelan Pindaan (PP) - 9 kelulusan, Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) - 28 perakuan dan Kelulusan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai (UB) - 203 kelulusan sepanjang tahun 2015.

Kesemua permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan Komersial, Pejabat dan Kemudahan Awam juga telah mematuhi kehendak Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHS) dan kehendak Reka Bentuk Sejagat.

Perbadanan Putrajaya juga telah mewujudkan garis panduan Reka Bentuk Sejagat yang bertujuan untuk mengawal keperluan kediaman, pejabat dan komersial yang melibatkan inovasi rekabentuk untuk semua golongan termasuk warga tua dan OKU. Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat Putrajaya ini adalah merupakan garis panduan yang pertama seumpamanya di Malaysia dan selaras dengan peruntukan Undang-Undang Kecil 123, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Wilayah Persekutuan Putrajaya).

#### **Program LA21**

Program-program Local Agenda 21 Putrajaya diteruskan lagi sepanjang tahun 2015 bagi menyokong aspirasi Putrajaya ke Arah Pembangunan Mampan menjelang tahun 2020. Pada tahun 2015, sejumlah 65 program LA21 telah dilaksanakan meliputi dari aspek inisiatif amalan gaya hidup teknologi hijau, pemeliharaan alam sekitar, program sosial dan ekonomi bersama Komuniti dan *stakeholders* Putrajaya.

#### **Forum Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya**

Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan Forum Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya dengan membentangkan tiga kertas kerja yang berkaitan pengurusan sisa pepejal dan aktiviti 3R. Pengurusan sisa pepejal merupakan salah satu sektor utama dalam mencapai sasaran pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) di Putrajaya. Peranan individu dalam sektor ini perlu diketengahkan untuk membantu Putrajaya mencapai sasaran pengurangan 50% pembuangan sampah akhir ke tapak perlupusan sampah.



### **Forum Bandar Selamat**

Perbadanan Putrajaya telah berjaya melaksanakan Forum Bandar Selamat Putrajaya 2015 dengan tema 'Putrajaya Ke Arah Sifar Jenayah Menjelang 2018 Dan Sifar Kemalangan Maut'. Terdapat lebih kurang 400 peserta yang terdiri dari wakil Kementerian, jabatan, agensi, pihak pemaju, ahli-ahli Jawatankuasa Program Bandar Selamat Putrajaya, komuniti, guru dan pelajar telah menghadiri sesi forum tersebut dengan harapan dapat memberikan pendedahan ilmu pengetahuan kepada pihak awam bagi membantu mencegah serta mengurangkan kadar jenayah di kawasan bandar dengan melaksanakan elemen *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) dalam pelan susun atur kawasan perumahan dan perniagaan.

### **Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)**

Perbadanan Putrajaya merupakan salah satu agensi pelaksana yang diamanahkan untuk merancang, membangun dan menguruskan PPA1M bagi kawasan Putrajaya dengan anggaran 17,500 unit secara keseluruhannya.

Terdapat 9 projek pembangunan PPA1M Putrajaya Fasa 1 yang kini sedang giat dibangunkan di Putrajaya iaitu PPA1M Palma, Melinjau, Jintan, Larai, Seruling, Selasih, Pudina, Kasturi dan Ketumbar. Kesemua projek pembangunan tersebut telah dicabut undi oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Ketua Setiausaha Negara. Proses menandatangani Perjanjian Jual dan Beli bagi 7,872 pembeli telah bermula pada awal 2016. Projek fasa 1 ini dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2017.

### **Pelesenan**

Kutipan hasil lesen perniagaan pada tahun 2015 menunjukkan peningkatan sebanyak 4.2% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh penambahan lot-lot komersial baharu, manakala kutipan hasil lesen iklan menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 5.1% berbanding tahun sebelumnya. Walaupun hasil menurun, jumlah permohonan iklan didapati bertambah. Ini berikutan bertambahnya permohonan iklan oleh agensi kerajaan yang dikecualikan bayaran Fi Lesen Iklan.

### **Sewaan Lot Pejabat/Komersial, Dewan di Kompleks Perbadanan Putrajaya.**

Hasil kutipan sewa lot pejabat/komersial di bawah seliaan Unit Sewaan, Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar serta Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perkhidmatan Korporat bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM8,376,715.10. Manakala hasil kutipan sewaan dewan telah menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 2.6% atau RM1,554,395.06 berbanding tahun 2014.

### **Bandaraya Taman Dan Bandar Flora Berbunga Tahun 2015**

Bagi memastikan imej Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang bercirikan Bandaraya Taman dan Bandar Berbunga, Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan program Pembungaan Putrajaya sebagai salah satu inisiatif dinamik untuk mempromosikan Putrajaya sebagai Bandar Berbunga dan perintis Bandar Hijau bagi menjadikan ianya destinasi pelancongan antarabangsa yang unggul di rantau ini.



### Kesihatan Persekitaran

Perbadanan Putrajaya telah berjaya melaksanakan sejumlah 1,250 pemeriksaan dan kawalan ke semua premis makanan dan lain-lain premis berkaitan seperti taska, tadika, sekolah, kedai runcit, pasar raya dan kantin sementara di Putrajaya.

Tahun 2015 telah menunjukkan penurunan kejadian kes Demam Denggi (DD) iaitu 275 kes yang didaftarkan berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak 310 kes iaitu penurunan kes sebanyak 11.3%. Daripada jumlah tersebut, kesemua 275 kes adalah Demam Denggi dan tiada kes Demam Denggi Berdarah dilaporkan. Alhamdulillah, tiada kes kematian pada tahun ini.

Bagi kawalan kacau ganggu anjing, kucing dan burung, sebanyak 82 operasi penangkapan anjing dan kucing liar serta 7 operasi kawalan burung gagak dijalankan di sekitar Putrajaya. Hasil daripada operasi tersebut, sebanyak 68 ekor kucing dan 132 ekor anjing berjaya ditangkap dan diletakkan di kawasan lain. Bagi operasi kawalan gagak, sebanyak 225 ekor gagak berjaya ditangkap. Kekekapan kawalan ini dapat mengurangkan populasi anjing dan kucing liar serta burung gagak sekaligus memastikan tiada kejadian kacau ganggu daripada kehadiran haiwan rayau ini dan menghalang penyebaran penyakit berjangkit yang mungkin dibawa oleh haiwan ini.

### Program Bersepadu Kitar Semula

Program kitar semula di Putrajaya dibahagikan kepada 3 program utama iaitu Program Komuniti, Program *Wastewise* dan Program Sekolah (KITS). Secara keseluruhannya, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada tahun 2015 adalah sebanyak 2,233,703 kg berbanding pada tahun 2014 iaitu 2,220,117 kg. Sebanyak 90% daripada bahan yang dikumpul adalah kertas.

### Pengurusan Taman dan Wetland

Seramai 291,014 orang pelawat telah direkodkan di Taman Botani Putrajaya, manakala Taman Wetland Putrajaya telah menerima seramai 203,684 orang pelawat untuk tahun 2015. Hasil kutipan bagi Taman Wetland adalah sebanyak RM293,346.54 yang diperolehi menerusi program dan aktiviti pendidikan, bengkel dan perkhidmatan taman seperti sewaan basikal, tram dan tapak acara.

### Kepelbagaian Flora dan Fauna

Pada tahun 2015, data kepelbagaian biologi dari aspek fauna merekodkan penemuan 9 spesies amfibia, 12 spesies reptilia, 9 spesies mamalia, 1,025 spesies serangga serta 119 spesies burung, termasuk 27 spesies burung hijrah yang singgah di sini pada Oktober hingga December 2015 khususnya di sel Upper Bisa, Presint 16. Pemantauan juga merekodkan 6 spesies burung baru ditemui di sini iaitu Green-Backed Flycatcher (*Ficedula elisae*), Germain's Swiftlet (*Aerodramus germani*), Himalayan Swiftlet (*Aerodramus brevirostris*), Two-barred Warbler (*Phylloscopus plumbeitarsus*), Asian Paradise Flycatcher (*Terpsiphone paradisi*) and Osprey (*Pandion haliaetus*). Pencapaian ini disokong dengan laporan *Surveillance and Monitoring of Avifauna (Birds) at Putrajaya Lake and Wetland 2015* mencatatkan kelompok *Phragmites karka* (Rumput Gedabong) menjadi tempat bersarang bagi burung-burung seperti tiung (*mynahs*) dan perling (*starlings*).





### **Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008**

Pada tahun 2015, sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya masih lagi berkuatkuasa bermula dari 25 Mac 2013 sehingga 28 Februari 2016.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 3 prosedur kualiti telah digugurkan menjadikan jumlah prosedur kualiti di Perbadanan Putrajaya sebanyak 67 prosedur. Hasil daripada auditan yang telah dijalankan, dapatlah dirumuskan bahawa Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 di Perbadanan Putrajaya telah dapat diterima sebagai satu budaya kerja. Kursus kesedaran (*awareness*) akan terus dijalankan bukan sahaja kepada pemilik prosedur tetapi juga kepada semua kakitangan lain di Perbadanan Putrajaya agar budaya kerja ini dapat terus dilaksanakan.

### **Pengurusan Risiko**

Pengurusan Risiko di Perbadanan Putrajaya telah dilaksanakan berdasarkan piawaian ISO 31000 dan Kerangka Kerja Pengurusan Risiko Perbadanan Putrajaya. Secara keseluruhannya terdapat sedikit peningkatan peratusan (%) kemajuan pelan tindakan mitigasi iaitu dari 75.12% pada tahun 2014 kepada 89.41% bagi tahun 2015.

Sebanyak 10 profil risiko telah mencatatkan penurunan kadar manakala 1 profil sahaja mencatatkan peningkatan. 9 profil risiko lagi masih mengekalkan status seperti tahun sebelumnya dan 7 profil risiko yang mencatatkan 100% pencapaian dalam Kemajuan Pelan Tindakan Mitigasi. Di antara 7 profil tersebut hanya 2 profil yang berstatus *Unacceptable Risk* manakala 5 profil lagi telah berstatus *Acceptable Risk*.

Bagi profil risiko yang berstatus *Acceptable Risk*, profil tersebut masih dikekalkan dan dipantau seperti biasa manakala 2 profil yang berstatus *Unacceptable Risk* akan dicadangkan kepada pihak pengurusan tertinggi supaya melaksanakan Tindakan Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan (ISO 22301: *Business Continuity Management (BCM)*).

### **Pengurusan ICT**

Perbadanan Putrajaya telah membangunkan sistem e-document dalam menguruskan pendaftaran, pegerakan, pemantauan dokumen secara elektronik. Pembangunan sistem ini dapat memudahkan pemantauan dokumen secara efisien malah dapat mengurangkan penggunaan kertas sekaligus menjimatkan perbelanjaan organisasi.

Pada 30 November 2015, pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah mengadakan sesi Audit Pemantauan Tahun Kedua ISO/IEC 27001:2013 terhadap skop pensijilan iaitu "Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Data (*Central Server Farm*) yang merangkumi Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan, Email dan IP Fax". Hasil auditan mendapati bahawa pelaksanaan *Information Security Management System (ISMS)* di Perbadanan Putrajaya adalah memuaskan dan disyorkan untuk terus dipersijilkan.

### **Perundangan**

Sehingga tahun 2015, sebanyak 12 perundangan sedang dalam proses penggubalan dan masih diperingkat jabatan pelanggan untuk pertimbangan perkara-perkara dasar atau di peringkat semakan Penasihat Undang-Undang Kementerian Wilayah Persekutuan atau Penggubal Jabatan Peguam Negara.

### **Pengurusan Cukai Taksiran**

Bil Cukai Taksiran dikeluarkan sebanyak dua (2) kali setahun. Penggal Pertama dikeluarkan pada bulan Januari 2015 ke atas 8,209 pembayar cukai dengan jumlah Cukai Taksiran sebanyak RM14,756,874.00. Manakala Penggal Kedua bil dikeluarkan pada bulan Julai 2015 sebanyak 8,425 dengan jumlah cukai RM14,794,767.00. Jumlah keseluruhan Cukai Taksiran yang dikenakan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM29,551,641.00. Terdapat peningkatan sebanyak 10.9% berbanding jumlah Cukai Taksiran bagi tahun 2014 iaitu RM26,314,046.00. Perbadanan Putrajaya telah berjaya mengutip cukai taksiran sebanyak 96.19% untuk tahun semasa 2015 dan telah berjaya mengekalkan peratusan tunggakan di paras sasaran kurang dari 1% sejak tahun 1999.

### **Prestasi Kewangan**

Kedudukan kewangan Perbadanan Putrajaya menunjukkan aset bersih pada tahun 2015 berjumlah RM3.89 bilion iaitu penurunan sebanyak RM43.9 juta atau 1.1% berbanding tahun 2014 yang berjumlah RM3.94 bilion. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh implikasi susut nilai dan pelupusan dalam hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM77.3 juta atau 2.17% pada tahun 2014 menjadi RM3.48 bilion berbanding RM3.55 bilion pada tahun 2014.

## Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2015

Perbadanan Putrajaya terus mencatatkan kurangan pendapatan bersih pada tahun 2015 berjumlah RM85.6 juta iaitu meningkat sebanyak RM9.75 juta atau 12.8% berbanding kurangan pendapatan RM75.8 juta pada tahun 2014. Peningkatan kurangan pendapatan ini disebabkan oleh perbelanjaan yang meningkat sebanyak RM19.2 juta atau 3.7% pada tahun 2015 menjadi RM542.3 juta berbanding RM523.1 juta pada tahun 2014.

Sebanyak RM167,850,000 telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Geran Penyelenggaraan Bandaraya Putrajaya dalam tahun 2015 berbanding RM172,730,000 yang diterima pada tahun 2014. Jumlah peruntukan ini adalah termasuk RM70 juta bagi Geran Pengurusan PICC dan RM67.5 juta bagi Penyelenggaraan Kuarters Putrajaya. Walaubagaimanapun, jumlah geran yang diterima ini adalah setelah mengambilkira sekatan sebanyak RM18,650,000 berbanding jumlah peruntukan sebenar yang diluluskan sebanyak RM186,500,000 pada tahun 2015.

Sementara itu, perbelanjaan Perbadanan Putrajaya (Kumpulan Wang Mengurus) bagi tahun 2015 turut menunjukkan peningkatan berbanding yang dicatatkan pada tahun 2014. Perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya masih merupakan komponen perbelanjaan terbesar Perbadanan. Komponen perbelanjaan ini menyumbang sebanyak RM322,761,457 atau 59.5% kepada keseluruhan perbelanjaan Perbadanan. Perbelanjaan penyelenggaraan Putrajaya merujuk kepada perbelanjaan yang terlibat bagi tujuan penyelenggaraan keseluruhan Putrajaya termasuk penyelenggaraan landskap, taman-taman kemudahan awam, pembersihan sisa pepejal, tasik putrajaya, pengurusan dan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan penyelenggaraan kuarters BPH.



Berbanding jumlah perbelanjaan sebenar penyelenggaraan Bandaraya Putrajaya sebanyak RM322,761,457, PPj perlu menampung perbezaan amaun perbelanjaan berjumlah RM154,911,457 dengan menggunakan sumber dana dalaman. Perbelanjaan ini dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa bagi memastikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dapat diurus secara cekap dan berkesan agar memenuhi keperluan sosio ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat.

Perbadanan Putrajaya juga turut menerima peruntukan bagi Kumpulan Wang Pembangunan bagi projek-projek pembangunan di Putrajaya mengikut *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-10. Peruntukan Pembangunan yang diterima pada tahun 2015 di bawah *Rolling Plan 4* Rancangan Malaysia Ke-10 adalah sebanyak RM84,610,000.



## UCAPAN PENGHARGAAN

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua serta berkat usaha gigih yang ditunjukkan oleh semua warga PPj, semua aktiviti yang dirancang sepanjang tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sokongan dan semangat kerja berpasukan yang tinggi di kalangan pekhidmat PPj telah berjaya mengharumkan nama PPj seterusnya Putrajaya apabila PPj banyak menerima anugerah dan pengiktirafan sama ada di peringkat kebangsaan atau peringkat antarabangsa. Komitmen ini amatlah penting agar PPj dapat membangunkan Putrajaya dengan lebih terancang dan seterusnya merealisasikan visi dan misi Putrajaya 2015.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Anggota PPj dan Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah kepimpinan YB. Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor yang sentiasa memberi dorongan dan kerjasama yang padu kepada PPj.

Akhir sekali saya mendoakan semoga PPj akan terus maju sebagai sebuah organisasi contoh yang dihormati dan menjadi kebanggaan negara.

### **Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail**

Presiden Perbadanan Putrajaya



## MAKLUMAT KORPORAT

### Visi

Putrajaya akan menjadi Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur, yang memenuhi keperluan sosioekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat.

### Misi

Tugas Perbadanan Putrajaya ialah merancang, mengurus dan membangunkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan secara cekap dan berkesan. Perbadanan Putrajaya memainkan peranan utama dalam merealisasikan visi Putrajaya untuk menjadi sebuah bandaraya yang terurus, bersemangat dan bertenaga serta makmur dengan:

- ❖ Membentuk dasar dan rangka kerja pembangunan yang sesuai;
- ❖ Menjalin hubungan dan pertalian yang membina dengan semua pemegang kepentingan dan rakan kongsi;
- ❖ Membina organisasi yang berprestasi tinggi, cekap dan mesra pelanggan;
- ❖ Menyediakan kemudahan awam yang bertaraf dunia;
- ❖ Memupuk persekitaran yang kondusif bagi aktiviti komersil yang semakin berkembang maju; dan
- ❖ Mengamalkan tahap tadbir urus dan integriti yang sangat baik.

### Nilai-Nilai Bersama

- ❖ Kami mengutamakan pelanggan dan komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti;
- ❖ Kami sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilaksanakan;
- ❖ Kami bekerja dalam satu pasukan bagi menjana kebolehan dan keupayaan bersama;
- ❖ Kami mendukung dan mengamalkan integriti pada setiap masa; dan
- ❖ Kami prihatin kepada komuniti dan alam sekitar





**CARTA ORGANISASI**



## ANGGOTA PERBADANAN PUTRAJAYA



**1. YBhg. Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail**  
Pengerusi Perbadanan Putrajaya

**YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aseh bin Haji Che Mat**

Pengerusi Perbadanan Putrajaya  
sehingga 31 Julai 2015

**2. YDM. Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Alhaj, D.S.I.S., J.P**  
Wakil Negeri Selangor

**3. YM Dato' Raja Haji Idris bin Raja Kamaruddin**  
Wakil Negeri Selangor

**4. YBhg. Dato' Hashmuddin bin Mohammad**  
Wakil Kerajaan Persekutuan  
(Kementerian Kewangan Malaysia)

**5. YBhg. Datuk Rahamat Bivi binti Yusoff**  
Wakil Kerajaan Persekutuan  
(Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri)

**6. YBhg. Dato' Ir. Haji Annies bin Md. Arif**  
Wakil Kerajaan Persekutuan  
(Jabatan Kerja Raya Malaysia)

**7. YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Putih**  
Wakil Swasta  
(Pengerusi CIMB Bank Berhad)

**8. YBhg. Dato' Haji Nordin bin Haji Hasan**  
Wakil Swasta



## Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2015

Anggota Perbadanan Putrajaya terdiri daripada:

- Presiden Perbadanan Putrajaya yang bertindak sebagai Pengerusi;
- 3 orang wakil Kerajaan Persekutuan;
- 2 orang wakil Kerajaan Negeri Selangor; dan
- 2 orang wakil swasta.

Komposisi tersebut adalah selaras dengan peruntukan subseksyen 5(1) Akta Perbadanan Putrajaya. Senarai Anggota Perbadanan Putrajaya sepanjang tahun 2015 adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Agensi	Anggota	Tempoh Lantikan
1.	Pengerusi Perbadanan Putrajaya	1) YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Aseh bin Haji Che Mat	1.8.12 - 31.7.15
		2) YBhg. Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail (menggantikan YBhg. Tan Sri Aseh bin Hj. Che Mat)	1.8.15 - 31.7.17
2.	Wakil Negeri Selangor	YDM. Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang, Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Alhaj, D.S.I.S., J.P	2.10.09 - 31.10.15
3.	Wakil Negeri Selangor	Y.M Dato' Raja Haji Idris bin Raja Kamaruddin	10.1.13 - 9.1.15
4.	Wakil Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kewangan Malaysia)	YBhg. Dato' Hashmuddin bin Mohammad	28.1.09 - 31.7.17
5.	Wakil Kerajaan Persekutuan (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri)	YBhg. Datuk Rahamat Bivi binti Yusoff	21.11.11 - 31.7.17
6.	Wakil Kerajaan Persekutuan	YBhg. Dato' Ir. Haji Annies bin Md. Arif (Jabatan Kerja Raya Malaysia)	25.7.12 - 1.5.15
7.	Wakil Swasta (Pengerusi CIMB Bank Berhad)	YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Putih	1.12.14 - 30.11.15
8.	Wakil Swasta	YBhg. Dato' Haji Nordin bin Haji Hasan	1.8.14 - 31.7.16

### Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya

Perbadanan telah mengendalikan 6 kali Mesyuarat Anggota Perbadanan, dan 1 kali Resolusi seperti berikut:

#### ❖ Bilangan Mesyuarat Anggota

Bil. Mesyuarat	Tarikh
1 Tahun 2015	27 Februari 2015
2 Tahun 2015	23 April 2015
3 Tahun 2015	25 Jun 2015
4 Tahun 2015	27 Ogos 2015
5 Tahun 2015	22 Oktober 2015
6 Tahun 2015	17 Disember 2015

#### ❖ Bilangan Resolusi

Bil. Resolusi	Tarikh
1 Tahun 2015	8 Jun 2015

**PENGURUSAN TERTINGGI PERBADANAN PUTRAJAYA**

1



2



3



4



5



6



7



8



9







**YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Aseh bin Hj. Che Mat**  
Presiden  
Perbadanan Putrajaya  
1.8.2012 hingga 31.7.2015

**1. YBhg. Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail**  
Presiden  
Perbadanan Putrajaya  
Mulai 01.08.2015

**2. YBhg. Datuk Mahiran binti Md. Isa**  
Naib Presiden/Setiausaha  
Jabatan Undang-Undang  
Mulai 01.07.2010

**3. YBhg. Datuk Hj. Muhamad Haitamin bin Ishak**  
Naib Presiden Kanan  
Jabatan Perkhidmatan Bandar  
Mulai 09.02.2015

Naib Presiden Kanan  
Perkhidmatan Korporat  
02.01.2014 hingga  
08.02.2015

**4. YBhg. Dato' Rogaizat Bin Abdullah**  
Naib Presiden  
Jabatan Perkhidmatan Korporat  
Mulai 09.02.2015

Naib Presiden Jabatan  
Landskap dan Taman:  
02.09.2014 hingga  
08.02.2015

**5. YBhg. Dato' Hj. Omairi bin Hashim**  
Naib Presiden  
Jabatan Perancangan Bandar

**6. YBhg. Dato' Mohtar bin Kamirun**  
Naib Presiden  
Jabatan Audit dan Kualiti Asurans  
Mulai 24.08.2015.

Naib Presiden  
Jabatan Kewangan  
09.02.2015 hingga  
23.08.2015

Naib Presiden  
Jabatan Perkhidmatan Bandar  
02.09.2014 hingga  
08.02.2015

**7. Tn. Hj (Ir) Razali b. Jamin**  
Naib Presiden  
Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan

**8. Tuan Haji (LAr.) Baharuddin Bin Aziz**  
Naib Presiden  
Jabatan Landskap dan Taman  
Mulai 09.02.2015

**9. Encik Nik Shukri Bin Nik Soh**  
Naib Presiden  
Jabatan Kewangan  
Mulai 24.08.2015

Naib Presiden  
Jabatan Audit dan Kualiti Asurans  
08.12.2014 hingga  
23.08.2015





## JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya  
(JAPPj)

### Pengerusi

YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Puteh  
(Pengerusi CIMB Bank Berhad)

### Ahli

YBhg. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi binti Yusuff  
(Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri)

YBhg. Dato' Hashmuddin bin Mohammad  
(Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan  
Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan  
Malaysia)

YBhg. Dato' Ir. Haji Annies bin Md Arif  
(Ketua Pengarah, Jabatan Kerja Raya Malaysia)

### Alamat Pejabat Yang Berdaftar

#### PERBADANAN PUTRAJAYA

Kompleks Perbadanan Putrajaya  
24, Persiaran Perdana, Presint 3  
62675 Putrajaya  
**MALAYSIA**



## LATAR BELAKANG PERBADANAN PUTRAJAYA

### Penubuhan Perbadanan Putrajaya

Perbadanan Putrajaya ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536) yang berkuatkuasa mulai 1 Mac 1996. Tujuan penubuhan Perbadanan Putrajaya adalah untuk membangun, mentadbir dan mengurus Wilayah Persekutuan Putrajaya

### Fungsi Perbadanan Putrajaya

Fungsi Perbadanan Putrajaya sebagaimana yang termaktub dalam Seksyen 4 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536] merangkumi perkara-perkara berikut:

- (a) Melaksanakan segala fungsi kerajaan tempatan di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (b) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya;
- (c) Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersil, pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya; dan
- (d) Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (b) dan (c) di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya.



## Aktiviti Utama Mengikut Jabatan:

### i. Pejabat Setiausaha Perbadanan/ Jabatan Undang-Undang

- Memberi khidmat kesetiausahaan kepada Anggota Perbadanan termasuk menyediakan dan menyemak kertas-kertas mesyuarat yang akan dibentangkan ke Mesyuarat Anggota Perbadanan
- Memberi nasihat undang-undang berkenaan perkara yang dirujuk oleh Perbadanan Putrajaya dan yang berkaitan anak-anak syarikat milik Perbadanan Putrajaya
- Membuat penyelidikan undang-undang
- Mengkaji, menyemak dan mendraf dokumen undang-undang bagi memastikan kepentingan Perbadanan Putrajaya dilindungi (seperti dokumen perjanjian, memorandum persefahaman, Tender, *Request for Proposal* (RFP) dan Sebut Harga)
- Menggubal rang undang-undang prinsipal dan undang-undang subsidiari
- Meminda dan mengubahsuai undang-undang sedia ada
- Menyediakan kes dan menjalankan pendakwaan di mahkamah
- Mengendalikan rayuan kompaun
- Menyelaraskan pengendalian kes guaman sivil di mahkamah dan timbangtara

### ii. Jabatan Audit Dalam dan Kualiti Asurans

- Menyediakan Rancangan Audit Tahunan untuk kelulusan Presiden dan Jawatankuasa Audit PPj.
- Mengkaji tahap permatuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan penguatkuasaan.
- Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi.
- Memastikan aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan.
- Menilai penjimatan, kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber-sumber PPj.
- Mengkaji sama ada aktiviti PPj diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan.
- Mengenal pasti masalah dan mengesyorkan langkah-langkah mengatasinya.
- Memberi nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk ICT.
- Menentukan keberkesanan data pengurusan PPj.
- Merancang dan menyelaraskan pengurusan risiko.
- Urusetia kepada Auditan Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO9001).
- Melaporkan hasil pengauditan kepada Presiden dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan; dan
- Membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Audit dan Risiko dan Jawatankuasa Audit PPj.
- Membangunkan pengurusan kesinambungan perkhidmatan (BCM)
- Menjalankan tugas berkaitan integriti bagi organisasi



### III. Jabatan Perkhidmatan Korporat

- Menyediakan Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya dan memantau pencapaian pelan berkenaan.
- Mengurus pencapaian KPI Presiden dan KPI Kementerian Wilayah Persekutuan.
- Mengurus pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang PBT dan Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan PBT.
- Mengurus dan melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 dan memastikan ianya dilaksanakan secara berterusan serta menambahbaik pelaksanaannya dari semasa ke semasa.
- Merancang dan menyediakan dasar dan prosedur pengurusan sumber manusia Perbadanan Putrajaya.
- Merancang dan melaksanakan pembangunan organisasi dan urusan perjawatan Perbadanan Putrajaya.
- Merancang dan melaksanakan urusan pengambilan, penempatan dan pertukaran pegawai Perbadanan Putrajaya selaras dengan program pusingan kerja dan pembangunan kerjaya pegawai-pegawai Perbadanan Putrajaya.
- Pembangunan Pelan Strategik ICT Perbadanan Putrajaya dan memantau pencapaian pelaksanaan Pelan Pembangunan Inisiatif ICT.
- Merekabentuk, membangun dan menyelenggara sistem-sistem atau aplikasi mengikut fungsi-fungsi utama Perbadanan Putrajaya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Pengurusan Keselamatan ICT iaitu *Backup/Data Recovery Center* (DRC) di Presint 14, *Firewall, Intruder Detection System, Anti-virus, ISO 27001:2013 (ISMS)* serta Dasar Keselamatan ICT.
- Menguruskan Permohonan Acara dan koordinasi Pengurusan Acara Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya /Kebangsaan/ Antarabangsa bersama Agensi Luar
- Menguruskan jemputan, sambutan dan protokol tetamu kehormat majlis rasmi Perbadanan Putrajaya.
- Menguruskan promosi destinasi pelancongan Putrajaya di peringkat domestik dan antarabangsa, penganjuran acara pelancongan
- Menguruskan Perhubungan Awam dan Media
- Menguruskan lawatan rasmi dan aktiviti penggambaran.
- Menguruskan aduan dan khidmat pelanggan.
- Menguruskan cenderamata korporat Perbadanan Putrajaya
- Menguruskan kombo dan koir Perbadanan Putrajaya
- Mengurus hal-ehwal pengurusan Kompleks PPj, Kompleks Pejabat Kedutaan Presint 15 dan Pangsapuri PPj Presint 11 merangkumi aspek kebersihan, keceriaan, keselamatan dan penyelenggaraan.
- Merancang, mengurus dan mengawal selia pelbagai aktiviti yang meliputi pentadbiran am, aset, prasarana, perkhidmatan keselamatan dan kenderaan pejabat.
- Mengurus hal-ehwal kenderaan dan pengangkutan merangkumi aspek perolehan, tempahan, penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan pejabat, pembaharuan cukai jalan serta pengeluaran waran penerbangan.



iv. **Jabatan Perkhidmatan Bandar**

- Menjalankan fungsi-fungsi penguatkuasaan dalam menguatkuasakan undang-undang, peraturan, garis panduan dan undang-undang kecil semasa serta membenteras kelakuan kurang sopan, kegiatan perjudian, laku musnah dan penyalahgunaan kemudahan awam.
- Melaksanakan aktiviti advokasi keselamatan jalan raya kepada komuniti Putrajaya selaras dengan matlamat Sifar Kemalangan Maut Jalan Raya
- Mengadakan latihan/kursus perniagaan kepada peniaga dan penjaja
- Memproses permohonan lesen-lesen Penjaja, Premis Perniagaan, Papan Tanda Perniagaan, Iklan Sementara dan Kafe Luaran di dalam Putrajaya
- Mengurus permohonan serta pelantikan pengusaha/operator premis perniagaan dan memantau operasi dari segi kebersihan dan penyenggaraan.
- Merancang, melaksana, mentadbir dan menilai dasar, peraturan dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat serta perkhidmatan yang berkaitan dengannya.
- Merancang dan mengurus dasar, garis panduan dan proses yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran operasi perkhidmatan kemudahan masyarakat seperti Kompleks Kejiranan, Pusat Pembelajaran Kejiranan, Tanah Perkuburan serta kemudahan dan peralatan yang berkaitan dengannya.
- Merancang dan melaksanakan dasar, peraturan serta aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan sukan dan rekreasi serta perkhidmatan kemudahan yang berkaitan dengannya.
- Memantau kerja-kerja pembersihan (pungutan sampah berjadual, pemotongan rumput, sapuan jalan dan pembersihan perparitan)
- Melaksanakan program dan aktiviti kitar semula
- Menjalankan penggredan premis makanan
- Menjalankan kawalan vektor nyamuk serta kawalan kacau ganggu anjing dan kucing liar

v. **Jabatan Perancangan Bandar**

- Memproses Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) Pendirian Bangunan (SA & PB)
- Menguruskan permohonan melalui Pusat Setempat (OSC).
- Kawalan Perancangan Reka Bentuk Bandar dan memproses permohonan permit bangunan
- Perlaksanaan PPA1M
- Kawalan Perancangan Reka Bentuk Bandar dan memproses permohonan permit bangunan
- Menyelaras Perlaksanaan Program-program Local Agenda 21 (LA21) Putrajaya
- Menyediakan Rancangan Struktur Putrajaya 2025 (RSP 2025), Rancangan Tempatan Putrajaya dan lain-lain Penyelidikan Perancangan
- Menyelaras Perlaksanaan Inisiatif Karbon Rendah Bandar Hijau Putrajaya bagi mencapai PGC 2025





- Perancangan, Pengawasan dan Promosi Kesedaran Alam Sekitar, Tasik dan Wetland
- Mengenakan syarat dalam kelulusan Kebenaran Merancang dan menjalankan Penguatkuasaan Alam Sekitar
- Perlaksanaan Sistem Pemantauan dan Pengurusan Tasik dan Wetland Putrajaya (Putrajaya Lake & Wetland Mangement And Monitoring System) PLWMOS
- Mengurus tasik dan Wetland Putrajaya dari aspek perancangan dan pembangunan meliputi kawasan persiaran, pengurusan kawalan tadahan, kawasan persisiran, pembangunan kemudahan awam serta infrastruktur yang berkaitan dengan aktiviti tasik.
- Mengawasi operasi penyelenggaraan dan aktiviti di Tasik dan Wetland termasuk pengawasan kualiti air dan biologi, tumbuhan wetland, burung dan ikan.
- Perlaksanaan Inisiatif-inisiatif Bangunan Hijau (*Green Building*) di Putrajaya
- Memproses Permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan (MB)
- Menjalankan kerja-kerja Inspektorat Bangunan (Penguatkuasaan dan Pemantauan)

vi. **Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan**

- Mengurus, menyelaraskan serta melaksanakan kerja operasi dan penyelenggaraan serta penambahbaikan pada jalan (termasuk infrastruktur di dalam rezab jalan), jambatan, terowong, cerun, sistem pengairan dan saliran, sesalur kabel ict, lampu jalan, lampu isyarat, tempat letak kereta, taman permainan kanak-kanak, pesisiran tasik, 'common utility trench', terowong monorel/lrt, sistem lalu lintas dan trafik serta lain-lain komponen infrastruktur milik perbadanan putrajaya
- Menguruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan jalan dan infrastruktur merangkumi perancangan, peralihan perunding, rekabentuk, perolehan dan pembinaan sehingga ke peringkat penyerahan projek selaras dengan peruntukan yang diluluskan serta mematuhi spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan
- Mengurus, mentadbir dan menyelia bagi kontrak kerja-kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan bangunan milik perbadanan putrajaya, kuarters pangsapuri kerajaan, kompleks kejuruteraan, medan selera, perpustakaan, pasar, depoh penyelenggaraan, krematorium, pusara negara, dataran pahlawan, taman awam, kemudahan awam dan gelanggang permainan
- Menguruskan pelaksanaan projek-projek bangunan dan kemudahan awam dalam bidang senibina, kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal dan elektrik yang merangkumi perancangan, peralihan perunding, penyediaan rekabentuk, pengurusan perolehan dan pembinaan sehingga ke peringkat penyerahan projek selaras dengan peruntukan yang diluluskan, memenuhi kehendak pelanggan serta mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan



### vii. Jabatan Landskap Dan Taman

- Perancangan dan Pembangunan Taman-taman Awam dan Rekreasi di Putrajaya.
- Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap di Kediaman Rasmi Kompleks Seri Perdana, Sri Satria, Kediaman Rasmi Presiden, Kompleks JPM, Puspanitapuri, 10 buah Taman-taman Awam, 10 Presint-Presint Kejiranan dan Presint Diplomatik, 4.2 km Persiaran Perdana (Boulevard), 38 km Sisiran Putrajaya (Promenad), 68 km Jalan-jalan Protokol, + 600,000 Pokok-pokok Ameniti serta lain-lain kawasan landskap, sukan dan rekreasi.
- Pengoperasian Program dan Aktiviti Taman-taman dari sudut Pendidikan dan Interpretif serta Sewaan Tapak dan Perkhidmatan Taman-taman dan Kawasan Landskap.
- Pengurusan Botani selaku “Mother of All Gardens” berobjektifkan Konservasi, Koleksi Herbarium, Pendidikan dan Rekreasi yang menjadi sumber rujukan taman-taman lain.
- Perancangan dan Kawalan Landskap - Kelulusan Landskap (eSKL), Kelulusan Pemasangan Pagar, Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC), Kelulusan Pengalihan dan Penebangan Pokok serta Kelulusan Penggunaan Kawasan Lapang.
- Penganjuran Floria Di Raja bersama dengan Pengurusan Anak Syarikat Putrajaya Floria Sdn. Bhd (PFSB)
- Perkhidmatan Hortikultur dan Hiasan Florikultur.
- Pengurusan Hidupan Liar.

### viii. Jabatan Kewangan

- Mengawal dan menguruskan belanjawan tahunan Perbadanan Putrajaya.
- Menyelaras bajet Rancangan Jangka Panjang Lima Tahun Perbadanan (Rancangan Malaysia)
- Menguruskan pelaburan jangka pendek (simpanan tetap) di dalam institusi kewangan dan perbankan yang diluluskan.
- Menyedia, mengemaskini dan menguatkuasakan Peraturan Kewangan, Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain peraturan berkaitan dari semasa ke semasa
- Menyediakan Penyata Kewangan tahunan dan penyata kewangan disatukan Perbadanan Putrajaya.
- Menguruskan pembayaran emolumen kepada pekhidmat PPj dan pembayaran kepada pembekal/kontraktor PPj.
- Melaksanakan pemantauan dan naziran pengurusan kesemua saluran kutipan hasil
- Membuat Penilaian bagi maksud cukai taksiran/kadaran
- Membuat Penilaian bagi maksud tuntutan sumbangan membantu kadar (SMK)
- Mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama berpandukan Akta Pengurusan Strata 2013
- Menguruskan pendaftaran aset melalui perolehan Belian Terus, Inden Kerja, Interim Kerja, Interim Pembayaran dan *Petty Cash* dan aset-aset yang diperolehi oleh Anak Syarikat PPj
- Mengurus dan menyelaras proses pelupusan, kehilangan dan hapuskira aset milikan Perbadanan Putrajaya
- Menentukan caj atau caruman kepada kumpulan wang penjelas yang kena dibayar oleh pembeli atau pemunya atau pemilik petak jika mereka tidak berpuashati dengan jumlah caj yang dikenakan oleh pemaju atau JMB atau MC
- Mengurus, Menyelaras dan melaksanakan kaedah perolehan dengan teratur dan lancar mengikut prodesur / tatacara perolehan yang telah ditetapkan di Perbadanan Putrajaya
- Memastikan pentadbiran tender, kontrak dan perolehan Perbadanan Putrajaya berjalan dengan lancar dan teratur mengikut syarat-syarat kontrak dan prosedur yang di tetapkan oleh Perbadanan Putrajaya serta tugas kawalan kos bagi memastikan pentadbiran kontrak adalah sepadan dengan nilai yang diperolehi.
- Memantau prestasi Anak Syarikat dan pematuhan atas keperluan Berkanun
- Memantau prestasi pelaburan dan usaha sama yang telah dilaksanakan
- Merekod dan memperakaunkan aktiviti-aktiviti hasil Perbadanan Putrajaya melalui penjana bil
- Menganalisa dan melaporkan prestasi penghutang kepada pihak pengurusan Perbadanan Putrajaya





# ANALISIS PRESTASI KEWANGAN






## ANALISIS PRESTASI KEWANGAN


Kedudukan kewangan Perbadanan Putrajaya menunjukkan aset bersih pada tahun 2015 berjumlah RM3.89 bilion iaitu penurunan sebanyak RM43.9 juta atau 1.1% berbanding tahun 2014 yang berjumlah RM3.94 bilion. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh susutnilai dan pelupusan dalam hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM77.3 juta atau 2.17% pada tahun 2015 menjadi RM3.48 bilion berbanding RM3.55 bilion pada tahun 2014.

PPj terus mencatatkan kurangan pendapatan bersih pada tahun 2015 berjumlah RM85.6 juta iaitu meningkat sejumlah RM9.75 juta atau 12.8% berbanding kurangan pendapatan RM75.8 juta pada tahun 2014. Peningkatan kurangan pendapatan ini disebabkan oleh perbelanjaan yang meningkat sejumlah RM19.2 juta atau 3.7% pada tahun 2015 menjadi RM542.3 juta berbanding RM523.1 juta pada tahun 2014.

Peningkatan kepada kurangan pendapatan ini juga telah membawa kepada pengurangan rizab terkumpul PPj kepada RM243.1 juta pada 31 Disember 2015. Perbandingan lebihan/kurangan pendapatan dan rizab terkumpul PPj bagi tempoh lima tahun sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti di Rajah 1 dan 2.



Rajah 1: Kurangan Pendapatan PPj



Rajah 2: Rizab Terkumpul PPj



## PENDAPATAN PERBADANAN PUTRAJAYA


Pecahan Pendapatan yang diperkaunkan oleh Perbadanan Putrajaya bagi Kumpulan Wang Mengurus (tidak termasuk geran hasil, yang merupakan transaksi perakaunan tanpa melibatkan penyaluran wang) bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Geran Kerajaan Persekutuan (RM)	Pendapatan Daripada Operasi (RM)	Lebihan Jualan Harta Tetap (RM)	Jumlah Pendapatan (RM)
2011	100,000,000	147,675,674	-	<b>247,675,674</b>
2012	121,000,000	155,958,959	67,292	<b>277,026,251</b>
2013	122,000,000	165,331,338	2,568,881	<b>289,900,219</b>
2014	172,730,200	172,977,967	-	<b>345,708,167</b>
2015	167,850,000	179,184,565	66,156,214	<b>413,190,779</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>683,580,200</b>	<b>821,128,503</b>	<b>68,792,387</b>	<b>1,573,501,090</b>

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak RM683.5 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2011 sehingga 2015 bagi membiayai sebahagian daripada kos penyelenggaraan Putrajaya. Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan merujuk kepada peruntukan yang diterima daripada Kementerian Wilayah Persekutuan bagi Geran Penyelenggaraan Bandaraya, Pengurusan PICC dan Penyelenggaraan Kuarters. Peruntukan yang diterima pada tahun 2015 sebanyak RM167,850,000 adalah setelah ditolak sekaton sebanyak 10% daripada jumlah peruntukan sebenar yang diluluskan sebanyak RM186,500,000. Selain itu, PPj turut menerima peruntukan khas daripada Kementerian Wilayah Persekutuan seperti NKEA, Pencahayaan dan Perbandaran.

Bermula 1 Jun 2013, pengurusan dan operasi Putrajaya International Convention Centre (PICC) telah diambilalih oleh PPj daripada Jabatan Perdana Menteri. Di samping itu, PPj juga turut menguruskan penyelenggaraan Kuarters Apartment Penjawat Awam Putrajaya yang diambilalih daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri secara berperingkat-peringkat bermula 1 Julai 2014.

Sebagai sebuah badan berkanun yang menjalankan fungsi sebagai PBT, pendapatan yang diperolehi melalui operasi dan aktiviti adalah 56% daripada jumlah pendapatan. Turut termasuk dalam pendapatan operasi adalah pendapatan yang diperolehi melalui Sumbangan Membantu Kadar yang diterima daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi bangunan-bangunan dan kuarters yang dimiliki oleh Kerajaan. Pada tahun 2015, pecahan pendapatan daripada operasi PPj adalah seperti berikut:




PERBELANJAAN PERBADANAN PUTRAJAYA

Sementara itu, perbelanjaan Perbadanan Putrajaya (Kumpulan Wang Mengurus) bagi tahun 2015 turut menunjukkan peningkatan berbanding yang dicatatkan pada tahun 2014. Perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya masih merupakan komponen perbelanjaan terbesar Perbadanan. Komponen perbelanjaan ini menyumbang sebanyak RM322,761,457 atau 59.5% kepada keseluruhan perbelanjaan Perbadanan. Perbelanjaan penyelenggaraan Putrajaya merujuk kepada perbelanjaan yang terlibat bagi tujuan penyelenggaraan keseluruhan Putrajaya termasuk penyelenggaraan landskap, taman-taman kemudahan awam, pembersihan sisa pepejal, tasik putrajaya, pengurusan dan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan penyelenggaraan kuarters Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH).

Bagi menampung perbelanjaan ini, PPj telah menggunakan keseluruhan Geran Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya yang diterima disamping turut ditampung daripada dana dalaman Perbadanan sendiri. Perbelanjaan ini dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa bagi memastikan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dapat diurus secara cekap dan berkesan agar memenuhi keperluan sosio ekonomi, rekreasi dan rohaniah penghuni, warga kerja dan pelawat. Perbandingan perbelanjaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya, PICC dan Kuarters Putrajaya dan Terimaan Geran Penyelenggaraan bagi tempoh lima tahun (2011-2015) adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Jumlah Geran Diterima (RM)	Jumlah Perbelanjaan Penyelenggaraan (RM)	Jumlah Penggunaan Sumber Dana Dalaman (RM)
2011	100,000,000	195,854,342	95,854,342
2012	121,000,000	184,827,182	63,827,182
2013	122,000,000	205,124,895	83,124,895
2014	172,730,200	291,903,100	119,172,900
2015	167,850,000	322,761,457	154,911,457
<b>JUMLAH</b>	<b>476,080,200</b>	<b>1,200,470,976</b>	<b>516,890,776</b>

Di samping itu, perbelanjaan pengurusan dan pengoperasian PPj ditanggung sepenuhnya oleh PPj melalui sumber pendapatan dalaman. Perbelanjaan pengurusan dan pengoperasian PPj merangkumi perbelanjaan emolumen, tuntutan perjalanan, perhubungan dan utiliti, penyelenggaraan dan pembaikan kecil, cukai dan insurans, perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti, penganjuran acara dan bekalan pejabat.



Perbelanjaan Operasi Perbadanan Putrajaya tahun 2015



## PERUNTUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

PPj turut menerima peruntukan bagi Kumpulan Wang Pembangunan bagi projek-projek pembangunan di Putrajaya mengikut *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-10. Peruntukan Pembangunan yang diterima pada tahun 2015 di bawah *Rolling Plan 4* Rancangan Malaysia Ke-10 adalah sebanyak RM84,610,000.

## PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT SUBSIDIARI

Sehingga 31 Disember 2015, Perbadanan mempunyai 5 buah syarikat subsidiari di mana kesemua syarikat tersebut merupakan milikan penuh Perbadanan Putrajaya dengan jumlah pelaburan seperti di bawah:

Nama Anak Syarikat Subsidiari	Peratus Ekuiti Dipegang	Jumlah Pelaburan (RM)
Pj Hotels & Resorts Sdn Bhd	100%	5,000,000
Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours (Terdahulu dikenali sebagai Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd)	99.99%	199,999
Marina Putrajaya Sdn Bhd (Terdahulu dikenali sebagai PPJ Kom Sdn Bhd)	100%	1,000,000
Putrajaya International Convention Centre (PICC) Sdn Bhd	100%	7,500,002
Putrajaya Floria Sdn Bhd	98%	100,000

## TANGGUNGAN DAN LIABILITI SEMASA PERBADANAN PUTRAJAYA

Sehingga 31 Disember 2015, jumlah tanggungan PPj di dalam liabiliti semasa adalah seperti berikut:-


Butiran	Jumlah (RM)
Pemiutang - KWM	99,906,255
Pemiutang - KWP	28,191,071
Wang Tahanan Projek	12,916,062
Deposit	10,176,550
Cagaran	5,057,527
Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain	3,554,749
<b>JUMLAH</b>	<b>159,802,214</b>

Selain itu, PPj juga perlu mengambikira bayaran (komitmen) bagi kontrak-kontrak yang telah ditandatangani bagi tender dan sebutharga. Sehingga 31 Disember 2015, jumlah komitmen modal yang perlu ditanggung oleh PPj adalah seperti berikut:-

Butiran	Amaun Kontrak (RM)	Amaun Telah Dibayar (RM)	Baki Belum Dibayar (RM)
Tender	662,281,121	293,242,710	369,038,411
Sebutharga	48,762,744	35,668,649	13,094,095
<b>JUMLAH</b>	<b>711,043,865</b>	<b>328,911,359</b>	<b>382,132,506</b>

Bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2011 sehingga 2015, adalah didapati nisbah semasa PPj masih di tahap yang baik di mana kesemua melebihi nilai 1 seperti di Rajah. Nisbah Kecairan PPj didapati menunjukkan penurunan kepada 3.37 pada tahun 2015 berbanding 3.82 yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

### NISBAH KECAIRAN PPj 2011-2015







# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN





## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Sepanjang tahun 2015, PPj telah berjaya menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan seperti berikut:



▲ **Anugerah:** Kecemerlangan Pengurusan Kewangan 2015 (Indeks Akauntibiliti) – 5 Bintang

**Badan Pengiktirafan:** Jabatan Audit Negara



◀ **Anugerah:** Honour Award- Green City Award, Government & City Council Category, Malaysia Landscape Architecture Awards 2014

**Badan Pengiktirafan:** Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)



**Anugerah:** Taman Awam Yang Memuaskan-Sambutan Hari Landskap Negara 2015

**Badan Pengiktirafan:** Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT)

▼ **Anugerah:** Social Media Excellence Award – Community Engagement- Malaysia Social Media Week (MSMW) 2015

**Badan Pengiktirafan:** World SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



▲ **Anugerah:** Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 (ISMS)

**Badan Pengiktirafan:** World SIRIM QAS International Sdn. Bhd.







# PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR

## PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BANDAR


### KAJIAN RANCANGAN STRUKTUR (RS) PUTRAJAYA 2025

Visi pembangunan bagi Putrajaya adalah “Putrajaya Mampan 2025”. Kajian RS Putrajaya 2025 ini akan jadi panduan pembangunan berteraskan 8 polisi yang dibentuk. Laporan RS Putrajaya 2025 telah diwartakan pada 7 Mac 2014. Pelaksanaan polisi RS Putrajaya 2025 akan dipantau dari masa ke semasa untuk memastikan perancangan dan pembangunan di Putrajaya ini adalah selaras polisi-polisi yang dicadangkan ini.

- Polisi 1 - Melonjakkan Putrajaya Sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Yang Cemerlang  
Polisi 2 - Membangunkan Ekonomi Bandar Yang Progresif Dan Pelbagai  
Polisi 3 - Memperkukuhkan Pelancongan Sebagai Fungsi Ekonomi Utama  
Polisi 4 - Memperkasakan Persekitaran Hidup Komuniti  
Polisi 5 - Putrajaya Ke Arah Bandar Hijau  
Polisi 6 - Melaksanakan Sistem Pengangkutan Bersepadu  
Polisi 7 - Menerapkan Pengurusan Guna Tanah Yang Responsif Dan Boleh Diadaptasikan  
Polisi 8 - Menerapkan Perkongsian Berkesan Dan Urus Tadbir Yang Baik.

Cabaran-cabaran utama bagi pembangunan Putrajaya sebagaimana yang digariskan dalam RS Putrajaya 2025 adalah:

- Mengukuhkan aktiviti komersil dan pelancongan di Pusat Bandar bagi memastikan sebuah bandar yang bersemangat dan bertenaga.
- Mempromosi Putrajaya secara meluas di peringkat tempatan dan antarabangsa bagi melonjakkan sektor pelancongan.
- Mempromosi Putrajaya sebagai Bandar Kosmopolitan
- Menyediakan perumahan, kemudahan sosial dan infrastruktur yang mencukupi mengikut keperluan penduduk pada masa hadapan
- Mengintegrasikan pembangunan guna tanah dengan pengangkutan awam
- Mempromosi Putrajaya sebagai Bandar Contoh dari segi Kemapanan dan Kesejahteraan Bandar serta Bandar Hijau
- Merealisasikan pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan utama
- Mengurus dan selenggara aset-aset awam di Putrajaya dengan cekap



*Laporan RS Putrajaya 2025 dan Laporan Pemeriksaan RS Putrajaya yang telah disediakan*



## KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN PUTRAJAYA

Penyediaan Kajian Rancangan Tempatan (RT) amatlah penting bagi membolehkan pihak awam dan penduduk setempat dapat memberi pandangan dan maklum balas berhubung perancangan di Putrajaya semasa peringkat Publisiti dan Pameran Awam RT Putrajaya. Melalui Kajian RT Putrajaya, pihak awam juga boleh mendapatkan maklumat dan perancangan masa depan kawasan Rancangan Tempatan dan mengenal pasti aktiviti yang dibenarkan bagi setiap plot perancangan dalam Laporan RT Putrajaya 2025.

Bagi tahun 2015, Rancangan Tempatan Presint 2, 3, 4 & 18, Putrajaya telah mendapat perakuan dari Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya pada 17 Disember 2015. Laporan RT ini akan melalui proses kelulusan dari Menteri Wilayah Persekutuan dan proses pewartaan bagi Rancangan Tempatan akan dijalankan. Secara keseluruhannya, Rancangan Tempatan Putrajaya yang telah diwartakan adalah seperti berikut :

- Rancangan Tempatan Presint 7, 8, 9 & 10, Putrajaya
- Rancangan Tempatan Presint 16, 17 & 19, Putrajaya
- Rancangan Tempatan Presint 5, 6 & 20, Putrajaya
- Rancangan Tempatan Presint 1 & 13, Putrajaya
- Rancangan Tempatan Presint 11
- Rancangan Tempatan Presint 12



*Publisiti dan Pameran Awam Draft Rancangan Tempatan Presint 2, 3, 4 & 18, Putrajaya*

## KAWALAN PERANCANGAN

Sebanyak 66 permohonan Kebenaran Merancang telah diproses sepanjang tahun 2015.

Pemprosesan Permohonan Kebenaran Merancang adalah melalui E-Submission (EWS). Jenis permohonan adalah sebagaimana berikut.

- a. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Susun Atur
- b. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pra-Hitungan
- c. Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pendirian Bangunan (KMPB)
- d. Permohonan Lanjutan Kebenaran Merancang Pelan Pendirian Bangunan
- e. Permohonan Perubahan Material (tukar guna kediaman kepada tadika / taska)

Permohonan cadangan pembangunan sekitar tahun 2015 lebih menjurus kepada penyediaan kemudahan awam kepada penduduk Putrajaya seperti pembangunan Tadika / Taska dan Surau Komuniti.

Sebuah kilang percetakan Al-Quran iaitu Nasyrul Quran adalah dalam peringkat kerja-kerja tanah di Presint 14, Putrajaya setelah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang pada tahun ini. Konsep pembangunannya meliputi dua komponen utama iaitu sebuah galeri dan kilang percetakan Al-Quran.

Berikut adalah di antara pemajuan yang telah diberi kelulusan Kebenaran Merancang pada tahun 2015:



*Cadangan Pembangunan Nasyrul Quran di Presint 14*



*Pembangunan 16 unit Tadika / Taska di Presint 18*



*Cadangan Pembangunan Surau Komuniti Presint 15*



*Cadangan Pembangunan Pejabat Kedutaan Qatar di Presint Diplomatik*

## KELULUSAN PELAN BANGUNAN

Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan telah dipertanggungjawabkan dalam memproses dan menyelaras pengemukaan pelan-pelan bangunan bagi tujuan mendirikan sesuatu bangunan baharu, memperbaiki, menambah atau mengubahsuai sesuatu bangunan sedia ada, mendudukinya secara keseluruhan atau sebahagian dan menguruskan hal-hal penambahbaikan apa-apa kehendak atau prosedur kerja yang berkaitan dengannya serta memantau aktiviti-aktiviti Bahagian Seni Bina dan Inspektorat Bangunan yang akan dibina, dalam pembinaan atau telah siap, dalam kawasan Putrajaya, mengikut peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986.



Berikut adalah maklumat jenis-jenis permohonan dan bilangan permohonan yang diterima berdasarkan tiga tahun sebelum:

Jenis Permohonan	2013	2014	2015
Kelulusan Mendirikan Bangunan (MB)	26	51	35
Kelulusan Pelan Pindaan (PP)	17	22	9
Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC)	19	25	28
Kelulusan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai (UB).	178	251	203
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>240</b>	<b>349</b>	<b>275</b>

*Nota:*

*Jumlah permohonan bagi tahun 2015 menunjukkan pengurangan sebanyak 20% berbanding permohonan bagi tahun 2014. Jumlah permohonan terbanyak bagi Tahun 2015 adalah daripada permohonan Kelulusan Kerja-Kerja Kecil dan Ubahsuai (UB).*

## BANGUNAN HIJAU

Bahagian Senibina dan Inspektorat Bangunan, melalui Seksyen Bangunan Hijau di bawahnya, juga bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan kepada kehendak bangunan hijau disediakan dalam bangunan bermula ketika mengemukakan Permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan bagi semua kategori bangunan terutamanya yang melibatkan kecekapan tenaga dan penyediaan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHS). Dalam tahun 2015, sejumlah 35 permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan yang dikemukakan dan diluluskan telah mematuhi kehendak yang tersebut di atas.



### Kolokium Piawaian Malaysia MS1184:2014 & MS1525 : 2014

Kolokium ini telah berlangsung pada 7 September 2015. Kolokium ini telah memberikan input kepada peserta yang hadir berkenaan Piawaian Malaysia yang melibatkan *Universal Design, Green Building* dan *Electrical Efficiency*. Kolokium ini diadakan dengan kerjasama pembentang-pembentang dari kalangan pakar-pakar yang terlibat menghasilkan Piawaian Malaysia iaitu pensyarah-pensyarah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

(UIAM) serta beberapa orang professional yang komited mengguna pakai Piawaian Malaysia. Kolokium ini juga dapat memastikan rekabentuk yang dibina adalah menepati piawaian yang ditetapkan dan *user friendly*.

### Reka Bentuk Sejagat Dan Akses Audit

Selain itu, dalam memastikan Putrajaya menjadi salah satu daripada bandar yang boleh diakses oleh semua termasuk golongan orang kurang upaya (OKU), kanak-kanak dan warga tua, Bahagian Senibina dan Inspektorat Bangunan melalui Sekyen Reka Bentuk Sejagat dan Akses Audit di bawahnya bertindak sebagai penyelar pematuhan kepada kehendak undang-undang kecil 34A, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986 yang merujuk kepada MS1184:2014 dan juga selaras dengan kehendak Akta Orang Kurang Upaya 2008 bermula dari peringkat pengemukakan Permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan dan juga pelaksanaan akses audit sebelum Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan.

**Akses audit** merupakan auditan ke atas persekitaran alam bina yang telah disiapkan bagi memastikan keboleksesannya oleh golongan orang kurang upaya, warga tua dan kanak-kanak serta kepatuhannya kepada kehendak reka bentuk sejagat.

Dalam tahun 2015, sejumlah 35 permohonan Kelulusan Mendirikan Bangunan Komersil, Pejabat dan Kemudahan Awam telah mematuhi kehendak reka bentuk sejagat. Akses audit juga telah dilaksanakan terhadap premis-premis, pejabat, kedai pejabat bagi memastikan reka bentuk dan pembinaannya benar-benar menepati kehendak reka bentuk sejagat.

#### Garis Panduan Rekabentuk Sejagat

Penyediaan garis panduan reka bentuk sejagat akan diguna pakai pada semua bangunan kediaman, kedai pejabat, pejabat dan komersial di Putrajaya.

Cadangan bagi mewujudkan Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat Putrajaya ini adalah merupakan garis panduan yang pertama seumpamanya diwujudkan di Malaysia dan selaras dengan peruntukan undang-undang kecil 123, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Wilayah Persekutuan Putrajaya) yang telah dikemukakan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan pada bulan Ogos 2014. Dengan mewujudkan garis panduan ini, Perbadanan akan dapat mengawal keperluan kediaman, pejabat dan komersial yang melibatkan inovasi rekabentuk untuk semua golongan termasuk warga tua dan OKU. Bengkel Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat Putrajaya Siri Ke-2 telah diadakan pada pertengahan Disember 2015.

#### Inspektorat Bangunan

Bagi memantapkan lagi penguatkuasaan undang-undang berkaitan bangunan dalam kawasan Putrajaya, Seksyen Inspektorat Bangunan telah diwujudkan. Seksyen ini bertanggungjawab selaku 'penyiasat' bagi pihak Perbadanan dalam mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Selangor) 1986.

Berikut adalah jumlah aktiviti yang melibatkan pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan:

Aktiviti	2014	2015
Lawatan dan laporan pemantauan tapak bina	582	80
Laporan/ pra kertas siasatan untuk pengeluaran kompaun	4	9
Kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan	4	0
Notis Kesalahan (seksyen 70 (13) Akta 133)	31	6
Notis Kesalahan (seksyen 70 (14) Akta 133)	19	0
Notis Arahan (pelbagai)	44	66
Notis Pematuhan	23	24
Notis lain (seksyen 46, 47, 80, 82, dll)	17	0
Mengambil tindakan dalam menyelesaikan aduan yang diterima melalui CRM yang melibatkan kesalahan bangunan	16	5

#### Hasil Fi Permohonan

Berikut adalah maklumat hasil yang diterima daripada permohonan berdasarkan tiga tahun sebelum:

Fi Permohonan	2013	2014	2015
Kelulusan Mendirikan Bangunan (MB)	RM952,844.21	RM637,180.30	RM352,587.00
Kelulusan Pelan Pindaan (PP)	RM207,028.75	RM66,127.61	RM35,658.00
Kelulusan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubah-suai (UB)	RM107,509.95	RM150,452.40	RM128,024.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>RM1,267,382.91</b>	<b>RM853,760.31</b>	<b>RM516,269.00</b>

#### Nota:

Jumlah hasil kutipan bagi tahun 2015 menunjukkan penurunan sebanyak 39% berbanding hasil kutipan bagi tahun 2014. Jumlah hasil kutipan terbesar bagi Tahun 2015 adalah daripada kutipan bagi fi Kelulusan Mendirikan Bangunan (MB).




**PENGURUSAN TANAH-TANAH MILIK PERBADANAN PUTRAJAYA DAN PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN (PTP)**

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri, PPj bertanggungjawab membuat permohonan tanah kerajaan yang akan diberihakmilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan juga tanah milik PPj iaitu permohonan berkaitan pembangunan tanah, pengambilan tanah, dan memantau kerja-kerja pengukuran tanah.

Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti dan pencapaian yang berkaitan dengan pengurusan hartanah sepanjang tahun 2015:


Bil	Aktiviti	Output
1.	Mengurus permohonan pindahmilik	63 permohonan
2.	Mengurus permohonan pemberihakmilikan	14 permohonan
3.	Mengurus pajakan	41 permohonan
4.	Mengurus pewartaan	2 permohonan

Pada tahun 2015, sebanyak 63 permohonan bagi pindahmilik tanah telah dipohon bagi memastikan tapak-tapak tanah seperti kemudahan awam dan utiliti milik PTP dipindah milik kepada PPj. Jumlah permohonan pindah milik tanah dari tahun 2013 sehingga 2015 adalah seperti berikut:




*Jumlah Permohonan Pindahmilik Tanah, 2013 - 2015*

Sebanyak 14 permohonan pemberihakmilikan tanah telah dipohon bagi memastikan tapak-tapak tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya diberihakmilik. Jumlah permohonan pemberihakmilikan tanah bagi tanah milik PTP dan PPj adalah seperti berikut :



*Jumlah Permohonan Pemberihakmilikan Tanah, 2013 - 2015*

Jumlah pewartaan tanah adalah sebanyak 2 lot yang meliputi kawasan lapang, taman-taman dan jaluran hijau. Pewartaan tanah ini adalah memastikan kawasan hijau di Wilayah Persekutuan Putrajaya dapat dijaga dan dipelihara bagi kegunaan awam. Jumlah pewartaan tanah dari tahun 2013 sehingga 2015 adalah seperti berikut:



*Jumlah Pewartaan Tanah, 2013 - 2015*

## PROJEK PERUMAHAN PENJAWAT AWAM MALAYSIA (PPA1M) PUTRAJAYA

YAB Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan pembangunan pertama PPA1M pada 17 April 2013, dimana PPA1M pertama dilancar untuk dibangunkan di kawasan Putrajaya. PPA1M merupakan satu projek perumahan yang diilhamkan oleh Kerajaan untuk membantu penjawat awam bagi memiliki rumah dengan harga terkawal diantara RM90,000 hingga RM300,000. Perbadanan Putrajaya merupakan salah satu agensi pelaksana yang diamanahkan untuk merancang, membangun dan menguruskan PPA1M bagi kawasan Putrajaya dengan anggaran 17,500 unit secara keseluruhannya.



### PPA1M Putrajaya Fasa 1

Secara keseluruhan, terdapat 9 projek pembangunan PPA1M Putrajaya Fasa 1 yang kini sedang giat dibangunkan di Putrajaya iaitu PPA1M Palma, Melinjau, Jintan, Larai, Seruling, Selasih, Pudina, Kasturi dan Ketumbar. Kesemua projek pembangunan tersebut telah dicabut undi oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Ketua Setiausaha Negara. Proses menandatangani Perjanjian Jual dan Beli bagi 7,872 pembeli dijangka bermula pada awal 2016. Projek fasa 1 ini dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2017.



**PPA1M Putrajaya Fasa 2**

Perbadanan Putrajaya juga telah melancarkan PPA1M Putrajaya Fasa 2 di mana permohonan ini telah dibuka secara online bermula pada 12 Februari 2015 dan ditutup pada 12 Mac 2015. Pembangunan PPA1M Putrajaya Fasa 2 sekarang ini sedang di peringkat kelulusan pelan pembangunan iaitu bagi PPA1M Melur, Tanjung, Cengkiah, Saderi dan Dalur.

Perancangan pembangunan fasa 2 sebanyak 5,378 unit PPA1M dijangka akan siap sepenuhnya pada 2019 dan cabutan undi dijangka akan diadakan pada pertengahan tahun 2016.

**PPA1M Putrajaya Fasa 3**

Perbadanan Putrajaya juga sedang merancang untuk membangunkan PPA1M Fasa 3 sebanyak 4,270 unit lagi. Pembangunan fasa 3 ini masih lagi di peringkat perancangan awal.



*Pangsapuri PPA1M Seruling, Presint 15*



*Pangsapuri PPA1M Melinjau, Presint 11*


BANDAR HIJAU

**Inventori Tahap Pelepasan Gas Rumah Hijau Putrajaya 2014**


Bermula tahun 2010 Perbadanan Putrajaya telah menjalankan inventori terhadap tahap pelepasan gas rumah hijau (GHG) di Putrajaya bagi mengukur pencapaian inisiatif bandar hijau yang telah dilaksanakan.

Jumlah pelepasan karbon bagi tahun 2014 ialah 1,542ktCO<sub>2</sub>eq berbanding dengan 1,316ktCO<sub>2</sub>eq pada tahun 2013. Ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti peningkatan dalam luas lantai bangunan siap bina, penduduk dan pekerja. Pelepasan per kapita pula adalah sebanyak 13.2tCO<sub>2</sub>eq.

Rumusan tahap pelepasan karbon 2013 berbanding dengan tahap tahun asas 2007 dan tahun sasaran 2025 adalah seperti berikut:



Hasil inventori menunjukkan pelepasan karbon tertinggi adalah dari sektor bangunan iaitu 67% (1,038 ktCO<sub>2</sub>eq), diikuti oleh sektor pengangkutan iaitu 28% (432ktCO<sub>2</sub>eq) dan sektor sisa pepejal iaitu 5% (72ktCO<sub>2</sub>eq).



*Pelepasan GHG berdasarkan tiga skop utama*

**Forum Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya 2015**

Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan Forum Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya pada 12 Mac 2015, bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Jumlah keseluruhan peserta yang telah menghadiri forum ini adalah seramai 251 orang terdiri daripada syarikat pemaju, sekolah, persatuan penduduk, agensi kerajaan dan swasta serta pegawai PPj. Forum ini telah melibatkan pembentangan tiga (3) kertas kerja yang berkaitan pengurusan sisa pepejal dan aktiviti 3R.

**Anugerah Putrajaya Green City 2025 (PGC2025): Kreativiti 3R2015**

Anugerah Putrajaya Green City 2025 (PGC2025): Kreativiti 3R merupakan satu program baru yang disertai oleh 8 buah sekolah rendah dan 8 buah sekolah menengah sempena Forum Bandar Hijau Karbon Rendah 2015 yang bertemakan Pengurusan Sisa Pepejal dan Aktiviti 3R.

Juara keseluruhan bagi kategori Sekolah Menengah adalah SMK Putrajaya Presint 9(1) dengan hasil rekaan 3R yang bertajuk “My Snail Bin”. Manakala bagi kategori Sekolah Rendah diungguli oleh SK Putrajaya Presint 9(1) dengan hasil rekaan 3R yang dinamakan sebagai “Sistem Penyiraman Sendiri Organik (SPES\_O)”.




## BANDAR SELAMAT

Program dan aktiviti yang telah diadakan bagi Program Bandar Selamat (PBS) Putrajaya pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

- Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat dan “Focus Group” Bandar Selamat Putrajaya telah diadakan sebanyak 6 kali.

Berdasarkan kepada statistik indeks jenayah dari pihak IPD Putrajaya, terdapat penurunan kadar indeks jenayah pada tahun 2015 sebanyak 5.2% berbanding tahun 2014.



Penganjuran Forum Bandar Selamat Putrajaya 2015 pada 21 Oktober 2015 (Rabu) bertempat di Auditorium Cempaka.



*Forum Bandar Selamat Putrajaya 2015*

Terdapat pelaksanaan dua (2) Projek Fizikal Program Bandar Selamat iaitu Pemasangan Pagar Keselamatan melalui sumbangan “Corporate Social Responsibility” (CSR) di Kawasan Perumahan Presint 10 dan Kawasan Perumahan P15H, Presint 15.

## PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN

Dalam tahun 2015, antara projek yang telah disiapkan adalah seperti berikut :



*Pusara Negara di Presint 20*



*Padang Bola Sepak Pantai di Presint 4*



*Depoh Bas di Presint 14*



*Naik Taraf Surau Putra Al-Amin di Presint 8, Surau Ar-Raudhah di Presint 16 dan Naik Taraf Dewan Sekolah Kebangsaan Presint 18(2) melalui Program Quick Win Touch Point*

## PENYENGGARAAN LAMPU AWAM DI PUTRAJAYA

Penyenggaraan Lampu Awam dan Lampu Taman yang dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya meliputi Penyenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance) dan Penyenggaraan Pembaikan (Corrective Maintenance).

Penukaran lampu jalan jenis konvensional ke jenis LED telah dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan. PPj juga telah mensyaratkan kepada pemaju untuk menyediakan lampu jalan dan lampu taman jenis LED bagi pembangunan baru.

Bagi memastikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Selamat, pemantauan yang kerap telah dilakukan untuk mengesan kerosakan lebih awal supaya kerja-kerja pembaikan dapat dilakukan segera untuk menjamin keselesaan dan keselamatan penduduk.





# PERKHIDMATAN PERBANDARAN

## PERKHIDMATAN PERBANDARAN

### PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Dalam memajukan Putrajaya sebagai “bandar contoh” pada tahun 2015, PPj bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan mengendali kemudahan perniagaan selari dengan perancangan dan pembangunan infrastruktur serta perkhidmatan perbandaran untuk masyarakat sekaligus mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif di Putrajaya.

Pembangunan jenama baru yang positif kepada peniaga di premis-premis perniagaan kendalian Perbadanan Putrajaya juga amat dititikberatkan dan dilakukan bagi memastikan peniaga-peniaga baru ini mampu berdaya saing seiring dengan kemajuan dan kehendak masyarakat sekitar. Pada era perniagaan masa kini, jenama dilihat sebagai satu instrumen yang penting dalam pemasaran sesebuah perniagaan. Jenama adalah satu-satunya cara paling efektif dalam menguasai pasaran sesuatu produk. Ini kerana, sesuatu jenama akan membantu membentuk identiti produk dan perniagaan itu sendiri.

Kajian bagi tujuan potensi perkembangan perniagaan ke atas premis perniagaan dilakukan secara terperinci dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Kajian ini juga meliputi segala aspek termasuk sosial, fizikal, ekonomi dan persekitaran kawasan yang ingin dibangunkan sebagai kawasan perniagaan. Selain daripada itu, kajian dalam mengenalpasti pembangunan usahawan itu sendiri juga turut dilaksanakan dengan merancang pelbagai kursus, peluang dan ruang serta bantuan khidmat nasihat bagi melahirkan usahawan dan peniaga yang berdaya maju.



Aktiviti yang diadakan pada tahun 2015 adalah seperti berikut :



#### **Festival Ramadan Putrajaya**

Pada tahun 2015, Perbadanan Putrajaya telah menganjurkan Festival Ramadan Putrajaya buat kali ke-3 di Kiblat Walk dan perkarangan Kompleks Perbadanan Putrajaya. Objektif utama penganjuran festival ini adalah untuk menarik pelancong dan pengunjung ke Putrajaya dan menjadikan Putrajaya sebagai lokasi alternatif untuk mendapatkan barang keperluan sambutan hari raya Aidilfitri. Hasil jualan kasar sepanjang bulan Ramadhan bagi 92 peniaga barangan raya adalah sebanyak RM911,140.00. Anggaran jumlah pengunjung yang telah menghadiri festival ini adalah seramai 500,000.00 orang.



Pengisian program untuk memeriahkan festival ini merangkumi jualan keperluan barangan raya, aktiviti keagamaan dan persembahan kesenian Islam oleh artis-artis terkenal serta ceramah/tazkirah agama. Kemuncak Festival adalah pada hari Nuzul Al-Quran di mana telah diadakan Program Bubur Lambuk Amal Media berasrama komuniti Putrajaya dan Majlis Khatam Quran Perdana anjuran Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Presint 3, Putrajaya.



### Bazar Ramadan Putrajaya

Bazar Ramadan Putrajaya pada tahun 2015 diadakan di tapak tempat letak kereta Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA), Presint 3, Putrajaya. Terdapat seramai 300 peniaga dengan hasil jualan kasar sebanyak RM2.2 juta. Daripada 300 peniaga tersebut, seramai 172 orang adalah daripada kalangan penduduk Putrajaya.



Bazar Laman Perdana telah beroperasi selama 3 tahun bermula pada tahun 2012. Bazar Laman Perdana diadakan pada setiap hari Sabtu yang mengetengahkan konsep jualan barangan kering. Pendapatan peniaga kecil di sini adalah sebanyak sekitar RM800.00 hingga RM2,000.00 sebulan. Secara puratanya, anggaran jumlah jualan kasar bagi 25 peniaga sepanjang tahun 2015 adalah sebanyak RM240,000.00.

### PIIACUF & LAMPU 2015

Bahagian Komersial, Pengembangan Perniagaan dan Pelesenan (BKPPP) telah menyediakan *Food & Beverages Area* sempena acara *Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF)* dan *Light & Motion Putrajaya (LAMPU)* 2015 yang diadakan 29 Oktober hingga 01 November 2015. Ruang-ruang niaga telah diisi oleh peniaga statik dan bergerak yang menyediakan masakan popular rakyat Malaysia.



## SEWAAN LOT NIAGA

Jumlah keseluruhan lot premis milik Perbadanan Putrajaya yang ditawarkan untuk sewaan berjumlah 203. Unit Sewaan, Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan menguruskan sebanyak 203 lot premis seperti jadual berikut:

Bil	Premis	Jumlah Keseluruhan Lot	Jumlah Premis Yang Disewakan
1	Selera Putra, Presint 1	13	11
2	Souq Aras Atas, Presint 1	25	16
3	Souq Aras Bawah, Presint 1	14	14
4	Selera Laman Perdana, Presint 1	10	10
5	Taman Botani, Presint 1	2	1
6	Bangunan Monumen Alaf Baru, Presint 2	2	2
7	Kios Persiaran Perdana Sepanjang Presint 2, 3 Dan 4	12	12
8	Pusat Kawalan Empangan, Presint 5	1	1
9	Kompleks Sukan Luncur (Skate Park), Tmn Cabaran, Presint 5	2	2
10	Kompleks Sukan Mendaki (Climbing Centre), Tmn Cabaran, Presint 5	2	2
11	Kompleks Kolam Renang, Presint 6	3	3
12	Medan Selera Presint 8	15	10
13	Pasar Awam Presint 8	46	44
14	Medan Selera Presint 9 <b>(Diuruskan oleh Pengusaha Utama)</b>	1	1
15	Kompleks Kejiranan Presint 9	3	3
16	Medan Selera Presint 11 <b>(Diuruskan oleh Pengusaha Utama)</b>	1	1
17	Kafeteria Taman Wetland, Presint 13	2	2
18	Kompleks Kejiranan Presint 11	4	3
19	Medan Selera Presint 16	6	6
20	Pasar Awam Presint 16	31	31
21	Kompleks Kejiranan Presint 16	7	7
22	Kafeteria Kompleks Futsal, Presint 18	1	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN LOT</b>		<b>203</b>	<b>183</b>

Lot-lot niaga selebihnya diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perkhidmatan Korporat seperti jadual di bawah:

Bil	Premis	Jumlah Keseluruhan Lot	Jumlah Premis Yang Disewakan
1	Kompleks PPj	36	23
2	Kompleks Pejabat Kedutaan dan Pusat Pelawat di Presint 15;	48	27
3	Pangsapuri Putra Damai, presint 11	4	4
<b>JUMLAH KESELURUHAN LOT</b>			



Hasil kutipan sewa lot pejabat/komersil Unit Sewaan, Bahagian Komersial, Pembangunan Perniagaan dan Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar serta Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perkhidmatan Korporat bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM8,376,715.10.

Sepanjang tahun 2015, tiada premis baru yang dibangunkan oleh PPj. Sebahagian lot premis di Marina Putrajaya telah diserahkan kepada Marina Putrajaya Sdn. Bhd. Iaitu anak syarikat Perbadanan Putrajaya.

## PELESENAN

### Perlesenan Premis Perniagaan Dan Penjaja

Sebanyak 6,472 lesen premis perniagaan dan penjaja telah dikeluarkan sepanjang tahun 2015. Bilangan Lesen Premis dan Penjaja yang dikeluarkan menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 31.3% berbanding tahun sebelumnya. Perincian perbandingan bilangan pengeluaran lesen dari tahun 2013 - 2015 adalah seperti jadual di bawah:


Jenis Lesen	Tahun		
	2013	2014	2015
Lesen Premis Perniagaan	172	230	242
Pembaharuan Lesen Premis	636	720	688
Lesen Penjaja Statik	12	50	12
Pembaharuan Lesen Penjaja Statik	74	80	63
Penjaja Sementara	3855	3850	837
<b>Jumlah</b>	<b>4749</b>	<b>4930</b>	<b>1842</b>

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 1,611 lot penjaja/peniaga kecil semasa acara telah disediakan, 72% daripada jumlah tersebut telah ditawarkan kepada penduduk dan peniaga di Putrajaya dan selebihnya adalah kepada peniaga luar Putrajaya. Peluang-peluang yang disediakan ini menyumbang kepada peningkatan taraf ekonomi penjaja dan peniaga kecil di Putrajaya khususnya.

### Pelesenan Iklan

Pada tahun 2015 pengeluaran lesen iklan menunjukkan peningkatan sebanyak 8% berbanding tahun sebelumnya. Perkara ini adalah hasil pembukaan lot-lot komersial yang baharu. Perincian pengeluaran lesen iklan adalah seperti di bawah:

Bilangan Pengeluaran Lesen Iklan



*Pengeluaran Lesen Iklan 2013 - 2015*

**Kutipan Hasil Aktiviti Komersial, Pengembangan Perniagaan dan Perlesenan**

Bil	Perkara	(RM) 2013	(RM) 2014	(RM) 2015
1	Kutipan sewa dari premis tetap	3,378,189.32	3,445,867.89	3,143,023.90
2	Kutipan Hasil dari lesen perniagaan	398,987.00	407,530.00	424,633.00
3	Kutipan Hasil dari lesen iklan	526,592.00	584,026.00	554,249.00
4	a. Kutipan sewa pasar ramadhan	118,000.00	123,125.00	205,799.80
	b. Kutipan sewa tapak Bazar Laman Perdana	29,744.00	17,060.00	32,641.50
	c. Kutipan sewa tapak semasa acara	255,984.50	255,330.20	242,966.70
	<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>4,707,496.82</b>	<b>4,832,939.09</b>	<b>4,603,313.90</b>

*Kutipan Hasil Aktiviti Komersial, Pengembangan Perniagaan Dan Perlesenan, 2013 - 2015*

Berdasarkan jadual di atas, secara keseluruhannya kutipan hasil PPj tahun 2015 telah menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 4.8% berbanding dari tahun sebelumnya. Penurunan hasil pada tahun ini adalah kerana terdapat premis milik PPj yang telah diserahkan kepada pengurusan Marina Putrajaya Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Perbadanan Putrajaya.

Kutipan hasil lesen perniagaan pada tahun 2015 menunjukkan peningkatan sebanyak 4.2% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh penambahan lot-lot komersial baharu, manakala kutipan hasil lesen iklan menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 5.1% berbanding tahun sebelumnya. Walaupun hasil menurun, jumlah permohonan iklan didapati bertambah. Ini berikutan bertambahnya permohonan iklan oleh agensi kerajaan yang dikecualikan bayaran Fi Lesen Iklan.

Kutipan keseluruhan hasil sewaan bagi Pasar Ramadan, tapak Bazar Laman Perdana dan tapak acara lain pada tahun 2015 adalah RM481,408.00 menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 21% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM395,515.20.

**MERINYU**

Unit Merinyu telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 2014. Secara amnya unit ini ditubuhkan untuk memantau segala aktiviti perniagaan di Putrajaya agar mematuhi peraturan pelesenan seperti yang telah diluluskan oleh pihak PPj. Diantara skop dan fungsi Unit Merinyu adalah seperti berikut :-

1. Pemeriksaan/pemantauan pematuhan lesen premis di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Putrajaya) 1999 untuk tujuan pembaharuan;
2. Pemeriksaan/pemantauan pematuhan lesen iklan di bawah Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002 untuk tujuan pembaharuan;
3. Pemeriksaan/pemantauan pematuhan lesen penjaja dan gerai di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (Perbadanan Putrajaya) 1999 untuk tujuan pembaharuan;
4. Pemeriksaan/pemantauan pematuhan kedai makan atau restoran di bawah Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (Perbadanan Putrajaya) 1999 untuk tujuan pembaharuan;
5. Pemeriksaan/pemantauan pematuhan lesen penjaja untuk pengurusan acara di Putrajaya;
6. Pemeriksaan pematuhan lesen premis/iklan yang telah diluluskan secara ekpress;
7. Operasi pemantauan bersepadu bersama Jabatan dan Bahagian lain yang terlibat; dan
8. Mengeluarkan Notis Amaran kepada pengusaha yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.



**Pemeriksaan Pematuhan Lesen**

Pemantauan pematuhan lesen dilakukan mengikut jadual pemantauan yang dikeluarkan dan bilangan premis yang hendak dilakukan pemeriksaan. Pemeriksaan ini biasanya melibatkan Unit Merinyu dan unit-unit lain dalam Seksyen Pelesenan dan Seksyen Pembangunan Perniagaan.

**Operasi Pemantauan Bersepadu Bersama Jabatan Dan Bahagian Lain Yang Terlibat**

Pemantauan operasi bersepadu dilakukan bersama-sama Jabatan Perancangan Bandar, Bahagian Kawalan Kesihatan dan Bahagian Penguatkuasaan. Operasi bersepadu ini telah dilaksanakan melalui sejumlah 1,100 lawatan ke premis-premis bagi memantau perkara-perkara seperti berikut :-

- 1. Lesen Premis dipamerkan
- 2. Perniagaan dijalankan seperti yang diluluskan
- 3. Kebersihan secara keseluruhan



*Pemeriksaan Lesen Premis Kantin Tapak Projek AZRB, Presint 1*



*Pemeriksaan dan pembukaan Iklan haram Di Presint Diplomatik*




*Pemeriksaan Lesen Penjaja Flea Market di Presint 9*



## PENGURUSAN KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA

Pengurusan Kompleks PPj merangkumi kontrak-kontrak perkhidmatan seperti pembersihan dan pencucian bangunan, khidmat kawalan serangga, *healthcare* dan kawalan keselamatan. PPj telah membelanjakan sebanyak RM2,070,368.48 pada tahun 2015 sebagaimana yang ditunjukkan di Jadual di bawah. Iaitu pengurangan sebanyak 0.6% berbanding tahun 2014.

Data Pengurusan Kompleks PPj



Pengurangan perbelanjaan tersebut adalah sejajar dengan penambahan skop, tenaga kerja serta penyelarasan kontrak-kontrak bagi menambah baik perkhidmatan yang disediakan. Ia bagi memastikan kemudahan serta persekitaran Kompleks PPj sentiasa terus dan selesa samada untuk warga kerja PPj atau pelawat-pelawat yang mengunjungi kompleks ini.

Selain itu, penyelenggaraan bangunan adalah satu lagi aspek penting dalam memastikan kompleks ini terus berfungsi sewajarnya. Tahun 2015 telah merekodkan aduan sebanyak 423 kerosakan kecil sebagaimana yang ditunjukkan di jadual di bawah. Terdapat pengurangan sebanyak 28% bagi tahun 2015 berbanding 2014 ekoran dari tindakan *preventive maintenance*. Pembaikan telah dilaksanakan ke atas kerosakan yang dilaporkan.

Data Aduan






**Sewaan Dewan Persidangan Dan Auditorium**

Kompleks Perbadanan Putrajaya mengandungi beberapa komponen dewan iaitu Dewan Persidangan yang terdiri daripada Dewan Seri Melati dan Dewan Seri Siantan serta Auditorium Cempaka Sari. Terdapat juga sebuah dewan yang turut diuruskan oleh PPj iaitu Dewan Seri Seroja yang terletak di Presint 15. Kemudahan-kemudahan ini menyediakan ruang untuk aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti majlis perkahwinan, mesyuarat agong, persembahan, konsert dan sebagainya.

Untuk tahun 2015, hasil kutipan sewaan dewan-dewan tersebut telah menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 2.6% atau RM1,554,395.06 berbanding tahun 2014.

Hasil Sewaan Dewan



## PENGURUSAN KUARTERS PERBADANAN PUTRAJAYA

PPj turut mempunyai sejumlah 425 unit rumah mampu milik yang terletak di Pangsapuri Putra Damai, Presint 11, Putrajaya. 62 unit rumah disediakan untuk pegawai/kakitangan tetap, kontrak dan sambilan PPj. Manakala jumlah selebihnya iaitu 357 unit disewakan kepada penyewa luar dengan kadar antara RM400.00 hingga RM500.00 sebulan berdasarkan aras rumah.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5 unit rumah telah dijadikan sebagai Rumah Tetamu di mana 3 unit mempunyai 3 bilik tidur dan 2 unit lagi mempunyai 2 bilik tidur. Rumah-rumah ini yang telah dilengkapi dengan kemudahan seperti perabot dan perkakasan dapur disediakan bertujuan untuk disewakan kepada tetamu PPj, Kementerian Wilayah Persekutuan, pihak yang mempunyai urusan rasmi dengan PPj serta pegawai & kakitangan PPj untuk tempoh jangka pendek.

Hasil kutipan sewaan kuarters kepada pegawai/kakitangan PPj bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM154,224.37, manakala untuk penyewa luar adalah sebanyak RM1,712,329.90. Manakala hasil sewaan Rumah Tetamu pula adalah sebanyak RM25,674.35.

### Jumlah Hasil Sewaan Pangsapuri Putra Damai Bagi Tahun 2013, 2014 & 2015

KETERANGAN HASIL	2013 AMAUN (RM)	2014 AMAUN (RM)	2015 AMAUN (RM)
Sewa Kuarters PPj (staf)	132,880.00	138,481.03	154,224.37
Sewa Pangsapuri Putra Damai (penyewa luar)	1,748,700.00	1,730,544.69	1,712,329.00
Sewa Rumah Tetamu PPj	21,420.00	21,220.00	25,674.35
Jumlah:	1,903,000.72	1,890,245.72	1,892,227.72



## PENYELENGGARAAN KUARTERS KERAJAAN

Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Kuarters Pangsapuri Kerajaan oleh PPj telah mula diambil alih secara berperingkat-peringkat dari Jabatan Kerja Raya sejak bulan Jun 2014.

Sehingga akhir tahun 2015, sebanyak 12,838 unit rumah pangsapuri di Presint 5, 8, 9, 11, 14, 15, 16, 17 dan 18 telah diselenggara oleh PPj dengan mengamalkan penyelenggaraan secara komprehensif, penyelenggaraan untuk pencegahan (*preventive*), penyelenggaraan pembaikan (*corrective*), dan penyelenggaraan untuk penambahbaikan (*predictive*).

Antara skop-skop kerja merangkumi perkhidmatan pembersihan, pembaikan sivil, penyelenggaraan dan pembaikan sistem mekanikal serta elektrik, penyelenggaraan landskap, perkhidmatan kawalan serangga dan program keselamatan dan kesihatan.

Kerja-kerja yang dilaksanakan termasuk masalah-masalah lama yang ditangani secara berperingkat. Kerja-kerja yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- 1) Menukar/menaiktaraf sistem lif;
- 2) Membaiki/menambah baik kemudahan-kemudahan yang rosak dan using;
- 3) Menambah baik sistem janakuasa; dan
- 4) Mengusahakan bagi perakuan dari Suruhanjaya Tenaga.

Penglibatan PPj dalam mesyuarat dan sesi dialog bersama komuniti turut diadakan secara berkala bagi mendapatkan pandangan dan cadangan.



## PENGURUSAN KESELAMATAN ASET

Bagi pengurusan keselamatan aset milik PPj, Unit Keselamatan PPj yang dianggotai oleh 14 orang anggota adalah bertanggungjawab dalam memastikan aspek perancangan dan pengurusan operasi kawalan keselamatan bangunan kompleks, premis dan taman milik PPj terpelihara.

PPj telah melantik 12 buah syarikat kawalan keselamatan swasta secara kontrak bagi membantu kerja-kerja pengurusan kawalan keselamatan di premis-premis dan taman-taman awam milik PPj dan diletakkan di bawah pemantauan dan dikawal selia oleh Unit Keselamatan PPj.

Perkhidmatan kawalan keselamatan ini telah dipecahkan mengikut zon melalui 12 pakej seperti Jadual di bawah:-

Bil	Lokasi	Presint	Pakej	Bil. Pengawal
1.	Taman Botani	Presint 1	Pakej T7	28
2.	Taman Putra Perdana			
3.	Pusat Informasi			
4.	Kompleks PPj	Presint 3	Pakej T6	34
5.	Kiblat Walk			
6.	Kediaman Rasmi Presiden	Presint 10		
7.	Empangan	Presint 5	Pakej T1	31
8.	Pusat Kawalan Empangan			
9.	Pusat Maritim			
10.	Kompleks Sukan Air Fasa 1 & 2	Presint 6		
11.	Pusat Kemudahan Awam	Presint 8	Pakej T3	18
12.	Kelab Tasik Putrajaya			
13.	Kompleks Kejiranan	Presint 9	Pakej T4	26
15.	Medan Selera			
16.	Pusat Kitar Semula			
17.	Stor Depoh PPj			
18.	Tapak Litar DeCare Presint 7			
19.	Taman Saujana Hijau	Presint 11	Pakej T9	22
20.	Pusat Komuniti			
21.	Kuarters Mampu Milik			
22.	Kawasan Wetland	Presint 12	Pakej T11	40
23.	Taman Wetland	Presint 13		
24.	Pejabat PPj	Presint 14	Pakej T5	40
25.	Park And Ride			
26.	Bangunan Pusat Pelawat	Presint 15		
27.	Bangunan Pejabat Kedutaan Chancery			
28.	Kawasan Infra dan Lanskap			
29.	Kompleks Unit Berkuda			
30.	Taman Rimba Alam			
31.	Taman Wawasan	Presint 2		
32.	Kompleks Kejiranan dan Pasar Awam	Presint 16	Pakej T8	41
33.	Taman Warisan Pertanian			
34.	Taman Pancarona	Presint 18		
35.	Kompleks Futsal			

Bil	Lokasi	Presint	Pakej	Bil. Pengawal
36.	Persisiran Tasik	Presint 1,2,3,4,5,6,7,8,10,16 & 18	Pakej T10	33
37.	Persiaran Perdana (Boulevard)	Presint 2,3 & 4		
38.	Taman Selatan	Presint 20	Pakej T2	32
39.	Taman Cabaran	Presint 5		
40.	Dataran Putra	Presint 1	Pakej T12	34
41.	Laman Perdana			
42.	Jambatan Putra			
43.	Tempat Letak Kereta B13			
44.	Promenad Dataran Putra			
45.	Souq Level 27			
46.	Selera Putra			
<b>Jumlah</b>				<b>379</b>

## PENYELENGGARAAN DAN KAWALAN LANDSKAP

Seksyen Kawalan Landskap dengan kerjasama Bahagian ICT telah melaksanakan sistem pengurusan kelulusan landskap *Electronic Submission* untuk Kelulusan Pelan Landskap (eSKL) bagi mengatasi masalah beban kerja dan membantu memendekkan masa yang diperlukan untuk kerja pengedaran pelan ke Jabatan-Jabatan Teknikal lain yang berkaitan, membantu menyediakan kertas mesyuarat Jawatankuasa Teknikal OSC dan kertas mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).Perlaksanaan sistem eSKL melibatkan permohonan:

- a. Kelulusan Landskap.
- b. Kelulusan Pemasangan Pagar.
- c. Kelulusan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC).
- d. Serah Tapak.

Manakala bagi kerja penguatkuasaan dan pemantauan, kelulusan penggunaan kawasan, pengalihan dan pelupusan pokok, kelulusan jajaran papan dendeng dan lawatan pemeriksaan serta pengesahan pokok di nurseri adalah dilakukan permohonannya secara manual.





**Senarai Pencapaian Proses Permohonan Dan Kelulusan Di Sepanjang Tahun 2015**

Bil	JENIS PERMOHONAN DAN KELULUSAN	2015
1.	Kelulusan Landskap (KL)	23
2.	Kelulusan Pemasangan Pagar (PG)	47
3.	Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan(CCC)	9
4.	Serah Tapak (ST)	9
5.	Penguatkuasaan Dan Pemantauan	53
	a. Pengorekkan Kabel/Utiliti	
	b. Permit Kerja Jalan	
	c. Pencerobohan Kawasan	
	d. Kacau Ganggu	
	e. Kerosakkan Dan Kecacatan Komponen Landskap	
6.	Penggunaan Kawasan	53
	a. Penggambaran	
	b. Majlis/Kenduri	
	c. Lain-Lain Aktiviti	
7.	Pengalihan/ Pelupusan Pokok	23
8.	Kelulusan Jajaran Papan Dendeng	5
9.	Pemeriksaan Pokok Di Nurseri	5

**Perlaksanaan Kerja Penyelenggaraan Landskap Dan Kekekapan Penyelenggaraan Kawasan Rekreasi Awam Di Putrajaya Tahun 2015.**

Maklumat	Data Tahun 2015
1 Jumlah kekerapan penyelenggaraan bagi kawasan-kawasan rekreasi awam dalam kawasan Putrajaya pada tahun 2015.	408 Setahun
2 Bilangan kawasan rekreasi awam di kawasan Putrajaya pada akhir tahun 2015.	34 Kawasan

Jumlah kekerapan penyelenggaraan bagi kawasan-kawasan rekreasi awam dalam kawasan Putrajaya pada tahun 2015 adalah sebanyak 408 kali setahun (34 kawasan x 12 bulan)

**Bilangan Keseluruhan Kawasan Rekreasi Awam/Kawasan Hijau/Tanah Lapang Di Sekitar Putrajaya Pada Tahun 2015 Yang Telah Diselenggarakan Oleh Pihak Perbadanan Putrajaya:**

- Taman Wetland Presint 12 & 13
- Taman Wawasan Presint 2
- Presint Diplomatik Presint 15
- Taman Warisan Pertanian Presint 16
- Taman Pancarona Presint 18
- Taman Selatan Presint 20
- Taman Putra Perdana Presint 1
- Taman Saujana Hijau Presint 11
- Taman Rimba Alam Presint 14 & 15
- Kompleks Seri Perdana, Presint 10
- Kawasan Kejiranan Presint 7
- Kawasan Kejiranan Presint 8
- Kawasan Kejiranan Presint 9
- Kawasan Kejiranan Presint 10
- Kawasan Kejiranan Presint 11
- Kawasan Kejiranan Presint 14
- Kawasan Kejiranan Presint 15
- Kawasan Kejiranan Presint 16
- Kawasan Kejiranan Presint 17
- Kawasan Kejiranan Presint 18
- Kediaman Rasmi Presiden Perbadanan Putrajaya Presint 10
- Kompleks Seri Perdana, Kediaman Timbalan Perdana Menteri Seri Satria & PICC.
- Presint 7 (Putrajaya Sentral).
- Persiaran Perdana (Presint 2, 3 & 4) & Jambatan Seri Gemilang.
- Jalan-Jalan Nusa Perdana Presint 2, 3 & 4.
- Persisiran Putrajaya (Presint 2, 3 & Monumen Alaf Baru)
- Sisiran Putrajaya (Presint 1, 7, 8, 10 & 16)
- Persisiran Putrajaya Presint 4
- Promenad Presint 5 & 18
- Kompleks Perbadanan Putrajaya Presint 3
- Persiaran Seri Perdana, Pintu Masuk VIP, Pintu Masuk Awam, Pintu Masuk Persendirian & Tempat Meletak Kenderaan Kompleks Seri Perdana Presint 10
- Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Lebuhraya Perdana Timur, Lebuhraya Perdana Barat
- Persiaran Persekutuan, Persiaran Utara, Persiaran Barat, Lebuhraya Sentosa dan Lebuhraya Wawasan
- Jalan-Jalan Presint. 5 & 6, Persiaran Timur Dan Persiaran Selatan

### Penyelenggaraan Kes Pokok Tumbang

Pada tahun 2015, PPj telah berjaya mengambil tindakan penyelenggaraan dan menyelesaikan kesemua kes-kes pokok tumbang dalam tempoh yang ditetapkan.

Program/Aktiviti	Kualiti/ Kuantiti/ Masa	2015	
		Bilangan diterima	Bilangan diselesaikan dalam tempoh
Kerja-Kerja Penyelenggaraan			
Mengambil tindakan bagi kes pokok tumbang:			
i) Kawasan kritikal (kawasan jalan, kawasan kejiranan, kawasan pejabat dan kawasan yang mengganggu kepentingan awam)	Serta merta (dalam tempoh 24 jam)	245	245
ii) Kawasan tidak kritikal (kawasan taman dan kawasan yang tidak mengganggu kepentingan awam)	Dalam tempoh 2 hari (14 hari dalam tempoh <i>estimated respond time</i> )	459	459

### Pokok Tumbang

Mengambil tindakan bagi kes pokok tumbang:

- i. Kawasan Jalan-jalan Protokol, Boulevard, Promenad, Waterfront dan kawasan kejiranan : **245 kes**
  - ii. Taman-taman awam:
    - a) Taman Saujana Hijau : 78 kes
    - b) Taman Selatan : 21 kes
    - c) Taman Putra Perdana : 27 kes
    - d) Taman Pancarona : 58 kes
    - e) Taman Rimba Alam : 73 kes
    - f) Taman Wawasan : 80 kes
    - g) Taman Warisan Pertanian : 17 kes
    - h) Taman Wetland : 09 kes
    - i) Taman Duta : 96 kes
- Jumlah : 459 kes**

## HUTAN BANDAR

Sistem Inventori Dan Pengurusan Aset Hidup (Tumbuhan) atau lebih dikenali sebagai SIPP adalah satu-satunya sistem pengurusan aset hidup yang mengambil kira Pekeliling Pengurusan Aset Hidup Tahun 2008 dan ianya dibangunkan berdasarkan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 24 Februari 2011.

Sistem ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan semasa dan juga menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian dan pelaporan aset hidup (tumbuhan) kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Setelah pembangunan Projek Perintis SIPP disiapkan, pada tahun 2015, sasaran kerja tertumpu kepada pengumpulan data dan inventori pokok untuk dimasukkan ke dalam sistem.

Sistem SIPP ini juga boleh diintegrasikan dengan perisian sediaada seperti perisian Earthmine, Sistem Maklumat Geografi (GIS), AutoCAD, ArcGIS.

Melalui sistem SIPP ini pengurusan & penyelenggaraan pokok-pokok di Putrajaya dapat dijalankan dengan lebih mudah, cepat dan sistematik dan berkesan. Diantara objektif pembangunan sistem ini adalah seperti berikut :-



- Untuk mengumpul, merekod dan mendapatkan semula (*retrieve*) maklumat-maklumat lengkap hasil inventori pokok-pokok (*data attribute*).
- Memeta lokasi setiap pokok (*data spatial*) dengan tepat dan mengikut kriteria pencarian tertentu dengan cepat dan mesra pengguna.
- Menyediakan satu sistem pengurusan yang sistematik ke atas setiap pokok.
- Menyediakan satu sistem penilaian kesihatan pokok mengikut kriteria yang tertentu.

Seiring dengan Dasar Landskap Negara untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020, pembangunan Sistem Inventori Pengurusan Pokok (SIPP) ini adalah untuk menzahirkan pengurusan kawasan hijau yang lestari dan efisien. Sehingga kini terdapat lebih 650,000 pokok ameniti telah pun ditanam di seluruh Putrajaya dan angka ini akan terus meningkat selari dengan pembangunan kawasan baharu.

## PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN HIDUPAN LIAR

Unit Hidupan Liar memainkan peranan penting dalam program pemantauan dan pengurusan hidupan liar di Putrajaya. Unit ini menyediakan perkhidmatan dalam menangani aduan kacau ganggu spesies hidupan liar yang menimbulkan rasa ketakutan ke atas keselamatan orang ramai dengan matlamat memastikan semua urusan kacau ganggu diurus dengan cepat dan teratur.

Selain mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti pemuliharaan hidupan liar mengikut peraturan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), unit ini turut mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti kajian atau inventori hidupan liar di Putrajaya.

PERKARA/ TAHUN	2012	2013	2014	2015
<b>Operasi Tangkap Pindah Kera</b>				
Bilangan Operasi	365	365	365	282
BilanganTangkap Pindah	195	155	159	137
<b>Operasi Pemburuan Babi Hutan</b>				
Bilangan Operasi	63	54	54	51
Bilangan Babi Hutan Ditembak Mati	118	80	66	95
<b>Operasi Memusnah Koloni Tebuan/Lebah</b>				
Bilangan Operasi	70	82	51	54
Bilangan Sarang Tebuan/Lebah dimusnah	70	82	51	74
<b>Aduan CRM/SISPA</b>	70	82	23	6
<b>Operasi Memusnah populasi Gagak</b>				
Bilangan Operasi	-	1	2	-
Bilangan Burung Gagak Dimusnahkan	-	18	60	-
<b>Operasi Memusnah Burung Merpati</b>				
Bilangan Operasi	-	2	3	-
Bilangan Burung Merpati Dimusnahkan	-	98	67	-
<b>Operasi Tangkap Pindah Musang</b>				
Bilangan Operasi	-	-	2	-
Bilangan Tangkapan	-	-	2	-



*Operasi Pemburuan Babi Hutan*



*Operasi Memusnah Koloni Lebah Dan Tebuan*



*Operasi Tangkap pindah Kera*



## PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KEBERSIHAN MAKANAN

Aktiviti pengurusan keselamatan dan kebersihan makanan meliputi pemeriksaan dan kawalan keadaan sanitasi di semua premis makanan dan lain-lain premis berkaitan seperti taska, tadika, sekolah, kedai runcit, pasar raya dan kantin sementara di Putrajaya. Aktiviti ini juga bertujuan untuk memastikan makanan yang dijual di kawasan Putrajaya mematuhi Akta dan Peraturan seperti berikut :

- i. Akta Makanan 1983;
- ii. Peraturan-peraturan Makanan 1985;
- iii. Undang-undang Kecil Pelesenan Establisyemen Makanan (Perbadanan Putrajaya) 1999;
- iv. Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (Perbadanan Putrajaya) 1999;
- v. Undang-undang Kecil Pelesenan Pengendali Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2003;
- vi. Undang-undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Perbadanan Putrajaya) 1999;
- vii. Undang-undang Kecil lain yang berkaitan.

Aktiviti pemeriksaan dan kawalan ini dilakukan dengan kerjasama Bahagian Komersial dan Bahagian Pengurusan Fasiliti Perbadanan Putrajaya serta Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Putrajaya.

### Pencapaian

Ringkasan pemeriksaan premis sepanjang 2012 – 2015 adalah seperti Jadual berikut:

Bilangan Pemeriksaan			
Jenis Premis	2013	2014	2015
Restoran	145	140	187
Hotel	5	3	5
Gerai	121	186	164
Kafeteria	61	73	70
Kantin Sekolah	44	41	35
Kantin Sementara	1	3	5
Restoran 24 Jam	55	52	46
Taska dan Tadika	6	6	7
Penjaja	790	836	731
<b>Jumlah</b>	<b>1228</b>	<b>1340</b>	<b>1250</b>

Pemeriksaan lebih menumpukan kepada restoran untuk memastikan premis dalam keadaan baik dan bersih kerana pada tahun ini terdapat sejumlah 5 daripada 18 premis yang ditutup adalah premis kategori restoran/kedai makan.



### Program Meningkatkan Kualiti Penyediaan Dan Penjualan Makanan Di Premis Makanan

Bagi meningkatkan lagi tahap kebersihan premis-premis makanan di Putrajaya, Perbadanan Putrajaya telah menjalankan 5 taklimat pada tahun 2015 mengenai keselamatan makanan kepada pengendali-pengendali makanan di Putrajaya.

Di samping itu juga pihak Perbadanan Putrajaya mewajibkan para pengendali makanan mendapatkan pemeriksaan kesihatan dan suntikan *anti-tifoid*. Perbadanan Putrajaya juga menggalakkan pengendali-pengendali makanan di premis-premis tetap untuk menghadiri Kursus Asas Pengendali Makanan yang dianjurkan oleh Pusat-pusat Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

## KAWALAN VEKTOR DAN PENYAKIT BERJANGKIT

Aktiviti kawalan vektor dan penyakit berjangkit yang dijalankan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut :

- Pengawasan epidemiologi;
- Siasatan dan tindakan susulan;
- Pengurangan tempat dan punca pembiakan nyamuk Aedes;
- Semburan kawalan dan semburan kes;
- Pendidikan dan promosi kesihatan; dan
- Penguatkuasaan undang-undang.

### Kawalan Demam Denggi dan Vektor.

Tahun 2015 telah menunjukkan penurunan kejadian kes Demam Denggi (DD) iaitu 275 kes yang didaftarkan berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak 310 kes. Penurunan kes pada tahun 2015 adalah 11.3% berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, kesemua 275 kes adalah Demam Denggi dan tiada kes Demam Denggi Berdarah (DDB) dilaporkan berlaku. Tiada kes kematian melibatkan penyakit Demam Denggi dilaporkan berlaku di Putrajaya bagi tahun 2015.

Terdapat 21 lokaliti mencatatkan episod kejadian wabak demam denggi di Putrajaya pada 2015. Pecahan lokaliti yang mencatatkan kejadian demam denggi Putrajaya adalah di Presint 14 sebanyak 7 episod, Presint 11 (5 episod) , Presint 16 (4 episod), Presint 9 (3 episod) dan masing-masing 1 episod kejadian wabak denggi dilaporkan berlaku di Presint 15, Presint 18 dan Presint 17.

Bagi mengawal penularan demam denggi di Putrajaya, terdapat beberapa aktiviti kawalan yang telah dijalankan oleh Bahagian Kesihatan Persekitaran PPj. Ini termasuklah aktiviti bagi semburan pengabutan nyamuk iaitu sebanyak 329 aktiviti. Selain daripada itu, terdapat 76 aktiviti pemeriksaan pembiakan dan pemusnahan aedes (*larvaciding*) telah dijalankan khususnya bagi tempat-tempat berpotensi pembiakan jentik-jentik nyamuk di sekitar Putrajaya. Penganjuran gotong royong bersama Pejabat Kesihatan Putrajaya bagi kawalan wabak denggi juga telah dianjurkan sebanyak 21 kali di mana penumpuan diberikan kepada lokaliti yang mencatatkan kejadian wabak demam denggi pada tahun 2015.


### Statistik Kejadian Demam Denggi Dilaporkan Tahun 2011-2015

Bil	Tahun	Bilangan Kes Dilaporkan	Bilangan Episod Wabak
1	2011	61	3
2	2012	101	7
3	2013	112	9
4	2014	310	38
5	2015	275	21

### Kejadian Kes DD/DDB Yang DiLaporkan Bagi Tahun 2014-2015



**PERBANDINGAN KEJADIAN KES DD / DDB YG DILAPORKAN MENGIKUT MINGGU BAGI TAHUN 2014 - 2015 DI PUTRAJAYA**



## KAWALAN KACAUGANGGU DAN PERSEKITARAN

Operasi ke atas anjing dan kucing liar serta burung gagak dijalankan secara berkala dan berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam. Kawalan ini juga bertujuan untuk menghalang penyebaran penyakit berjangkit yang mungkin dibawa oleh haiwan ini.

Program Kawalan	2013	2014	2015
<b>i) Operasi Kawalan Kucing dan Anjing Liar</b>			
Bilangan Operasi	119	82	82
Bilangan Tangkapan (ekor)			
• Anjing	98	110	68
• Kucing	261	123	132
<b>ii) Operasi Kawalan Burung Gagak</b>			
Bilangan Operasi	12	12	7
Bilangan Tangkapan (ekor)	352	447	225



### Kawalan Anjing dan Kucing Liar

Kaedah-kaedah yang dijalankan untuk mengatasi masalah anjing dan kucing liar, pemantauan tahap kebersihan dan penguatkuasaan undang-undang telah diberi penekanan. :-

- a) Peningkatan tahap kebersihan;
- b) Pemantauan secara kerap;
- c) Tindakan pantas terhadap aduan; dan
- d) Menguatkuasakan undang-undang.

## PROGRAM BERSEPADU KITAR SEMULA

Program 3R iaitu pengurangan sisa, guna semula dan kitar semula (*Reuse, Reduce & Recycle*) adalah merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan sisa pepejal bersepadu yang dijalankan oleh PPj. Program kitar semula di Putrajaya terbahagi kepada 3 kategori utama iaitu:

- i. Program Komuniti;
- ii. Program Wastewise; dan
- iii. Program Sekolah (KITS).





**Program Komuniti**

**a. Pusat Kitar Semula Tetap (PKST)**

Bahan kitar semula yang dihantar akan ditukar dengan insentif tunai dan penduduk berpeluang untuk memperoleh mata ganjaran 'Green Card'. Jadual operasi PKST adalah seperti berikut:

LOKASI	JADUAL OPERASI	
	HARI	WAKTU OPERASI
PKST Komuniti Presint 9	Setiap hari	8.30 pg - 5.30 ptg (tutup 1.00 t/hari - 2.00 ptg)
PKST Presint 8	Setiap Sabtu & Ahad	
PKST Presint 11	Setiap Sabtu	
PKST Presint 14	Setiap Ahad	
PKST Presint 16	Setiap Sabtu	
PKST Presint 18	Setiap Ahad	

**b. Pusat Kitar Semula Bergerak (PKSB)**

Pusat Kitar Semula Bergerak (PKSB) beroperasi di lokasi tertentu seperti jadual di bawah:

LOKASI	JADUAL OPERASI	
	HARI	WAKTU OPERASI
Presint 11	Setiap Ahad	1.00 t/hari -3.00 ptg
Presint 16	Setiap Ahad	9.00 pg -12.00 t/hari



**c. Kerbside**

Kutipan kerbside adalah kutipan bahan kitar semula dari rumah ke rumah bagi kawasan perumahan teres, semi-D dan banglo dengan menggunakan beg plastik kitar semula berwarna biru untuk kertas dan putih untuk lain-lain bahan seperti botol plastik, botol kaca & tin.

**d. Kutipan Apartment**

Kutipan apartment merupakan kutipan dari sangkar kitar semula yang ditempatkan di setiap blok apartment. Setiap bahan kitar semula yang dikutip akan ditukarkan dengan insentif tunai. Bayaran akan dibuat kepada wakil persatuan penduduk.

**e. Butik Kitar Semula**

Butik kitar semula di Presint 9, Putrajaya merupakan inisiatif pihak PPj memberi kemudahan tempat penghantaran pakaian terpakai oleh penduduk. Hasil jualan di butik ini akan didermakan kepada pihak-pihak yang memerlukan.

**Program Wastewise**


Program wastewise merupakan program kitar semula yang dijalankan di jabatan/agensi kerajaan, pejabat swasta, hotel dan pusat komersil. Kutipan akan dijalankan di lokasi-lokasi mengikut permintaan.

**Program Kits ( Sekolah )**

Program ini merangkumi sekolah menengah, sekolah rendah dan tadika. Kutipan bahan kitar semula dibuat berdasarkan permintaan daripada pihak sekolah.

Secara keseluruhannya, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada tahun 2015 adalah sebanyak 2,233,703 kg berbanding tahun 2014 iaitu 2,220,117 kg. Sebanyak 90% daripada bahan yang dikumpul adalah kertas.

Perbandingan jumlah kutipan bahan kitar semula 2001-2015 (tan metrik) adalah seperti jadual di bawah:



Semua usaha yang dijalankan oleh PPj adalah selaras dengan hasrat menjadikan Putrajaya Bandar Hijau Berkarbon Rendah (*Low Carbon Green City*) dan misi nasional untuk mengurangkan 40% sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan dan negara mencapai kadar kitar semula 22% menjelang tahun 2020.







PENGANJURAN  
ACARA,  
KESENIAN DAN  
PELANCONGAN

## PENGANJURAN ACARA, KESENIAN DAN PELANCONGAN

### PUTRAJAYA – LOKASI PENGANJURAN PELBAGAI ACARA

Kemeriahan Putrajaya diteruskan pada tahun 2015 dengan menjadi hos kepada pelbagai acara bertaraf antarabangsa dan domestik, di mana secara tidak langsung menyokong industri pelancongan dan turut menyumbang kepada ekonomi tempatan.

Pada tahun 2015, Putrajaya telah terlibat dalam penganjuran sebanyak 196 acara berbanding 226 acara pada tahun 2014 dan 255 acara pada tahun 2013. Terdapat peningkatan dalam penganjuran jumlah acara antarabangsa iaitu 21 acara pada tahun 2015 berbanding 18 dan 16 acara pada dua tahun sebelumnya. Begitu juga acara kebangsaan, bermula dengan 10 acara pada tahun 2013, kini meningkat kepada 37 acara pada tahun 2015. Walaubagaimanapun terdapat penurunan penganjuran acara di peringkat Komuniti/Putrajaya yang mencatatkan 229 acara pada tahun 2013, 182 pada tahun 2014 dan 138 pada tahun 2015.

#### Jumlah dan Kategori Acara di Putrajaya pada tahun 2013 hingga 2015

Kategori Acara	2013	2014	2015
Acara Antarabangsa	16	18	21
Acara Kebangsaan	10	26	37
Acara Putrajaya	229	182	138
<b>JUMLAH</b>	<b>255</b>	<b>226</b>	<b>196</b>

Jumlah keseluruhan peserta dan pengunjung yang terlibat menghadiri acara sepanjang tahun 2015 hampir 5 juta orang iaitu menyumbang kepada 90% kehadiran pelawat dan pelancong ke Putrajaya. Antara lokasi-lokasi tumpuan penganjuran acara di Putrajaya adalah di Dataran Putrajaya, Dataran Gemilang, Dataran Putra, Kompleks Sukan Air Presint 16 dan di Taman-Taman Awam Putrajaya.

Penganjuran acara di Putrajaya boleh dibahagikan kepada 5 kategori seperti jadual dan carta di bawah:

#### Analisa Penganjuran Acara (Mengikut Kategori)

Kategori acara	2015
Festival dan acara berskala besar	18
Sukan & rekreasi	97
Komuniti	66
Kebajikan/keagamaan/sosial	14
Kesenian/kebudayaan	1
<b>JUMLAH</b>	<b>196</b>





**Analisa Jumlah Acara di Putrajaya pada tahun 2015 mengikut kategori**



Kategori Sukan & Rekreasi mencatatkan jumlah tertinggi pada tahun 2015 iaitu sebanyak 97 acara.

**ACARA-ACARA UTAMA**

Antara *signature events* dan acara berskala besar yang menarik perhatian ramai pada tahun 2015 termasuklah:



**Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta (HABF2015)**

Fiesta belon udara panas ini telah menarik lebih 300,000 pengunjung sepanjang empat hari karnival tersebut berlangsung bermula dari 12 sehingga 15 Mac 2015. Dengan penglibatan 11 negara, penganjuran fiesta ini juga bertepatan dengan program *Year of Festival 2015, Malaysia Truly Asia* yang dijayakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Fiesta pada tahun ini lebih meriah dengan penyertaan 20 belon udara panas serta beberapa aktiviti baharu yang menarik seperti menaiki helikopter bagi menikmati keindahan pemandangan sekitar Putrajaya.

**Festival Bunga Dan Taman Diraja Putrajaya (FLORIA Diraja Putrajaya 2015)**

Festival bunga-bunga terulung negara ini telah memasuki edisi ke-8. Berlangsung di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya pada 30 Mei hingga 7 Jun, FLORIA 2015 telah menampilkan bunga lili sebagai bunga tema acara. Pemilihan bunga lili sebagai bunga tema adalah berdasarkan kepelbagaian spesies yang menghasilkan warna yang indah dan menarik serta bau yang harum sesuai dengan tema acaranya iaitu "Alunan Pancarona".





Sejajar dengan komitmen PPj untuk meletakkan acara ini di peringkat antarabangsa agar setanding dengan acara bunga dan taman (*flower show*) bertaraf dunia di negara-negara lain seperti Chelsea Flower Show dan Melbourne Flower Show, beberapa pendekatan telah diperkenalkan seperti mengenakan bayaran tiket masuk, serta mewujudkan kerjasama dengan rakan-rakan pintar selain memperkenalkan pertandingan orkid bertaraf antarabangsa dan piala pusingan *Royal Floria Garden Cup* bagi rebutan peserta taman. Penyertaan peserta antarabangsa pada tahun ini melebihi 50 orang yang terdiri daripada pereka bunga dan arkitek landskap seperti dari Australia, Kemboja, Kanada, China, Hong Kong, India, Itali, Jepun, Oman, Singapura, Korea Selatan dan New Zealand.

Tarikan baharu tahun ini adalah Taman Musim Bunga dan Taman Musim Sejuk yang memberi pengalaman taman Eropah pada musim sejuk beserta salji. Jumlah pengunjung yang direkodkan sepanjang penganjuran FLORIA Diraja Putrajaya 2015 adalah 740,918 orang.

#### **Formula E Championship (FEC2015)**

Penganjuran perlumbaan kereta elektrik antarabangsa telah diadakan buat kali ke-2 kalendar 2015/2016 di Putrajaya dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Perlumbaan ini telah disiarkan di seluruh dunia secara langsung. Perlumbaan di Putrajaya adalah unik kerana melibatkan jarak 2.56 kilometer sepanjang jalan utama pusat pentadbiran negara yang berlatarbelakangkan keindahan mercu tanda dan bangunan ikonik.



Pada tahun ini Tenaga Nasional Berhad dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah menjadi rakan kongsi penting dalam penganjuran yang menyumbang kepada menjayakan inisiatif Putrajaya ke arah bandar raya teknologi hijau pada tahun 2025.



#### **Putrajaya International Islamic Arts And Culture (PIIACUF2015)**

Festival ini dianjurkan buat kali ketiga pada tahun 2015 dengan tema *Khazanah Jalan Sutera dan Laluan Rempah (Treasures of the Silk Road and Spice Route)*. Festival ini dilengkapi dengan pameran artifak, kraftangan dan kesenian yang mempamerkan kebudayaan penduduk Islam di laluan-laluan bersejarah ini. Dari aspek pemeran, penganjuran PIIACUF 2015 telah mencatatkan penyertaan pempamer luar yang memberangsangkan terutamanya dari negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) walaupun festival ini baru 3 kali dianjurkan. Jumlah pengunjung pada tahun ini adalah 380,000 orang berbanding tahun 2014 iaitu 350,000 orang iaitu kenaikan sebanyak 9%.



PIIACUF 2015 antara lain menampilkan pameran 'Khazanah Jalan Sutera dan Laluan Rempah', koleksi fotografi kota suci Makkah dan Madinah pada zaman Uthmaniah, pameran khat, pameran keris nusantara dan pavilion antarabangsa. Sebanyak 200 program telah dijalankan seperti bual bicara, ceramah, seminar, program pendidikan, pertunjukkan fesyen Islam, persembahan muzik dan kebudayaan serta demo kraftangan daripada negara-negara dan NGO yang turut serta. Festival ini disertai oleh negara Kuwait, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Iran, Uzbekistan, Turki, Algeria, Tunisia, China dan Malaysia (Negeri Kelantan, Johor dan Research Centre For Islamic History, Art & Culture (OIC-IRCICA)).



Expo jualan buku melibatkan 100 penggerai daripada penerbit dalam dan luar negara. Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Biro Agama Umno Bahagian Putrajaya, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Putrajaya dan Gajir Calligraphy telah berjaya mencipta rekod baru dalam *Malaysia Book of Records* bagi penghasilan penulisan khat sepanjang 1.3 kilometer di PIIACUF2015. Pameran Khat Terpanjang ini telah memperlihatkan satu usaha memartabatkan seni menulis Khat dikalangan generasi baharu.

#### **Festival Light And Motion Putrajaya (LAMPU2015)**

Penganjuran festival yang memasuki tahun ketiga penganjurannya turut membabitkan sebahagian besar bangunan kerajaan di Persiaran Perdana, Kompleks PPj dan Istana Kehakiman. Festival yang bermula pukul 7.30 malam hingga 12 tengah malam itu berjaya menghidupkan dan menyerikan suasana malam di Putrajaya.

Antara aktiviti yang berlangsung sempena LAMPU 2015 termasuklah persembahan "projection mapping", persembahan *Tron Dance*, nyanyian penghibur jalanan, permainan pencahayaan kreatif dan beca bercahaya selain pertunjukan wayang kulit dan pertandingan fotografi.



Penganjuran festival ini mirip kepada Festival Cahaya Antarabangsa yang sering dianjurkan bandar raya terkemuka dunia antaranya Festival Cahaya di Lyon, Amsterdam, Berlin dan festival cahaya terkemuka Eropah, Matters. Festival ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada pakar bidang pencahayaan untuk mempamerkan kreativiti dan kemahiran masing-masing dalam mempersembahkan seni lampu berteknologi tinggi.

## INISIATIF BAHARU PERMOHONAN ACARA DI PUTRAJAYA

Satu Inisiatif Penetapan Dasar Kelulusan Acara, Deposit Dan Sewa Penganjuran Acara Di Putrajaya ini telah dibentangkan dan mendapat kelulusan pengurusan tertinggi PPj. Kadar caj sewa dan deposit acara ini telah diputuskan untuk dilaksanakan pada awal tahun 2016.

Justifikasi perlaksanaan inisiatif ini adalah bagi menangani pertindihan tarikh acara serta peningkatan kos penyelenggaraan akibat kerosakan yang berlaku dari penggunaan tapak acara, kos yang terpaksa ditanggung PPj untuk kerja-kerja pembersihan akibat kegagalan pihak penganjur membersihkan sampah setelah selesai acara dan kos pembersihan tasik dan alam sekitar akibat pencemaran oleh penganjuran acara.

Satu **Jawatankuasa Kelulusan Acara Perbadanan Putrajaya (JKA-PPj)** telah ditubuhkan. Ahli JKA-PPj ini terdiri daripada ahli tetap mewakili jabatan/bahagian yang terlibat secara langsung dalam memproses kelulusan acara dan menguruskan kerja-kerja di lapangan.

## PERSEMBAHAN KOMBO PERBADANAN PUTRAJAYA

Unit Kesenian dan Kebudayaan meneruskan penglibatan persembahan muzik semasa acara-acara anjuran Perbadanan Putrajaya dan anjuran pihak luar sepanjang tahun 2015. Sebanyak 38 acara persembahan telah dilaksanakan pada tahun ini.

Jumlah penglibatan Kombo PPj di dalam acara anjuran Perbadanan Putrajaya adalah sebanyak 24 kali seperti Majlis Perasmian Floria Diraja 2015, Majlis Santapan Diraja sempena lawatan ke Floria Diraja 2015, Karnival Bahasa Jiwa Bangsa dan Malam Mesra Media 2015.

Untuk acara anjuran pihak agensi luar, Kombo PPj telah menjayakan sebanyak 14 persembahan seperti Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) Tahun 2015 di Istana Negara, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Wilayah Persekutuan, Majlis Santapan Diraja Dato'-Dato' Kurnia Negeri Sembilan dan Program Bintang Kewangan anjuran Kementerian Kewangan Malaysia.

Bagi tahun 2015, Kombo PPj sering mendapat jemputan persembahan dari pihak luar. Aspek memberikan persembahan yang terbaik berserta imej yang kemas membuatkan Kombo PPj disenangi dan dipilih untuk menjayakan persembahan dalam sesuatu acara yang dianjurkan.

## KUMPULAN KOIR PPj

Kumpulan ini telah diberi nafas baharu melalui pemilihan ahli koir di kalangan kakitangan PPj yang telah diadakan pada bulan Jun 2015. Latihan secara berterusan sebanyak 2 kali seminggu bersama tenaga pengajar luar (*tutor*) dijalankan bagi mengasah bakat-bakat yang ada seterusnya meningkatkan skill individu serta kumpulan koir itu sendiri. Sebanyak 54 kali latihan dijalankan sepanjang tahun 2015 dan 4 persembahan koir telah dijayakan.

Kumpulan koir PPj terus menggiatkan latihan untuk menambah baik prestasi persembahan dan mempelajari teknik nyanyian dengan betul mengikut tata cara nyanyian dalam kumpulan koir. Pakaian persembahan Kumpulan Koir juga telah disediakan agar Kumpulan Koir PPj tampak lebih kemas dalam membuat persembahan.

## PELANCONGAN PUTRAJAYA

Putrajaya telah menerima kunjungan Pelawat dan Pelancong berjumlah **7,530,791** pada tahun 2015, **7,515,313** orang pada tahun 2014 dan **6,590,060** orang pada tahun 2013. Kenaikan yang minima bagi jumlah kedatangan pelawat dan pelancong ini disebabkan oleh keadaan cuaca negara Malaysia dan khususnya di Putrajaya yang dilanda jerebu yang berpanjangan pada pertengahan tahun 2015. Statistik jumlah pelawat dan pelancong seperti jadual di sebelah:



## Statistik Jumlah Pelawat dan Pelancong ke Putrajaya bagi tahun 2013- 2015

Kategori	TAHUN		
	2013	2014	2015
Pelancong*	320,667	508,001	494,733
Pelawat & Pelancong **	2,043,543	1,869,298	2,051,193
Pengunjung Acara***	4,225,850	5,136,000	4,982,850
<b>JUMLAH</b>	<b>6,590,060</b>	<b>7,515,313</b>	<b>7,530,791</b>

## NOTA:

\* Data dari Tourism Malaysia melalui jumlah penginap 5 hotel di dalam dan sekitar Putrajaya

\*\* Data pelawat & pelancong yang dikutip di tempat tarikan pelancongan termasuk I-Centre Dataran Putra, Taman Botani, Taman Warisan Pertanian, Masjid Putra, Cruise Tasik Putrajaya, PICC, Taman Cabaran Putrajaya, Kompleks Seri Perdana, Muzium Alam Semula Jadi, Taman Ekuestrian Putrajaya, Taman Seri Empangan, Taman Wetland, NIC Taman Wetland, Putrajaya Shangri-La, Pullman Putrajaya Lakeside, The Everly Putrajaya

\*\*\* Data pengunjung yang mengunjungi acara kecil dan besar di Putrajaya

## INISIATIF BAHARU PELANCONGAN PUTRAJAYA

PPj telah meneruskan beberapa inisiatif baharu dalam usaha untuk meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke Putrajaya melalui pelbagai pendekatan seperti berikut:

**1. Pembangunan Pakej Pelancongan berasaskan acara (event based packages)**

Sebanyak 16 pakej dibangunkan bersama 10 agensi pelancongan melalui Bengkel Pembangunan Pakej Pelancongan yang dikendalikan bersama Bahagian Pembangunan Pakej, Tourism Malaysia. Program ini mendapat kerjasama yang baik daripada produk pelancongan Putrajaya dan hotel-hotel di Putrajaya.

Program ini telah memberi impak positif kepada pelancongan Putrajaya dengan kenaikan jumlah pengunjung ke acara-acara ikonik Putrajaya. Selain daripada itu, jalinan hubungan erat di antara Unit Pelancongan, Bahagian Komunikasi Korporat, PPj dan penggiat industri pelancongan serta Tourism Malaysia yang telah secara berintegrasi mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan telah dapat menjana pendapatan ekonomi kepada masyarakat setempat dan syarikat-syarikat agen pelancongan yang terlibat.

**2. Kerjasama Strategik dengan IBBY (International Board on Books for Young People)**

PPj juga telah menjalinkan kerjasama IBBY (*International Board on Books for Young People*) ke arah pembangunan program pelancongan berasaskan budaya (*Cultural Tourism*). Sehubungan itu, Putrajaya telah menjadi hos kepada *Asia-Oceania IBBY Congress* yang disertai oleh penulis buku kanak-kanak dari 19 negara seperti Malaysia, Jepun, Thailand, China, Belgium, Filipina, Republik Czech, Kemboja, Afghanistan, New Zealand, USA, Kanada, Korea Selatan, Australia, Singapura, India, Belanda, Iran dan Indonesia. Kerjasama tersebut menjadi platform kepada PPj untuk berkolaborasi dengan IBBY secara berterusan dalam penganjuran program komuniti di pusat pembelajaran Putrajaya bagi menyemarakkan minat membaca buku dan juga memupuk skil bercerita. Kesan langsung kerjasama ini, telah berjaya menubuhkan seksyen khas *Children's Multicultural Library* di Pusat Pembelajaran Kejiranan Presint 11 dengan tajaan awal 175 buku dari 7 negara Asia Oceania. Tambahan tajaan diadakan secara berterusan.

**3. Promosi Acara PIIACUF dan LAMPU Menggunakan Bus HOHO di Kuala Lumpur dan Melaka**

PPj telah bekerjasama dengan Tourism Malaysia untuk mendapat slot promosi dengan Bus HOHO (*Hop On, Hop Off*) bagi mempromosikan acara besar Putrajaya iaitu Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa Putrajaya (PIIACUF) dan Festival Light & Motion (LAMPU) kepada kumpulan sasaran di Kuala Lumpur dan Melaka. Inisiatif ini telah dilihat memberi kesan positif dalam kaedah mempromosikan Putrajaya kepada masyarakat setempat, dapat menarik pengunjung ke acara PIIACUF dan LAMPU dan seterusnya melawat Putrajaya.

PPj akan terus meningkatkan aktiviti promosi di dalam dan luar negara dengan kerjasama Tourism Malaysia. Perbadanan Putrajaya telah bertindak sebagai hos dalam penganjuran 'mega familiarization tours' untuk agensi pelancongan, media berkaitan industri pelancongan, MICE (*Meetings, Incentives, Conferencing, Exhibitions*), wakil korporat dan syarikat penerbangan dari serata dunia. Pelbagai seminar dan sesi dialog turut dianjurkan untuk sektor pelancongan (*travel trade*).

Aktiviti mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan amnya juga dilakukan melalui pengiklanan, media sosial, perhubungan awam, pameran (*trade and consumer exhibitions*) dan bahan bercetak (*tourism collaterals*). PPj telah menyertai *World Travel Mart London* dan *Arabian Travel Mart Dubai* serta di peringkat domestik khususnya melalui *MATTA Travel Fair* dan program *familiarization tours*.

Aktiviti pelancongan telah memberi kesan pengganda ekonomi kepada peniagaan dan penduduk di Putrajaya. Rangkaian pertubuhan berkaitan industri pelancongan seperti hotel, agensi pelancongan, restoran dan tempat-tempat tarikan pelancong telah mendapat manfaat daripada kehadiran pelancong ke Putrajaya.







# PENGURUSAN TAMAN, TASIK DAN WETLAND



## PENGURUSAN TAMAN, TASIK DAN WETLAND

### PUTRAJAYA - SEBUAH BANDARAYA TAMAN DAN BANDAR FLORA BERBUNGA TAHUN 2015



Bagi memastikan imej Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang bercirikan Bandaraya Taman dan Bandar Berbunga terus terpelihara, usaha ke arah meningkatkan keindahan dan keceriaan landskap Putrajaya terus dilaksanakan secara berterusan.

Lokasi strategik untuk Program Pembungaan Putrajaya termasuk di semua kawasan pintu masuk utama ke Putrajaya, jalan-jalan protokol, pintu masuk ke semua kompleks pejabat Kerajaan, Pejabat Perdana Menteri, Kompleks Seri Perdana, Kompleks Sri Satria, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), *Terrace Garden*, Laman

Singgah di persimpangan Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Persiaran Persekutuan, Persiaran Perdana, Dataran Putrajaya, Dataran Putra, Dataran Wawasan, Dataran Rakyat, Taman-taman awam dan beberapa lokasi tumpuan awam di sekitar Putrajaya.



*Pandangan Udara Kawasan 'Laman Singgah Putrajaya' Yang Terletak Di Kawasan Persimpangan Persiaran Persekutuan Dan Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Di Presint 1, Putrajaya.*



## AKTIVITI DAN PROGRAM TAMAN

Pada tahun 2015, dua (2) program utama telah berjaya dilaksanakan iaitu Program Membina Hijau dan Program Pertanian Bandar Putrajaya (*Putrajaya Urban Farming*).

### Program Membina Hijau

Program Membina Hijau Putrajaya adalah sebuah inisiatif yang melibatkan perkongsian pintar antara Perbadanan Putrajaya (PPj), Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA) dan Putrajaya Holdings Sdn Bhd. Bertujuan memupuk kesedaran mencintai alam sekitar di kalangan kanak-kanak dan belia.

BIL.	NAMA AKTIVITI	TARIKH AKTIVITI	JUMLAH PESERTA
1.	Asas Keusahawanan Taman Botani, Putrajaya	7 Mac 2015	120 orang
2.	Botanical Photography & Botanical Painting Taman Botani, Putrajaya	9 Mei 2015	100 orang
3.	Program Nature Art-Decoupage Press Flower Di Taman Botani, Putrajaya	1 Ogos 2015	100 orang
4.	Karnival Pokok Alamanda, Putrajaya	5 September 2015	180 orang
5.	Anugerah Membina Hijau 2015, Hotel Everly, Putrajaya	9 Oktober 2015	150 orang



### Program Pertanian Bandar Putrajaya (*Putrajaya Urban Farming*)

Program Pertanian Bandar Putrajaya (*Putrajaya Urban Farming*) pula adalah projek perintis perkongsian pintar di antara Perbadanan Putrajaya (PPj), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Koperasi Komuniti Penduduk Putrajaya Berhad (KKPP) bagi melestarikan pembangunan komuniti di Putrajaya.

Program Pertanian Bandar Putrajaya adalah satu kaedah *participation, engagement* dan *empowerment* yang mampu memperkasakan komuniti melalui penglibatan penduduk dalam aktiviti pertanian berteknologi *fertigasi* yang mudah dijalankan di kawasan bandar.

Perbadanan Putrajaya berhasrat untuk menjadikan Kebun Komuniti Putrajaya sebagai perintis kepada kaedah Pertanian Bandar. Program ini ditambahbaik dari Program Kebun Komuniti agar ia dapat menjadi satu model pertanian bandar yang mampan.

Bagi Program Putrajaya Urban Farming 2015, pengoperasian rumah hijau sedia ada diteruskan dengan penanaman Rock Melon, timun dan petola di Kebun Komuniti 1, Presint 9 manakala di Kebun Komuniti 2, Presint 8 dengan tanaman Rock Melon. Sebanyak 13 siri kursus/bengkel dan 1 lawatan teknikal ke Ladang Rock Melon Kinta dan MARDI Cameron Highland telah dilaksanakan bagi memastikan peserta mendapat input dari segi teori dan latihan secara *hands-on* daripada pihak MARDI bagi menguruskan operasi fertigasi rumah hijau yang telah dibina serta selain pendedahan sebenar di tapak.



## BOTANI DAN KONSERVASI

### Konservasi Tumbuhan Dan Pengurusan Herbarium

Pengumpulan spesimen tumbuhan untuk program konservasi merangkumi beberapa kawasan hutan dan habitat berbeza seperti di Hutan Tanah Pamah Dipterokap di Negeri Selangor, sekitar Putrajaya dan Negeri Sembilan, Hutan Pantai di sekitar Negeri Pulau Pinang serta Hutan Tanah Tinggi di Negeri Perak bagi tujuan pemuliharaan spesies tumbuhan secara *ex-situ* di Taman Botani Putrajaya. Aktiviti ini melibatkan kerjasama diantara Taman Botani Putrajaya dan Jabatan Perhutanan.



*Gambar kerja-kerja pengumpulan spesimen tumbuhan hidup dan herbarium*

Program pengurusan herbarium pula melibatkan pengumpulan dan kurasi spesimen tumbuhan yang diawet, direkod dan disimpan secara sistematik untuk tujuan rujukan, bahan pendidikan dan penyelidikan. Jumlah spesimen yang dikumpul sepanjang tahun 2015 adalah sebanyak 122 spesimen, ini termasuklah beberapa spesies yang jarang ditemui (*rare*) dan endemik seperti *Iguanura corniculata*, *Gnetum globosum* dan *Johannesteijsmannia perakensis* yang endemik di hutan Negeri Perak.






Gambar koleksi spesimen herbarium di Taman Botani Putrajaya

**Program Pendidikan Botani dan Perkhidmatan Rekreasi Taman.**

Seramai 291,014 orang pelawat telah direkodkan untuk tahun 2015 di Taman Botani Putrajaya.

**Carta Jumlah Pelawat Yang Berkunjung ke Taman Botani Sepanjang Tahun 2015**



**Ringkasan Program Dan Aktiviti Taman Botani Sepanjang Tahun 2015**

BIL.	PROGRAM & AKTIVITI	JUMLAH
1	Pendidikan	31 aktiviti
2	Rekreasi	132 aktiviti dan 37,456 tiket sewaan perkhidmatan taman
3	Lawatan	5 lawatan rasmi dan 448 tiket lawatan berpandu

**TAMAN WETLAND PUTRAJAYA**

Taman Wetland Putrajaya telah menerima seramai 203,684 orang pelawat untuk tahun 2015.

**Statistik Jumlah Pengunjung ke Taman Wetland Putrajaya Bagi Tahun 2011-2015**

Nama Taman	Bilangan Pengunjung ke Taman				
	2011	2012	2013	2014	2015
<b>Taman Wetland Putrajaya</b>	176,122	122,619	147,982	100,314	203,684

Manakala sejumlah **RM239,346.54** telah berjaya dikutip sebagai hasil di Taman Wetland Putrajaya. Hasil ini diperolehi dari sewaan basikal, perkhidmatan tram, sewaan tapak dan Modul Pendidikan. Jadual di bawah menunjukkan statistik kutipan hasil bagi tahun 2011 hingga 2015.

Nama Taman	Kutipan Hasil Taman (RM)				
	2011	2012	2013	2014	2015
<b>Taman Wetland Putrajaya</b>	317,032.00	155,686.00	66,260.00	76,826.66	239,346.54

\*Sumber; Jabatan Kewangan, PPj

### Program Dan Aktiviti Taman Wetland Putrajaya



#### Putrajaya Inter-Parks Ride (PIPR)

Program Putrajaya Inter-Park Ride (PIPR) merupakan acara berbasikal secara beramai-ramai dengan lebih selamat dan ia dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat ke atas penggunaan taman untuk kegiatan fizikal, komuniti, golongan dewasa dan kanak-kanak berinteraksi serta menerokai kekayaan dan keindahan alam sekeliling. Mendokong konsep *Healty Parks, Healthy People* (Taman Sejahtera, Rakyat Sihat), Putrajaya menyediakan laluan berbasikal yang dibina berdasarkan *bicycle friendly city* selaras dengan konsep "Bandaraya Dalam Taman".

Pengenalan Buku Jelajah Pasport PIPR sepanjang siri PIPR 2015 merupakan satu kelainan dari penganjuran tahun sebelum ini dengan mempamerkan tiga puluh (30) lokasi pembangunan ikonik dan taman-taman awam di Putrajaya.

Dari tahun 2013, PIPR telah merekodkan jumlah penyertaan seramai 10,183 orang dan bilangan peserta mengikut tahun menunjukkan peningkatan di mana penyertaan adalah seramai 2,683 orang bagi tahun 2013, bagi tahun 2014 seramai 2,650 orang dan 4,850 orang bagi tahun 2015. Peningkatan jumlah penyertaan sebanyak 90.9% direkodkan sepanjang penganjuran bagi tahun 2015 berbanding dengan jumlah keseluruhan peserta bagi tahun 2013 dan 2014.

#### Program Survivor Camp

Program Survivor Camp @ Taman Wetland Putrajaya 2015 yang berlangsung pada 27 Feb hingga 1 Mac 2015 di Tapak Perkhemahan, Taman Wetland Putrajaya menumpukan objektif kepada konsep kelangsungan hidup dan kemahiran ikhtiar tinggi dikalangan pelajar-pelajar yang menyertainya.



Program ini melibatkan aktiviti fizikal kemahiran hidup dan kerohanian seperti kaedah menyelamatkan diri di dalam air dan di darat, penyediaan makanan dan tempat tinggal serta memupuk sifat jati diri para peserta. Jumlah peserta adalah seramai 117 orang di dalam 2 kategori iaitu peserta 8-12 tahun untuk kategori *junior survivor* dan peserta 13-17 tahun untuk kategori *teen survivor*.



## PENGURUSAN BERSEPADU TASIK DAN WETLAND

Tasik dan Wetland Putrajaya diuruskan secara bersepadu dan holistik merangkumi bidang kejuruteraan, ekologi dan sains. Pendekatan ini dilaksanakan selaras dengan saranan badan antarabangsa seperti *International Lake Environment Committee* (ILEC) dan *UNESCO-International Hydrological Programme* (UNESCO-IHP) untuk kelestarian sesebuah badan air. Tasik dan Wetland Putrajaya juga telah diiktiraf sebagai satu daripada tujuh “*UNESCO-IHP Ecohydrology Operational Demonstration Site*” di dunia.

Beberapa tindakan penambahbaikan dari aspek kejuruteraan telah dilaksanakan termasuklah kerja-kerja tambakan tebing (*rock reversionment*), dilaksanakan dengan tujuan utama untuk memastikan integriti struktur tebing tasik serta tiada impak negatif terhadap hakisan. Kerja dilaksanakan di tebing tasik Presint 1, Presint 2, Presint 8 dan Presint 16 dengan keseluruhan panjang kawasan ialah 2.95km.

Kerja korekan (*desilting*) pula telah dilaksanakan pada 16 Mac 2015 sehingga 15 November 2015 (8 bulan) di sel *wetland Upper West 1* (UW1). Mendakan sebanyak 20,000m<sup>3</sup> telah dikeluarkan. Keperluan ini adalah penting bagi memastikan keupayaan menampung (*carrying capacity*) jumlah kuantiti air dalam sel berkenaan iaitu sebanyak 39,978m<sup>3</sup> dapat dikembalikan sebagaimana pelan terbina 2010.

Di sel *wetland Upper West 2* (UW2) juga telah dilaksanakan kerja penanaman semula. Penelitian juga mendapati tumbuhan wetland di sel-sel *wetland Upper West 6* (UW6) dan *Upper North 4* dan 5 (UW4 dan UW5) yang telah melalui proses penanaman semula pada tahun 2014 tumbuh subur. Keperluan ini dilaksanakan agar tumbuhan wetland dapat melaksanakan tugasnya sebagai agen pembersih dengan cekap dan berkesan. Selain daripada itu, tumbuhan wetland ini juga menyediakan menyediakan habitat, perlindungan serta sumber makanan kepada hidupan aquatic dan fauna terrestrial (pinggiran badan air).

Pencapaian objektif pembangunan Wetland Putrajaya sebagai penapis air larian permukaan secara semulajadi dinilai melalui data-data kualiti air yang dicerap di tapak. Data purata Indeks Kualiti Air Tasik (IKA) Putrajaya pada tahun 2015 adalah dalam julat Kelas II iaitu 90.5. Data juga menunjukkan bacaan IKA Tasik Putrajaya adalah lebih baik berbanding IKA di sel wetland seperti yang tertera di Graf A.

**Graf A: Data Indeks Kualiti Air Sel Wetland dan Tasik Putrajaya bagi tempoh 2001 - 2015**

Station	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016 (Jan-Mac)
LE1	94.1	93.8	92.9	94.7	91.7	88.7	86.4	90.9	93.4	93	90.9	91.2	88.6	89.7	88.4	89.4
UB2	93.2	88.6	91.5	90.8	87.5	85.3	85.3	86	90.6	90.8	91.6	84.6	83.5	80.8	85.3	85.4
UE1	87.7	91.2	90.2	89.3	91	88	89.7	89.7	92.2	92.4	91.7	90.7	85.4	87.2	84.5	86.5
UN8	82.9	82.9	75.2	70.4	81.4	80.9	82.8	78.4	80.3	83.1	83.8	83.3	81.9	78.4	78.7	81.1
UW7	88.1	84.9	90.1	84.3	88.3	83.5	86.4	83	90.9	89.1	88.5	86.7	84.8	85.2	85.5	86.2
Tasik	89	90	92	94.5	94.3	93.1	93.9	92.8	93	93.9	93.5	91.5	88.7	90.4	90.5	88.7

Beberapa insiden terpicil pencemaran limpahan kumbahan dan ampaihan algae direkodkan dan ditangani dengan baik dari masa ke semasa. Lokasi pencemaran bertumpu kepada perairan Tasik Presint 1 (berhampiran jeti Cruise Tasik Putrajaya), Presint 5 (berhampiran Jeti Marina dan *Sandy Beach*) dan Presint 8 (*Lembah Tasik*). Bagi meminimalkan impak pencemaran, pemeriksaan menyeluruh di semua lokasi pintu air masuk ke tasik (*inlet point*) juga dilaksanakan agar kemasukan bahan cemar dapat dikesan dan dikekang dengan lebih awal.

### Kepelbagaian Flora dan Fauna

Pada tahun 2015, data kepelbagaian biologi dari aspek fauna merekodkan penemuan 9 spesies amfibia, 12 spesies reptilia, 9 spesies mamalia, 1025 spesies serangga serta 119 spesies burung, termasuk 27 spesies burung hijrah yang singgah di sini pada Oktober hingga December 2015 khususnya di sel Upper Bisa, Presint 16. Pemantauan juga merekodkan 6 spesies burung baru ditemui di sini iaitu Green-Backed Flycatcher (*Ficedula elisae*), Germain's Swiftlet (*Aerodramus germani*), Himalayan Swiftlet (*Aerodramus brevirostris*), Two-barred Warbler (*Phylloscopus plumbeitarsus*), Asian Paradise Flycatcher (*Terpsiphone paradiisi*) and Osprey (*Pandion haliaetus*). Pencapaian ini disokong dengan laporan *Surveillance and Monitoring of Avifauna (Birds) at Putrajaya Lake and Wetland 2015* mencatatkan kelompok *Phragmites karka* (Rumput Gedabong) menjadi tempat bersarang bagi burung-burung seperti tiung (*mynahs*) dan perling (*starlings*).

Laporan *Surveillance and Evaluation of Wetland Vegetation and ZII Plants 2015* pula merekodkan tumbuhan wetland spesies Gedabong (*Phragmites karka*), Bakong (*Hanguana malayana*) serta Purun (*Lepironia articulata*) merupakan tumbuhan wetland yang dominan, hidup subur di Wetland Putrajaya.

Manakala pemantauan biologi dalam air pula mendapati spesies mikroorganisma akuatik paling asas sebagai sumber makanan iaitu fitoplankton, zooplankton dan makrobentos menunjukkan hirarki yang seimbang. Ketersediaan bahan makanan ini (mikroorganisma air) telah mendorong pengekalan habitat ikan yang baik serta membantu kemandirian dan tumbesaran ikan termasuk Kelah, Temoleh, Tenggalan dan Ketutu. Bagi tujuan pengurusan ikan yang mapan, anak-anak ikan sebanyak 7,050 ekor Temoleh, 1,100 ekor Kelah, 5,000 Kerai Lampam dan 500 ekor Jelawat telah dilepaskan pada tahun 2015 hasil sumbangan Jabatan Perikanan Malaysia di bawah Program Pelepasan Umum. Kesemuanya berjumlah 13,650 ekor.

#### **Penyertaan Pihak Awam dalam Pengurusan Tasik dan Wetland Putrajaya**

Bagi memperkukuhkan pengiktirafan Tasik dan Wetland Putrajaya sebagai tapak UNESCO-IHP yang menekankan kepada 3 proses saintifik penting iaitu ekosistem (biotik), proses hidrologi dan penglibatan pihak awam, aktiviti-aktiviti berikut telah dilaksanakan, iaitu:

- i) 4 Siri Sirkuit Pancing Putrajaya (Mac, Mei, September dan Disember);
- ii) Bengkel dan Pertandingan Fotografi (Februari);
- iii) Kolokium *Intergrated Lake Basin Management* (Mac);
- iv) Seminar Kebangsaan *Intergrated Lake Basin Management* (Disember);
- v) *Do It Yourself (DIY) Boat Making and Remote Control Competition* (Disember);
- vi) *International Putrajaya Lake & Wetland Explorace* (Disember);
- vii) Program perkongsian ilmu bersama pelajar dan pensyarah, Lawatan dari Ketua-ketua Audit Negara Asia (ASOSAI), Peserta Seminar Integrated Lake Basin Management Plan Short Training, Intellectual Discourse dari Peserta International Putrajaya Lake and Wetland Explorace, Wakil Media dalam dan Luar Negara bagi Program Bird Watching Kembara Cuti-Cuti Malaysia di Putrajaya, peserta Kem Pemimpin Muda Prihatian Air UNESCO-IHP peringkat Kebangsaan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Tengah dan Zon Borneo;
- viii) Roadshow dan pameran promosi Apresiasi Ekohidrologi Tasik dan Wetland di UTM, Skudai (sempena National Civil Engineering Symposium 2015) dan juga sempena Festival Bunga dan Taman Putrajaya (FLORIA); dan
- ix) 6 siri *Environment Ecosystem Educational Programme* (3EP) bersama pelajar sekolah Putrajaya (FLORIA).

Program-program seumpama ini akan terus diperhebatkan sebagai satu langkah mempromosikan kempen kesedaran dan telah memberi kesan kepada 20,000 orang peserta dan pihak awam untuk menghargai Tasik dan Wetland Putrajaya agar faedah yang kita nikmati pada hari ini dapat terus kekal dan diwarisi oleh generasi akan datang.

#### **Kajian Penyelidikan 'Demonstration of Ecohydrology Biotechnologies in Putrajaya Lake, Malaysia: Ecosystem Services Economic Assessment'**

Kajian ini dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya dengan peruntukan dana sebanyak USD40,000.00 dari pihak UNESCO Jakarta dengan sokongan *Malaysia Fund in Trust* (MFIT). Kajian bermula pada Mac dan siap sepenuhnya pada Disember 2015.

Kajian ini disediakan bagi memberikan informasi berkaitan kepentingan Tasik dan Wetland Putrajaya yang dinilai dari aspek ekosistem dan diterjemahkan dalam nilai Ringgit Malaysia. Sehingga kini, pelbagai perkhidmatan ekosistem tasik dan wetland yang dinikmati termasuklah air yang bersih sesuai untuk aktiviti sukan dan rekreasi. Tasik Putrajaya kini terkenal di peringkat antarabangsa sebagai venue sukan dan rekreasi air serta menjadi tarikan pelancong. Umum juga mengetahui pembangunan Tasik dan Wetland Putrajaya telah menjadi nilai tambah kepada harga hartanah khususnya bagi kawasan pembangunan





yang berhadapan dengannya (*waterfront*). Tasik Putrajaya juga menjadi aset penting dalam penjanaan pendapatan serta pengoperasian Cruise Tasik Putrajaya dan Marina Putrajaya. Selain itu, dari aspek ekologi, Tasik dan Wetland Putrajaya telah melalui proses evolusi dan kematangan yang sihat. Data-data pemantauan yang direkodkan sejak tahun 2001 menunjukkan tapak ini menjadi habitat yang kondusif kepada pelbagai fauna yang bersesuaian dengan ekosistem perbandaran. Kajian ini telah melengkapkan hasil kajian/pemantauan yang telah sedia dijalankan dari aspek kejuruteraan dan saintifik, kajian dari aspek ekonomi nilai perkhidmatan ekosistem (*Ecosystem Services Economic Assessment*).

Penentuan nilai ekonomi adalah berdasarkan kaedah *Contigent Valuation Method*, *Travel Cost Method*, *Hedonic Pricing Method*, *Expenditure and Opportunity Cost Method for Cultural Service*, *Opportunity Cost Approach (OCA) to Estimate the Economic Value of Water Purification* dan *Benefit Transfer Approach*. Kajian ini juga merupakan yang pertama dilaksanakan di Malaysia bagi badan air buatan. Secara ringkasnya, kajian merumuskan bahawa nilai ekonomi semasa (31 Oktober 2015) perkhidmatan ekosistem Tasik dan Wetland Putrajaya ialah RM5.88 bilion.

### Penemuan spesies burung baru di Tasik dan Wetland Putrajaya



*Green-backed Flycatcher* ditemui di Wetland Upper West pada 16 Februari 2015.



*Two-barred Warbler (Two-barred Greenish Warbler)* ditemui di Central Wetland, bersempadan Taman Botani pada 28 Oktober 2015.

### Antara spesies katak dijumpai di Tasik dan Wetland Putrajaya



*CRAB EATING FROG*  
*Fejervarya cancrivora*



*SUNDA TOAD*  
*Duttaphrynus melanostictus*



*COMMON TREE FROG*  
*Polypedates leucomystax*



*ORNATE NARROW-MOUTHED FROG*  
*Microhyla fissipes*

## PROGRAM KESELAMATAN TAMAN PERMAINAN PUTRAJAYA 2015

Program Keselamatan Taman Permainan Putrajaya adalah merupakan salah satu program bagi menangani isu keselamatan peralatan permainan kanak-kanak di Malaysia. Program yang dianjurkan pada 2014 adalah melibatkan penganjuran Kursus Certified Playground Safety Inspector (CPSI) dan Peperiksaan Pensijilan CPSI.

Kursus *Certified Playground Safety Inspector* (CPSI) merupakan sebuah kursus pentauliah yang dijalankan oleh pihak *International Playground Safety Institute (IPSI)*, LLC, USA, untuk melatih dan melahirkan inspektor keselamatan taman permainan yang bertauliah dalam memastikan taman permainan selamat untuk digunakan. Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama IPSI telah menganjurkan kursus CPSI pada tahun 2012, 2013 dan 2014.

Sehingga tahun 2015, kursus ini telah berjaya mengeluarkan seramai 26 orang Inspektor Keselamatan Taman Permainan bertauliah (CPSI) di mana 9 orang Pegawai PPj telah berjaya ditauliahkan.







# PENGURUSAN PELANGGAN

## PENGURUSAN PELANGGAN

### PUSAT SETEMPAT (ONE STOP CENTRE - OSC) PPj

Objektif utama Pusat Setempat, Perbadanan Putrajaya (OSC PPj) diwujudkan adalah bertujuan untuk menyelaraskan semua proses permohonan pemajuan yang lengkap di Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi diproses mengikut tempoh masa yang ditetapkan berdasarkan Piagam.

OSC PPj selaku antara pasukan barisan hadapan (*frontliner*) yang berurusan dengan orang ramai bagi mempertingkatkan sistem penyampaian kerajaan (*delivery system*).

Menerusi OSC PPj maka pemohon tidak perlu lagi pergi dari satu jabatan ke satu jabatan lain untuk mengemukakan cadangan permohonan dan kini boleh dibuat melalui Kaunter OSC.

Berikut adalah perbandingan maklumat jenis permohonan, bilangan permohonan dan status permohonan yang diterima oleh Pusat Setempat (OSC) bagi Tahun 2015 adalah seperti berikut :


Jenis Permohonan	Bilangan Mohon	Permohonan Dalam Proses	Permohonan Selesai	Selesai dalam Piagam
Permohonan Serentak	34	7 (20.59%)	27 (79.41%)	27 (100.00%)
Kebenaran Merancang	91	2 (2.20%)	89 (97.80%)	89 (100.00%)
Pelan Kejuruteraan	16	1(6.25%)	15 (93.75%)	15 (100.00%)
Pelan Pembangunan	202	0 (0.00%)	202 (100.00%)	202 (100.00%)
CFO	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)
Jumlah	343	10 (2.92%)	333 (97.08%)	333 (100.00%)





Jumlah permohonan pada 2015 adalah 891 permohonan berbanding 937 permohonan pada 2014

STATISTIK JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT JENIS PERMOHONAN TAHUN 2014 & 2015



Secara keseluruhannya, peratusan permohonan selesai berdasarkan Piagam Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk OSC PPj bagi Tahun 2015 adalah 100%. Pencapaian ini telah melepasi sasaran KPI sebanyak 90% yang ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.


### PENGURUSAN ADUAN AWAM

Sistem “Customer Relationship Management” (CRM) telah digunakan oleh Perbadanan Putrajaya sejak pertengahan tahun 2006. Mulai Januari 2015, Biro Pengaduan Awam, JPM telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA); satu program dihasilkan dengan menaiktaraf program i-SPAA yang sedia ada. Program baru ini diwujudkan untuk menyeragamkan sistem pengurusan aduan awam di seluruh kementerian dan jabatan kerajaan. Sistem ini telah mula diaplikasikan oleh Perbadanan Putrajaya bagi menggantikan Sistem “Customer Relationship Management” (CRM) mulai Februari 2015 dan beroperasi sepenuhnya mulai dari 1 April 2015.

#### Jumlah Aduan 2015


Sepanjang 2015, PPj menerima 294 Aduan dari pelbagai kategori. Ini adalah penurunan ketara sebanyak 53.1% lebih rendah dari tahun 2014 (627 Aduan) dan 73.2% lebih rendah dari tahun 2013 (1,098 Aduan) seperti jadual di bawah:

#### Perbandingan Bilangan Aduan Yang Diterima Sepanjang Tahun 2013 Hingga 2015



**Bilangan Aduan Mengikut Kategori**

Sejumlah 15 Kategori Aduan telah ditetapkan dalam SISPAA PPj. Senarai Aduan mengikut kategori adalah seperti jadual di bawah:



**Prestasi Tempoh Penyelesaian Aduan 2015**

Perbadanan Putrajaya telah berjaya menyelesaikan semua aduan yang diterima sepanjang 2015. 98% aduan berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang dari 15 hari manakala 2% aduan telah diselesaikan dalam tempoh kurang dari 30 hari.

Pencapaian ini melebihi sasaran 100 % aduan diselesaikan dalam tempoh kurang dari 30 hari dan 75% dalam tempoh kurang dari 15 hari yang ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, sasaran 65% penyelesaian aduan dalam tempoh kurang dari 15 hari yang ditetapkan oleh Biro Pengurusan Aduan Awam (BPA) dan sasaran 80% aduan selesai kurang dari 15 hari dalam objektif MS ISO 9001:2008 PPj.

TEMPOH	BIL. ADUAN	% SELESAI	% JUMLAH
1 hari	13	4.4	<b>98%</b>
2-5 hari	115	39.1	
6-10 hari	97	33	
11-15 hari	63	21.4	
16-20 hari	2	0.7	<b>2%</b>
21-30 hari	4	1.4	<b>0%</b>
31-60 hari	0	0	
>60 hari	0	0	
<b>JUMLAH</b>	<b>294</b>	<b>100</b>	<b>100%</b>

Secara keseluruhannya penerimaan aduan awam melalui SISPAA menunjukkan penurunan yang ketara disamping kejayaan menyelesaikan aduan awam mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu kurang daripada 15 hari bekerja dimana rekod tersebut telah mengatasi sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, Bahagian Pengaduan Awam dan MS ISO 9001:2008 PPj.




PENGURUSAN MEDIA

**Liputan Media**

Sepanjang tahun 2015, PPj telah merekodkan sebanyak 475 liputan yang diperolehi menerusi media cetak dan media elektronik dengan nilai Persamaan Iklan (AVE) berjumlah **RM7,874,819.59**


**Analisa Liputan Media Bersamaan Nilai Persamaan Iklan (AVE) Mengikut Bulan**



**Kategori Liputan Media**

Dari segi kategori media, liputan paling banyak diterima adalah menerusi kategori surat khabar dengan 206 liputan manakala kategori televisyen pula memberikan liputan dengan nilai persamaan iklan yang paling tinggi iaitu sebanyak RM4,711,156.70.


Liputan Media Bersamaan Nilai Persamaan Iklan (AVE) Mengikut Kategori Media Bagi Tahun 2015



**Pemantauan Media**

Berdasarkan pemantauan media yang dibuat, sebanyak 86% daripada keseluruhan liputan yang diterima adalah dengan tona atau nada berita yang neutral manakala 13% bersifat positif. Hanya 1% sahaja direkodkan bagi liputan media yang bertona negatif, PPj mengambil perhatian yang serius khususnya bagi liputan yang bersifat aduan dan masalah berkaitan perhidmatan perbandaran di Putrajaya.


**Analisa Liputan Media Mengikut Tona Bagi Tahun 2015**



**Media Sosial**


Pasukan Media Sosial PPj telah dianugerahkan *Social Media Excellence Award – Community Engagement* yang disampaikan oleh YB Khairy Jamaluddin di *World Bloggers and Social Media Awards* bersempena dengan penganjuran *Malaysia Social Media Week (MSMW) 2015*.

Status terbaik di media sosial PPj adalah *update* status yang informatif dan pemakluman acara. Sepanjang tahun 2015 penambahan like sebanyak 70,565 (60%) telah tercapai seperti carta di bawah:



Pada bulan Jun sahaja sebanyak 2,086 *likes* dan 1,914,095 *reach* diperolehi untuk acara Festival Ramadan Putrajaya merupakan data tertinggi berjaya dicapai manakala pada bulan Oktober dan November pula bagi acara *Light And Motion Putrajaya (LAMPU)* dan *Putrajaya International Islamic Arts & Culture Festival (PIIACUF)*.





Pencapaian bilangan 'like' dan 'reach'

Followers di Instagram mencapai kepada 5,729 followers dengan penganjuran acara-acara mengikut trend masa kini seperti Hot Air Balloon Fiesta Photo Challenge, Silk Spice Race @PIACUF, Lampu Hunt, Instameet KTAKJ @FLORIA, Putrajaya Food Trail dan World Wide Instameet Malaysia di PICC.

Followers di Twitter juga meningkat kepada 4,429 dengan sebanyak 15,100 tweet sepanjang 2015.


Media sosial PPJ telah memberi impak positif di dalam penyebaran mesej-mesej komunikasi berilmiah dan menjadi bacaan umum dengan peningkatan bilangan likes.

## PENGURUSAN LAWATAN RASMI

### Penerimaan Lawatan

Bagi tahun 2015, PPJ telah menguruskan penerimaan lawatan rasmi ke Putrajaya daripada 112 kumpulan yang melibatkan seramai 4,995 orang pelawat.

#### Jumlah Dan Peratusan Pelawat Rasmi PPJ Mengikut Jenis Lawatan Bagi Tahun 2015



Bilangan kumpulan dan jumlah pelawat mengadakan lawatan ke Perbadanan Putrajaya

**Senarai delegasi Antarabangsang yang melawat Perbadanan Putrajaya**


Tarikh	Lawatan	Peserta
26 Januari	Honorable Dr. Narayan Khadka, Minister of Urban Development, Nepal	8
27 Januari	HE Sheikh Mohammed bin Said bin Saif al-Kalbani, Minister of Administrative and Development Affairs Oman	7
17 Februari	TYT Ri Gil Song, Naib Timbalan Menteri Luar Negeri (Vice Minister of Foreign Affairs) Korea Utara	10
16 Mac	Madam Hanna Tetteh, Minister for Foreign Affairs and Regional Integration, Ghana	20
15 September	Hon. Alhaji Collins Dauda, <i>Minister for Water Resources, Works and Housing, Republik Of Ghana</i>	21
22 September	H.E Hamidou Okaba, Director General of Economy, Ministry of Finance, Gabon Afrika	5
4 November	H.E Damrong Kaikuran, Ambassador Royal Thailand	4
4 November	H.E Ambassador Essa Mohamad Al-Manai, Qatar's Embassy	5
4 November	Lt Gen Sein Win Min, Menteri Pertahanan Myanmar	15
9 November	Delegasi daripada Johannesburg City Council, South Africa	20
11Disember	Delegasi daripada Department of Pension of Sri Lanka	15
22 Disember	H.E Kim Dong Wee, Member of National Assembly Korea Selatan	8

**PENGURUSAN PERMOHONAN PENGGAMBARAN DI PUTRAJAYA**

**Kelulusan Penggambaran**

Pada tahun 2015, terdapat 99 permohonan penggambaran dimana kesemuanya telah diluluskan. Jumlah kutipan caj aktiviti penggambaran adalah RM62,400.00. Di dalam meluluskan permohonan, penekanan telah diberikan bagi menjaga imej dan nama baik PPj serta Putrajaya.

JUMLAH KELULUSAN DAN KUTIPAN CAJ PENGGAMBARAN BAGI TAHUN 2015







# PEMBANGUNAN KOMUNITI



## PEMBANGUNAN KOMUNITI

### PROGRAM LOCAL AGENDA 21 (LA21) PUTRAJAYA

Usaha-usaha bagi mempromosikan pembangunan mampan dan pembentukan komuniti mampan di Putrajaya telah dilaksanakan melalui Local Agenda 21 Putrajaya yang menyokong aspirasi Putrajaya ke Arah Pembangunan Mampan menjelang tahun 2020.

Program-program di bawah agenda-agenda utama Local Agenda 21 Putrajaya dengan kerjasama Komuniti dan *stakeholders* Putrajaya seperti berikut:

#### Agenda Kesihatan

Program-program di bawah agenda kesihatan LA21 Putrajaya yang menumpukan ke arah pembudayaan gaya hidup sihat di kalangan komuniti setempat adalah:

- i. Lawatan Kerja Ke Melaka Bagi Meninjau Pembangunan Trek;
- ii. Pejalan Kaki 10,000 Langkah Di Persisiran Sungai Melaka;
- iii. Bengkel CPR & AED Friendly Community;
- iv. Program Berbasikal Bersama YBhg. Datuk Presiden Perbadanan Putrajaya;
- v. Program Slim Shape Putrajaya 2015;
- vi. Pembangunan Trek 10,000 Langkah Putrajaya; dan
- vii. Senamrobik Komuniti Putrajaya.



#### Agenda Mampan Sejahtera

Program-program berbentuk pendidikan, kerohanian, ekonomi serta bengkel kemasyarakatan yang progresif telah dilaksanakan untuk terus mempertingkatkan martabat komuniti Putrajaya dan pembangunan modal insan masyarakat setempat.



Program-program yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Karnival Kerjaya Ilmu (*Iltizam Menuju Universiti*) Putrajaya 2015;
- ii. Bicara Nur Ramadhan : Dekat Padamu;
- iii. Seminar Perisai Buat Puteri 2015;
- iv. Program Bubur Lambuk Amal Media – LA21 Putrajaya;
- v. Seminar Didik Rakyat LA21 Putrajaya: PT3;
- vi. 1 Parlimen 1 Kemahiran;
- vii. Seminar Didik Rakyat SPM;
- viii. Majlis Pelancaran Kempen 90 Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita; dan
- ix. Program Pemantapan Sahsia Diri Murid Putrajaya.



#### **Agenda Pembangunan Imej & 'Capacity Building'**

Bagi pembangunan imej dan 'capacity building', program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Lawatan Pelajar Greenland ke Putrajaya;
- ii. Program Kembara Ilmu Ke Sabak Bernam & Ladang Ar-Raudah Kuang, Selangor; dan
- iii. Program 'Explorasi Ilmu Local Agenda 21 Putrajaya' Di Kulim, Kedah Darul Aman.

#### **Agenda Landskap & 'Greening For Sustainable Future'**

Pelbagai program dan aktiviti yang menggalakkan perlaksanaan inisiatif-inisiatif ke arah Bandar Hijau Putrajaya 2025 dan berteraskan kesejahteraan komuniti adalah:

- i. Program *Greening for Sustainable Future*:
  - a. Kem Kesedaran Alam Sekitar 2015.
- ii. Program Membina Hijau:
  - a. Aktiviti Karnival Pokok;
  - b. Aktiviti 'Asas Keusahawanan';
  - c. Aktiviti '*Botanical Photography & Botanical Painting*';
  - d. Aktiviti '*Nature Art- Decoupage Press Flower*'; dan
  - e. Aktiviti Anugerah Membina Hijau.



- iii. Program Putrajaya *Urban Farming*:
  - a. Majlis Tuaian *Rock Melon*;
  - b. Tanaman *Green House* Kebun Komuniti 1 Presint 9 Musim Ke-4;
  - c. Lawatan Delegasi Dari Dewan Bandaraya Kuching Utara;
  - d. Taklimat Koperasi Komuniti Penduduk Putrajaya Berhad (KKPP);
  - e. Lawatan Ke *Green House* MARDI Kinta Perak & Cameron Highlands;
  - f. Kursus Siri 1/2016 Penanaman Sawi, Kailan & Salad;
  - g. Tanaman *Green House* Kebun Komuniti 1 & 2 Presint 8 & 9 Musim Ke 5; dan
  - h. Tanaman *Green House* Kebun Komuniti 1 & 2 Presint 8 & 9 Musim Ke 6.



### Agenda 3R Dan Kitar Semula

Pelbagai program dan kempen telah diadakan bagi memupuk kesedaran di kalangan komuniti, pelajar sekolah, sektor swasta, dan kerajaan terhadap kepentingan amalan 3R dan kitar semula. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Pusat Kitar Semula (PKS) Bergerak;
- ii. Program *Buy Back Centre*;
- iii. *Eco Rangers-Separation At Source Awareness Program*;
- iv. Program *Kerbside*;
- v. Taklimat Kesedaran 3R

### PROGRAM MASTER GARDENER

Peranan *Master Gardener* Perbadanan Putrajaya:

- Memberikan informasi dan nasihat berkenaan hortikultur kepada individu dan komuniti di Putrajaya.
- Membangunkan dan menjayakan projek komuniti yang berkaitan dengan hortikultur, termasuklah kebun komuniti, laman contoh, program dan aktiviti sekolah dan demonstrasi.
- Membangunkan kerjasama untuk membantu mentadbir Program *Master Gardener* di dalam Komuniti.



### PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Program-program yang dijalankan meliputi aspek pembangunan masyarakat, perkhidmatan, sukan dan riadah dalam menggalakkan keharmonian hidup dan perpaduan di kalangan warga Putrajaya. Antaranya;

Pembangunan sosial & ekonomi komuniti:

- Bengkel Suri - Kelas Jahitan (2 Siri) dan Masakan (5 Siri)
- 1 Parlimen 1 Kemahiran (1P1K) - (3 kelas kemahiran Jahitan, Bakeri dan Kulinari)
- Program Pembasmian Kemiskinan Bandar - Kursus Sejuk Beku Kuih Tradisional





Pembangunan modal insan, kepimpinan & penyertaan komuniti:

- Senamrobik
- Pemerkasaan Kumpulan Marhaban Putrajaya
- Program Amalan Nilai-nilai Murni Putrajaya - 'Street Dakwah' & Seminar Asas Perniagaan
- Kursus Pemerkasaan Jodoh
- Pertandingan Nasyid Putrajaya
- Siri Perjumpaan dengan Penduduk (Dialog 2 hala)
- Karnival Komuniti Putrajaya
- Pusat Mediasi
- Jom Solat Subuh
- Kenduri Rakyat 1 Wilayah
- Program Nur Ramadan
- Sambutan Hari Raya
- Majlis Tahlil & Doa Selamat Sempena Hari Wilayah Persekutuan
- Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan

Pembangunan keselamatan dan belia:

- Kem Remaja Gemilang
- *Battle of The Band* Putrajaya
- Program Pengurusan Kebakaran di kediaman
- Program Pengurusan Keselamatan di Tadika/Taska
- Program Pencegahan Denggi Bersama Combi Putrajaya

Perkhidmatan Sokongan Pusat Pembelajaran Kejiranan:

- *Kelas-kelas Bahasa Inggeris*
- Kelas Kemahiran Seni Kreatif
- Kelas Kemahiran Iqra (Tahap 1, 2 & 3)
- Bengkel IT - Grafik (*Adobe Illustrator*), *Photo Editing*, *Ms Office Word & Excel*
- Ekspo Jualan Buku
- Mari Membaca & *Story Telling* Bersama MBBY
- Kelas dan Pertandingan Melukis & Mewarna
- Origami
- Hari PPK
- Bengkel Pengurusan Perpustakaan
- Ekspo Braille


Penganjuran Sukan Komuniti Putrajaya:

- Pertandingan futsal, Bola Tampar, Bola Jaring, Sepak Takraw & Badminton
- Kejohanan Bola Sepak
- Program Langkah & Kayuhan Ceria Putrajaya (2 kali)

**1 Parlimen 1 Kemahiran (1P1K)**

1 Parlimen 1 Kemahiran merupakan program peningkatan ekonomi bumiputera bumiputera Wilayah Persekutuan anjuran bersama Perbadanan Putrajaya dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Tujuan program ini adalah untuk membangunkan kemahiran golongan belia, kumpulan miskin dan usahawan baharu dari kalangan warga Putrajaya di bawah skim Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

Seramai 40 orang suri rumah yang tidak berkerja telah Berjaya ditauliahkan dengan SKM bagi kemahiran bidang jahitan, bakeri dan kulinari.



## PUSAT PEMBELAJARAN KEJIRANAN

### **Pusat Sumber Braille Di PPK Presint 9, Putrajaya**

Pusat Sumber Braille di PPK Presint 9 telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Hasim Bin Haji Ismail, Presiden Perbadanan Putrajaya pada 7 November 2015. Tujuan utama pembukaan Pusat Sumber Braille ini adalah untuk menyediakan kemudahan khusus seperti bahan bacaan, alat tulis dan teknologi percetakan kepada Orang Kelainan Upaya (cacat penglihatan) di sekitar Putrajaya.

### **Multicultural Children's Library Di Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) Presint 11**

*Multicultural Children's Library* telah ditubuhkan pada tanggal 14 Mei 2015 dengan kerjasama dan sokongan daripada *Malaysian Board on Books for Young People* (MBBY) di Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) Presint 11, Putrajaya. Pihak pengurusan PPK telah menerima 174 buah buku kanak-kanak hasil sumbangan penulis-penulis buku kanak-kanak dari beberapa negara seperti Korea, India, Indonesia, China, Jepun, Thailand dan Malaysia untuk dijadikan bahan bacaan.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan untuk memperkenalkan budaya negara luar kepada kana-kanak Putrajaya. Teknik persembahan bercerita yang digunakan adalah "Teknik Kamishibai" dan sesi bercerita ini terbuka kepada semua peringkat umur kanak-kanak. Seramai 80 orang peserta telah mengikuti program ini yang telah diadakan di PPK Presint 8, 9, 11 dan 16.

### **Hari Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK)**

Hari PPK adalah merupakan kemuncak aktiviti pada setiap tahun bagi mengukuhkan interaksi sosial dan hubungan baik di antara pihak PPK dan komuniti Putrajaya dengan berkonsepkan mesra pelanggan.

Program Hari PPK 2015 merupakan sambutan tahun ke-9 yang telah diadakan pada 7 hingga 8 November 2015 bertempat di Kompleks Kejiranan (KKj), Presint 9, Putrajaya bagi memperkenalkan kemudahan-kemudahan dan seterusnya menarik lebih ramai menjadi ahli PPK.

Pelbagai aktiviti atau program menarik telah disusun seperti Perasmian Pusat Sumber Braille, Permainan Golf Simulator, Anugerah Ahli Aktif PPK, Kaunter Khidmat Pelanggan, Pertandingan Mewarna, Program Mari Membaca Bersama Maskot Upin & Ipin, Pertandingan Bilal Junior (Azan), Pertandingan Spelling Bee, Pertandingan Menulis Jawi dan Ekspo Jualan Buku.

\*Jumlah keahlian PPK sehingga 2015 = 12,478 orang ahli

\*Jumlah koleksi PPK sehingga 2015 = 115,828 buah koleksi



## PROGRAM KESELAMATAN JALAN RAYA

Sebanyak 32 aktiviti dan program keselamatan jalan raya meliputi pelbagai kumpulan sasaran berjumlah 2,988 peserta. Program dan aktiviti telah diadakan di DeCare Training Centre, Taman DeCare di Presint 7, tempat letak kenderaan awam, kompleks kejurangan, sekolah dan Dewan Persidangan Kompleks PPj.

Antara aktiviti dan program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Lawatan	Tarikh	Tempat	Sasaran	Jumlah Kehadiran
1.	Kempen Advokasi Keselamatan Jalan Raya	29 Januari 2015	SK & SMK Putrajaya Presint 11(2)	Orang awam	40 orang
2.	Kempen Advokasi Keselamatan Jalan Raya	5 Februari 2015	SK & SMK Putrajaya Presint 11(1)	Orang awam	50 orang
3.	Kursus Warden Trafik	10 Februari 2015	Dewan Melati, Kompleks PPj	Pengawal dan guru sekolah	31 orang
4.	Road Safety Awareness	17 Februari 2015	Lobi Blok A, Kompleks PPj	Pegawai & Pehidmat PPj	70 orang
5.	Xplorasi DeCARE	4 Mac 2015	Litar Indoor DeCARE	Pelajar Pra Sekolah SKPP 9(2)	25 orang
6.	Kursus Pemanduan Smart DeCARE	5 Mac 2015	Litar DeCARE	Pehidmat dari INSPEN	16 orang
7.	Smart DeCARE - Pendidikan Khas	11 Mac 2015	Litar DeCARE	Pelajar & Guru SMK Kiaramas, KL	44 orang
8.	Road Safety Awareness	25 Mac 2015	Kompleks Kejurangan Presint 16	Orang awam	80 orang
9.	Kem DeCARE Siri 1/2015	11 - 13 April 2015	Agrotek Garden Resort, Hulu Langat Selangor	Pelajar	80 org
10.	Program DeCARE To School - Lawatan ke SMK Kiaramas, KL Sempena Global Road Safety Week	5 Mei 2015	SMK Kiaramas, KL	Pelajar	100 org
11.	Xplorasi DeCARE	13 - 14 Mei 2015	Litar Indoor	Pelajar Taska Si Comel	100 org
12.	Kursus Training For Trainers Jurulatih DeCARE	11 - 13 Disember 2015	Puteri Bayu Beach Resort, Pulau Pangkor	Jurulatih DeCARE	33 orang
13.	Program Smart DeCARE bersama Allianz Malaysia	21 Disember 2015	Litar DeCARE	Pelajar	50 orang

## MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP)

Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) adalah satu entiti komuniti yang diwujudkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh pemimpin masyarakat setempat mengikut lokaliti masing-masing di Putrajaya. Struktur komuniti ini berperanan bagi melaksana dan memantau program-program kemasyarakatan dan modal insan yang dapat memberikan impak kepada komuniti. Majlis ini juga turut memainkan peranan dalam menangani isu-isu perbandaran dan penyampaian perkhidmatan secara berterusan di dalam kawasan pentadbiran Wilayah Persekutuan Putrajaya dan turut membantu dalam menentukan keperluan penduduk setempat dalam pembangunan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup di bandar.

Berdasarkan struktur MPPWP, terdapat 11 Subzon MPPWP yang melibatkan kesemua kawasan kediaman di Putrajaya iaitu Subzon A (Presint 5), Subzon B (Presint 8 dan 10), Subzon C (Presint 9 Timur), Subzon D (Presint 9 Barat), Subzon E (Presint 9 Utara), Subzon F (Presint 11 Selatan), Subzon G (Presint 11 Utara), Subzon H (Presint 14), Subzon I (Presint 15), Subzon J (Presint 16 dan 17) dan Subzon K (Presint 18 dan 19). Bagi tahun 2015 MPPWP Putrajaya Peringkat Zon telah menerima peruntukan sebanyak RM 70,000.00 bagi tujuan pengurusan dan penganjuran aktiviti pembangunan komuniti. Manakala setiap MPPWP Subzon telah diperuntukkan sebanyak RM 30,000.00 bagi setiap subzon untuk tujuan pengurusan dan penganjuran aktiviti bagi tahun ini.

MPPWP Zon Putrajaya telah melaksanakan beberapa program yang berimpak tinggi kepada kesejahteraan dan perpaduan komuniti dan antaranya adalah seperti Program Karnival MPPWP 2015 yang berjaya menarik penyertaan dan kehadiran kira-kira 3,000 komuniti Putrajaya dari pelbagai lapisan peringkat umur. Karnival tersebut diisi dengan beberapa program menarik seperti Sukaneka Rakyat, Program Bicara Agama, Program Jamuan Laksa Negeri, dan Aktiviti Pameran serta Jualan.

Disamping itu, setiap MPPWP Subzon juga telah melaksanakan program-program yang ditetapkan di kawasan masing-masing. Antara program utama Subzon adalah seperti Program Gotong Royong Mencegah Denggi (COMBI), Kempen Kibar Jalur Gemilang, Program Kebajikan "*Touch Point*" iaitu pemberian bantuan khas kepada komuniti yang ditimpa musibah serta pelbagai program agama yang bertujuan bagi pembangunan kerohanian dengan kerjasama surau-surau di setiap subzon.





The image features a modern, multi-story building with a glass facade and a decorative geometric pattern of triangles in the top left corner. The pattern consists of various colored triangles (yellow, orange, red, blue) arranged in a complex, overlapping design. The building has a prominent glass window and a balcony. In the foreground, there is a paved area with a white railing and a green lawn. The text "PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI" is overlaid on the image in a white, sans-serif font.

# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI



## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

### PERANCANGAN STRATEGIK

#### Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Agensi Secara Spesifik Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Tahun 2015

Ministerial Key Results Area (MKRA)	Sasaran 2015	Pencapaian 2015
<i>Peratus Tandas Awam yang mencapai tahap 3 bintang dan ke atas</i>	80 %	91.03%

#### Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PPj

Bil	KPI Utama PPj 2015	Sasaran 2015	Pencapaian 2015
1.	Peratus Aduan Diselesaikan Dalam Tempoh	85%	88.9%
2.	Purata Skor Kepuasan Pelanggan	85%	94.7%
3.	Kualiti Air Tasik Pada Kelas IIB	100%	100%
4.	Premis Makanan Mendapat Gred A	30%	56.5%
5.	Pencapaian Indeks Akauntabiliti	100%	100%
6.	Inovasi KIK	50%	58.3%
7.	Skor Audit Nilai	73%	89.2%

#### Pencapaian Piagam Pelanggan 2015

Bil.	Program/Aktiviti	Kualiti/	%
		Kuantiti/	Pencapaian
		Masa	
1.	<b>Pengurusan Aduan</b>		
	Menyelesaikan Aduan	15 hari	98%
2.	<b>Permohonan Penyewaan</b>		
	(a) Kelulusan penyewaan Dewan Persidangan dan Auditorium di Kompleks Perbadanan Putrajaya:		
	i) Permohonan di kaunter	10 minit	100%
	ii) Permohonan melalui surat	3 hari	100%
	iii) Permohonan dalaman	3 hari	100%
	(b) Kelulusan penyewaan Dewan Serbaguna di Kompleks Kejiranan:		
	i) Permohonan di kaunter	10 minit	100%
	ii) Permohonan melalui surat	3 hari	100%
	(c) Kelulusan penyewaan Pangsapuri Perbadanan Putrajaya	14 hari	100%



Bil.	Program/Aktiviti	Kualiti/	%
		Kuantiti/	Pencapaian
		Masa	
3.	<b>Permohonan Perancangan Dan Pembangunan</b>		
	Menerima, memproses dan mengeluarkan surat kelulusan/premit/ kebenaran bagi pengemukaan yang lengkap secara elektronik (ES) dan melalui Kaunter Pusat Setempat (OSC) oleh orang yang berkelayakan/ pemohon dan setelah notis penerimaan dikeluarkan bagi permohonan berikut:		
	(a) Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Susun Atur	53 hari	100%
	(b) Kelulusan Kebenaran Merancang Pelan Pra-Hitungan	53 hari	100%
	(c) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan	53 hari	100%
	(d) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan (rumah sesebuah)	30 hari	100%
	(e) Kelulusan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Sementara	53 hari	100%
	(f) Kelulusan Lanjutan KM	53 hari	0%
	(g) Kelulusan Nama Penamaan Bangunan	53 hari	100%
	(h) Perubahan Material	53 hari	100%
	(i) Kelulusan Permit Sementara	30 hari	100%
	(j) CCC (untuk rekod)	14 hari	90%
	(k) Kelulusan Mendirikan Bangunan	37 hari	100%
	(l) Kelulusan Pelan Pindaan	37 hari	100%
	(m) Kelulusan Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO)	30 hari	100%
	(n) Kelulusan Pelan Kerja-Kerja Kecil Dan Ubahsuai	30 hari	97%
	(o) Kelulusan Pelan Kerja Tanah Am dan Asas	53 hari	100%
	(p) Kelulusan Kerja Jalan Dan Perparitan	53 hari	100%
	(q) Kelulusan Pelan Kerja Jalan (Lampu Jalan dan Lampu Isyarat)	53 hari	0%
	(r) Kelulusan Permit Kerja-Kerja :	30 hari	100%
	i) Jalan		
	ii) Tutup lorong		
	iii) Malam		
	iv) Angkut Bahan		
	v) Laluan Logistik		
	(s) Kelulusan Pelan Landskap	53 hari	100%
	(t) Kelulusan mendirikan pagar	30 hari	100%

Bil.	Program/Aktiviti	Kualiti/	%
		Kuantiti/	Pencapaian
		Masa	
4.	<b>Kerja-Kerja Penyelenggaraan</b>		
	(a) Penyelenggaraan Bangunan dan komponen yang berkaitan.		
	i) Kritikal dan perlu dibaiki segera.	Dalam tempoh 24 jam	100%
	ii) Tidak Kritikal (kos tidak melebihi RM20 ribu)	14 hari	100%
	iii) Tidak Kritikal (kos melebihi RM20 ribu)	60 hari	0%
	(b) Mengambil tindakan bagi kerosakan lampu isyarat		
	i) Aduan melalui Hotline	Dalam tempoh 4 jam	100%
	ii) Aduan melalui CRM	48 jam	100%
	(c) Mengambil tindakan bagi kes pokok tumbang:		
	i) Kawasan kritikal (kawasan jalan, kawasan rumah, kawasan pejabat dan kawasan yang mengganggu kepentingan awam)	Serta merta (Dalam tempoh 24 jam)	100%
	ii) Kawasan tidak kritikal (kawasan taman dan kawasan yang tidak mengganggu kepentingan awam)	Dalam tempoh 2 hari (14 hari dalam tempoh estimated respond time)	100%
5.	<b>Permohonan Lesen</b>		
	(a) Kelulusan lesen premis perniagaan (prosesan ekspres)	1 jam	100%
	(b) Kelulusan lesen premis perniagaan (prosesan biasa)	18 hari bekerja	97%
	(c) Kelulusan lesen papan tanda perniagaan (prosesan ekspres)	1 jam	100%
	(d) Kelulusan lesen papan tanda perniagaan (prosesan biasa)	14 hari bekerja	100%
	(e) Kelulusan semua jenis pembaharuan lesen	10 minit	
	i) Premis		100%
	ii) Papan tanda perniagaan		100%
6.	<b>Pembayaran</b>		
	Memproses bayaran selepas dokumen yang lengkap diterima	14 hari atau mengikut syarat perjanjian/kontrak	100%



## PENGURUSAN KUALITI: MS ISO 9001:2008

Pada tahun 2015, sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya masih lagi berkuatkuasa bermula dari 25 Mac 2013 sehingga 28 Februari 2016.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 3 prosedur kualiti telah digugurkan menjadikan jumlah prosedur kualiti di Perbadanan Putrajaya sebanyak 67 prosedur. Prosedur kualiti yang digugurkan ialah :

- a) PK-PPj(Landskap)-09 : Penyelenggaraan Buggy Dan Tram [*4 buah buggy di Bahagian Pembangunan Taman telah dipindahkan ke Jabatan Perkhidmatan Bandar pada 17 April 2015*] \*digugurkan pada 29 Mei 2015
- b) PK-PPj(Kew)-02 : Penyediaan Anggaran Bajet Pembangunan [*proses penyediaan anggaran bajet pembangunan tidak lagi mengikut proses sedia ada dan dikawal selia oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri*] \*digugurkan pada 30 Jun 2015
- c) PK-PPj(Risiko)-01 : Pengurusan Risiko [*elemen pengurusan risiko akan diserapkan ke dalam semua Prosedur Kualiti bersekali dengan pindaan dokumen menjelang perubahan versi MS ISO 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015 yang dijangkakan pada awal tahun 2016*] \*digugurkan pada 13 Julai 2015

Kesemua 61 juruaudit yang sedia ada telah menjalani kursus peningkatan kompetensi bagi tahun 2015.

Aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 PPj adalah seperti berikut:

Aktiviti/Program	Tarikh
Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Tahun 2014	6 Januari 2015 (Bil. 1/2014) 8 Januari 2015 (Bil. 1/2014 - sambungan)
Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	28 - 30 Januari 2015
Kursus <i>Refresher</i> Juruaudit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya	5 - 8 April 2015 16 - 19 Ogos 2015
Auditan Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Perbadanan Putrajaya	5 - 9 Oktober 2015
Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Tahun 2015	4 Disember 2015 (Bil. 1/2015) 18 Disember 2015 (Bil. 1/2015 - sambungan) 22 Disember 2015 (Bil. 2/2015)

Hasil daripada auditan yang telah dijalankan, dapatlah dirumuskan bahawa Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 di Perbadanan Putrajaya telah dapat diterima sebagai satu budaya kerja. Kursus kesedaran (*awareness*) akan terus dijalankan bukan sahaja kepada pemilik prosedur tetapi juga kepada semua kakitangan lain di Perbadanan Putrajaya agar budaya kerja ini dapat terus dilaksanakan.

## KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Perbadanan Putrajaya telah menubuhkan sebanyak lima (5) KIK yang baharu dan telah menjadikan kesemua jumlah KIK PPj adalah sebanyak dua belas (12) kumpulan yang meliputi pelbagai jabatan dan bahagian di Perbadanan Putrajaya. Kumpulan yang aktif bagi tahun 2015 terdiri daripada;

- Kumpulan Connected – Jabatan Perkhidmatan Korporat
- Kumpulan U-Putra – Jabatan Perancangan Bandar
- Kumpulan K-Force – Jabatan Perkhidmatan Bandar
- Kumpulan Port 80 – Jabatan Perkhidmatan Korporat
- Kumpulan Q-Forces – Jabatan Kewangan
- Kumpulan 1Synergy – Jabatan Landskap dan Taman

Berikut merupakan Bengkel/Kursus yang telah dihadiri oleh peserta-peserta KIK pada tahun ini

Bil.	Bengkel/Kursus	Tempat	Tarikh
1.	Bengkel KIK PPj 2015 (Siri 1)	Tower Regency Hotel & Apartments, Ipoh	4 hingga 6 Februari 2015
2.	Bengkel KIK PPj 2015 (Siri 2)		11 hingga 13 Februari 2015
3.	Bengkel Pemurnian KIK PPj 2015	Hotel Sentral, Melaka	10 hingga 13 Mei 2015
4.	Bengkel KIK PPj 2015 (Bagi Kumpulan yang bertanding untuk Konvensyen KIK Peringkat Wilayah Persekutuan 2015)	Shangri-La, Putrajaya	24 dan 25 Ogos 2015

Tiga kumpulan mewakili Perbadanan Putrajaya di dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan ke-12 tahun 2015 iaitu Kumpulan Revo-C dari Jabatan Perkhidmatan Korporat, Kumpulan U-Putra dari Jabatan Perancangan Bandar dan Kumpulan Solve2 dari Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan.

Berikut adalah keputusan bagi konvensyen tersebut;

Bil.	Nama Kumpulan	Keputusan	Kategori
1	Kumpulan Revo-C	-	Pengurusan
2	Kumpulan U-Putra	Naib Johan	Pengurusan
3	Kumpulan Solve2	Tempat ke-4	Teknikal

Kumpulan Solve2 telah terpilih untuk ke Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015 (MPIPA) bagi mewakili Kementerian Wilayah Pesekutuan yang telah diadakan di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre, Kuantan, Pahang Darul Makmur.






PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

**Perjawatan**


Berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan Bil. S105/2014, bilangan perjawatan PPj bagi tahun 2015 adalah berjumlah 925. Secara umumnya kedudukan perjawatan bagi PPj mengikut Skim Perkhidmatan dan Gred digambarkan melalui rajah di bawah:

**Bilangan Perjawatan Berdasarkan Skim Perkhidmatan**



*Bilangan Perjawatan Berdasarkan Skim Perkhidmatan*

**Bilangan Pegawai Mengikut Gred**




*Bilangan Pegawai Mengikut Gred*

**Kursus, Bengkel Dan Seminar**


Selaras dengan Dasar dan Strategi Latihan Sumber Manusia, PPj telah menganjurkan pelbagai program untuk meningkatkan kompetensi pegawai sama ada secara dalaman atau dengan kerjasama agensi luar. Setiap pegawai PPj adalah dikehendaki mengikuti latihan/kursus minima tujuh hari setahun. Bagi tahun 2015, sebanyak 6,305 penyertaan kursus oleh pegawai/pekhidmat PPj. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,688 penyertaan adalah mengikuti kursus anjuran PPj manakala 1,617 penyertaan lagi adalah anjuran agensi luar.

**Bilangan Penyertaan Pegawai Menghadiri Kursus Tahun 2015**




*Bilangan Pegawai PPj yang Menghadiri Kursus, 2015*

**Bilangan Penyertaan Pegawai Mengikut Bidang Kursus Tahun 2015**



*Bilangan Penyertaan Pegawai Mengikuti Kursus Mengikut Bidang*

**Bilangan Penyertaan Pegawai Mengikut Bidang Kursus Tahun 2015**



*Rajah menunjukkan perbandingan penyertaan pegawai menghadiri kursus dari tahun 2013 - 2015*



**Program Pengiktirafan**


Program pengiktirafan merupakan sebahagian perancangan berterusan yang dilaksanakan oleh PPj. Seramai 69 pegawai PPj telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang terdiri daripada 15 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 54 pegawai dalam Kumpulan Sokongan. Di samping itu, beberapa pegawai yang memenuhi kriteria juga telah dicalonkan untuk menerima pelbagai pingat dan bintang kebesaran pada peringkat Negeri dan Persekutuan. Senarai penuh penerima darjah kebesaran bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

Bil	Nama	Jawatan	Anugerah	Negeri
1.	Shamsul Joehari bin Zainal Mokhtar	Pegawai Tadbir Gred N52	Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W)	Wilayah Persekutuan
2.	Azizah binti Yussof	Pegawai Tadbir Gred N52	Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W)	Wilayah Persekutuan
3.	Rozimah binti Wahid	Pegawai Tadbir Gred N48	Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W)	Wilayah Persekutuan
4.	Megat Ahmad Tarmizi bin Che Aini	Jurutera Gred J48	Ahli Mangku Negara (A.M.N)	Persekutuan
5.	Sabariah binti Sabri	Penolong Akauntan Gred W36	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Wilayah Persekutuan
6.	Halimaton binti Mohd Rashid	Setiausaha Pejabat Gred N28	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Wilayah Persekutuan
7.	Abd Razak bin Che Mat	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N26	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Wilayah Persekutuan
8.	Shamsudin bin Adnan	Pembantu Penguatkuasa Gred N22	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Wilayah Persekutuan
9.	Jamil bin Idris	Pembantu Keselamatan Gred KP22	Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W)	Wilayah Persekutuan
10.	Mohd Ghazali bin Mohd Salleh	Pembantu Penguatkuasa Gred N22	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N)	Persekutuan

**Skor Kepuasan Bekerja**

PPj telah menjalankan kajian kepuasan bekerja yang bertujuan untuk mengetahui Skor Kepuasan Bekerja di kalangan 200 responden kakitangan PPj. Responden adalah terdiri daripada pelbagai gred jawatan dan mewakili setiap jabatan di PPj. Melalui analisa kajian ini didapati bahawa purata Skor Kepuasan Bekerja adalah 4.2 daripada 5.0 iaitu merupakan satu Indeks Kepuasan Bekerja yang tinggi. Ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa pegawai di PPj berpuas hati dengan suasana dan persekitaran kerja di PPj.

### Purata Tahap Kepuasan Bekerja di Perbadanan Putrajaya 2015



## PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

### E-DOCUMENT

Aplikasi Pengurusan Fail dan Dokumen Perbadanan Putrajaya atau lebih dikenali dengan nama **e-Document** telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) oleh Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi, Perbadanan Putrajaya bermula Jun 2013 dan telah dapat siap pada Januari 2015.

Fungsi *e-Document* meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Mengurus pendaftaran dokumen masuk dan keluar PPj;
- ii. Pergerakan dokumen elektronik;
- iii. Memantau pergerakan dokumen;
- iv. Memantau tindakan terhadap dokumen masuk;
- v. Menguruskan cantuman dokumen ke dalam fail; dan
- vi. Penganalisaan secara bergraf.

Jadual di bawah menunjukkan Perbandingan Data sebelum dan selepas Pelaksanaan e-Document.

PERKARA	SEBELUM	SELEPAS
Kertas Minit <i>Up to Date</i> (Kemaskini)	71%	100%
Tulisan pada Kertas Minit yang mudah dibaca	42%	100%
Pendaftaran dokumen masuk dan keluar lengkap	40%	100%
Pendaftaran pergerakan dokumen	tiada	100%
Pemantauan tindakan	tiada	100%
Purata tempoh dokumen diterima oleh pegawai bawahan	Satu hari berkerja (24 jam)	Serta merta
Penggunaan Kertas	Perbandingan dalam dibuat pada tahun 2016	




PENSIJILAN ISO/IEC 27001:2013 (INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM)

Informasi dan maklumat adalah merupakan aset penting kepada sesebuah organisasi. Sasaran Perbadanan Putrajaya untuk mendapatkan pensijilan ISMS adalah bertepatan bagi melindungi dan menjamin keselamatan maklumat.

Pencapaian Pelaksanaan Pensijilan ISO/IEC 27001:2013

Pencapaian Audit ISO/IEC 27001:2013 Perbadanan Putrajaya



- a. Pada 30 November 2015, pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah mengadakan sesi Auditan Pemantauan Tahun Kedua ISO/IEC 27001:2013 terhadap skop pensijilan iaitu **“Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Data (Central Server Farm) yang merangkumi Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan, Email dan IP Fax”**.

Hasil auditan mendapati bahawa pelaksanaan ISMS di Perbadanan Putrajaya adalah memuaskan dan disyorkan untuk terus dipersijilkan.

- b. Wakil Pihak Pengurusan PPj semasa Mesyuarat Penutup Auditan Pemantauan SIRIM Tahun Ke-2.
- c. Risiko keselamatan maklumat telah diambil tindakan penyelesaian dan bilangan risiko telah dikurangkan daripada 4 kepada 2.
- d. Bilangan insiden keselamatan maklumat telah direkodkan dengan lengkap bagi memastikan punca insiden dan langkah penyelesaian dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pelaksanaan ini akan memastikan operasi fungsi teras PPj dapat berjalan lancar.
- e. Minggu Kesedaran ICT telah diadakan bagi memberi pendedahan kepentingan menjaga keselamatan maklumat. Program ini telah mensasarkan semua pekhidmat PPj supaya dapat memberikan perkhidmatan kepada pengguna dengan etika keselamatan maklumat yang baik.

## SISTEM PENGURUSAN PERMOHONAN PERUMAHAN PENJAWAT AWAM (PPA1M) PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya telah dilantik sebagai penyelaras iaitu merancang, membina, menjual, memilih pembeli dan menyelenggara sebanyak 10,336 unit rumah (Fasa 1) di Putrajaya. Sehubungan dengan itu, **Sistem Permohonan Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M)** telah dibangunkan untuk menyokong operasi bagi tujuan pelaksanaan.



### Aliran Proses Sistem Pengurusan Permohonan PPA1M Putrajaya

Kaedah agihan lot-lot rumah ini dilaksanakan melalui proses cabutan undi yang diadakan secara bersiri. Sistem Cabutan Undi telah dibangunkan secara online bagi memudahkan proses cabutan dengan cepat dan efisien.

### Sistem Cabutan Undi

Sistem Cabutan Undi telah dilaksanakan seperti berikut bagi tahun 2015:

SIRI CABUTAN	LOT PPA1M PUTRAJAYA	JUMLAH UNIT
SIRI 5: 27 JANUARI 2015	PUDINA (PRESINT 17)	1,500
SIRI 6: 26 NOVEMBER 2015	KETUMBAR (PRESINT 17)	1,500
	KASTURI (PRESINT 17)	404

## PENGURUSAN AUDITAN DALAMAN

Auditan dalaman merupakan satu fungsi bebas yang bertanggungjawab terus kepada Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya dan juga bertanggungjawab melaporkan secara terus kepada Presiden Perbadanan Putrajaya.

Objektif utama Audit Dalam adalah untuk melaksanakan kawalan dalaman serta nilai tambah bagi mempertingkatkan tahap prestasi organisasi. Di samping itu, ianya dapat membantu Perbadanan Putrajaya mencapai visi dan misinya secara sistematik dan berkesan.

Tanggungjawab utama Audit Dalam adalah melaksanakan pemeriksaan terhadap pengurusan kewangan dan penilaian aktiviti yang dilaksanakan bagi memastikan sumber-sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

### Pencapaian Aktiviti/ Program

Dalam tahun 2015, sebanyak 16 tajuk auditan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit PPj. 11 tajuk telah diselesaikan dalam tahun 2015, 4 tajuk sedang disiapkan manakala 1 tajuk telah dipersetujui untuk digugurkan. Di samping itu, 6 siri lawatan untuk laporan audit bergambar turut dijalankan. Senarai tajuk auditan yang telah diselesaikan adalah seperti berikut:

- i. Semakan Baucer Bayaran dan Resit Terimaan Bagi Tahun 2014
- ii. Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok (SIPP)
- iii. Kebersihan Premis-Premis Makanan di Putrajaya
- iv. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Krematorium Presint 20 Putrajaya
- v. Laporan Analisa Prestasi Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014
- vi. Kemudahan Di Pusat Rekreasi Air
- vii. Pengurusan Penilaian Kompetensi Kakitangan Perbadanan Putrajaya




- viii. Kontrak Pembersihan Kompleks Perbadanan Putrajaya
- ix. Kontrak Perkhidmatan Pemeliharaan Burung-Burung di Taman Wetland Putrajaya
- x. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan-Jalan Protokol (jalan raya)
- xi. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Taman Bunga Raya Putrajaya

Sebanyak 6 tajuk auditan dari Rancangan Audit Tahunan 2014 telah dibawa ke hadapan dan diselesaikan dalam tahun 2015 adalah seperti berikut:

- i. Aktiviti Pelesenan dan Penguatkuasaan
- ii. Auditan Kontrak - Kerja-Kerja Membekal Bunga Semusim (*Annual Plants*) di Putrajaya
- iii. Pengurusan Aduan Awam (CRM) Bagi Tahun 2012 dan 2013
- iv. Pengurusan Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd
- v. Keberkesanan Pengurusan Sistem Lampu Isyarat Jalan (ITACA)
- vi. Penyediaan Kemudahan OKU di Premis Milik Perbadanan Putrajaya

**Graf Perbandingan  
Bilangan Audit Yang Dirancang Dan Diselesaikan**



\*Ralat pembetulan Laporan Tahunan PPj Tahun 2014

#### Mesyuarat Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya (JAPPj)

Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya (JAPPj) diwujudkan oleh Perbadanan Putrajaya pada 3 Oktober 1997 melalui keputusan Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 8 Tahun 1997. Perlantikan pengerusi dan ahli kepada Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya adalah di bawah bidang kuasa Perbadanan Putrajaya.

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Perbadanan Putrajaya telah diadakan sebanyak tiga kali dalam tahun 2015, seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Kertas Dibentangkan
Bil. 1 Tahun 2015	23 Februari 2015	<u>Kertas Bil. 1/2015</u> Laporan Kemajuan Kerja Jabatan Audit Dalam, Perbadanan Putrajaya  <u>Kertas Bil. 2/2015</u> Laporan Pengauditan Prestasi Terhadap Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2014 oleh Jabatan Audit Negara
Bil. 2 Tahun 2015	8 April 2015	<u>Kertas Bil. 3/2015</u> Laporan Kemajuan Kerja Jabatan Audit Dalam, Perbadanan Putrajaya  <u>Kertas Bil. 4/2015</u> Draf Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014  <u>Kertas Bil. 5/2015</u> Cadangan Perubahan Polisi Perakaunan Berkaitan Permodalan Aset Perbadanan Putrajaya
Bil. 3 Tahun 2015	12 Oktober 2015	<u>Kertas Bil. 6/2015</u> Laporan Kemajuan Kerja Audit Dalam, Perbadanan Putrajaya

## PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Risiko di Perbadanan Putrajaya telah dilaksanakan berdasarkan piawaian ISO 31000 dan Kerangka Kerja Pengurusan Risiko Perbadanan Putrajaya. Peranan utama Unit Pengurusan Risiko adalah memastikan pengurusan risiko berkesan serta dapat memberikan jaminan yang munasabah terhadap pemegang taruh (*stakeholders*) Perbadanan Putrajaya di samping meningkatkan sistem penyampaian khidmat awam.

Penilaian Semula Risiko dilakukan sebanyak 2 kali setahun bagi menilai tahap risiko (rating). Pemantauan Kemajuan Pelan Tindakan Mitigasi akan dikemaskini setiap masa. Kedua-dua aktiviti dibuat bagi memastikan keberkesanan pengurusan risiko di Perbadanan Putrajaya.

Kedudukan 20 risiko semasa berbanding tahun 2014 adalah seperti di Jadual 3.

Matriks Kadaran Risiko	2014	2015
MELAMPAU (Extreme Risk)	8	5
TINGGI (High Risk)	8	7
SEDERHANA (Moderate Risk)	2	2
RENDAH (Low Risk)	2	6

*Perbezaan Matriks Kadaran Risiko antara tahun 2014 dan 2015*



## PROGRAM PEGAWAI MUDA PPJ

Kumpulan Pegawai Muda PPj terdiri daripada pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41, 44 dan 48) yang diwujudkan sebagai satu kumpulan untuk membentuk kerjasama dalam menyokong dan melaksanakan pelbagai program di Putrajaya serta sebagai satu pasukan pelapis kepada pengurusan PPj.

Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kumpulan Pegawai Muda PPj sepanjang tahun 2015 seperti berikut:

### **Ceramah Motivasi 'DARE to Dream' oleh Y. Bhg. Tan Sri Datuk Danny Ooi.**

Ceramah berkaitan pembentukan modal insan ini telah diadakan bagi memberikan inspirasi kepada Pegawai Muda PPj dalam memupuk sikap ingin mencuba dan berinovasi dalam setiap bidang yang ingin diceburi.



### **Majlis Berbuka Puasa Bersama Rumah Anak Yatim (RAY) Ramadan 1436H**

Menyelaras jemputan berbuka puasa bersama-sama anak-anak yatim di sekitar Lembah Kelang di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin pada bulan Ramadan 1436H.

### **Program Bubur Lambuk Sempena Sambutan Nuzul Quran dan Festival Ramadan Putrajaya**

Terlibat dalam penyediaan dan pengagihan bubur lambuk.

### **Bekerjasama Dengan Bahagian Komunikasi Korporat Dalam Menguruskan Lawatan Ke Putrajaya**

Kumpulan Pegawai Muda melalui Sekretariat Pelancongan telah membantu Bahagian Komunikasi Korporat PPj menguruskan lawatan-lawatan seperti Lawatan Ketua-ketua Audit Negara Asia (ASOSAI), Lawatan Peserta Seminar "*Malaysia as a preferred birding destination*", Lawatan Peserta Seminar *Integrated Lake Basin Management*, Lawatan *Intellectual Discourse on Lake and Environment*, Program Kembara Cuti-Cuti 1 Malaysia @ Putrajaya dan lain-lain lawatan teknikal dari Agensi / IPT / Pelajar Sekolah.

### **PETZL Night Trail Run 2015**

PETZL Night Trail Run 2015 adalah merupakan satu program larian yang dapat membantu memperkenalkan Putrajaya sebagai salah satu destinasi pelancongan.

### **Program Santai@Dataran Gemilang**

Diadakan pada setiap Ahad dari jam 4.00 hingga 7.00 petang di Dataran Gemilang, Presint 4, Putrajaya, program santai ini telah mempunyai pengikutnya sendiri yang hadir saban minggu. Para pengunjung akan dapat menyaksikan pelbagai aktiviti dan pengisian menarik. Turut diadakan gerai-gerai jualan makanan dan minuman, permainan kanak-kanak, pakaian dan lain-lain.





#### **Putrajaya Autoshow**

Program ini diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2015. 10 kategori pertandingan kereta turut diadakan.

#### **PACG 8.5**

Program ini menerima kehadiran para peserta dari seluruh Malaysia dengan 3,000 buah kenderaan menyertainya. Turut mendapat liputan daripada majalah permotoran.

#### **Mega PACG 2015**

Sesuai dengan status 'Mega', perhimpunan kali ini menghimpunkan 2,000 buah kenderaan bersama-sama 500 buah motosikal. Selain dari kehadiran peserta dari dalam negara, program kali ini turut menerima penyertaan dari negara-negara jiran seperti Thailand dan Singapura.

#### **RC Boat Race bersempena Sirkuit Pancing Putrajaya Siri 4/2015 Piala Presiden**

Acara ini telah diadakan di Presint 2 Putrajaya.



#### **Putrajaya Cycling Team**

Sepanjang tahun 2015, Putrajaya Cycling Team telah menyertai pelbagai aktiviti di dalam dan di luar negara seperti Konvoi Kayuhan Hari Wilayah 2015, Kemaman Jamboree 2015 (28 Februari 2015), Kayuhan Ceria dan PIPR, Wednesday Nite Ride: POYO and Friends (Mei 2015), Kayuhan Keamanan Malaysia - Vietnam 2015: Ho Chi Minh City (30 Mei - 2 Jun 2015), Kayuhan PIPR bersama Datuk Presiden (9 Ogos 2015) dan XPDC Langkawi 2015 (15 - 18 Oktober 2015). Putrajaya Cycling Team turut terlibat

di dalam kempen 'See and Be Seen' semasa Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU) 2015.

#### **Festival Pencinta Haiwan Putrajaya 2015**

Festival ini turut dikenali sebagai PALOF 2015 (Putrajaya Animal Lovers Fiesta 2015) dan telah diadakan di Lobi Auditorium Cempaka Sari Putrajaya dari 14 hingga 15 Mac 2015. Pelbagai jenis haiwan seperti kucing, burung dan reptilia dipamerkan di sini. Festival ini diadakan dengan kerjasama Kelab Kucing Malaysia.

#### **Majlis Ramah Mesra Pengetua/Guru Besar Sekolah Bersama Presiden dan LO Sekolah Perbadanan Putrajaya**

Majlis ini telah diadakan pada 21 April 2015 di Perbadanan Putrajaya. Antara lain ia bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara sekolah-sekolah di dalam Putrajaya dengan Perbadanan Putrajaya.

#### **Sambutan Hari Guru SMKA Putrajaya**

Wakil Perbadanan Putrajaya yang terdiri dari Pegawai Muda telah dijemput untuk menghadiri program Sambutan Hari Guru SMKA Putrajaya pada 29 Mei 2015 yang telah diadakan di Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya.

#### **Penglibatan di dalam Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU) 2015**

Kumpulan Pegawai Muda telah ditugaskan untuk menguruskan beberapa *side events* di LAMPU 2015. *Side events* tersebut adalah Eco Ride, Tron Dance, Laman Seni, Car Light Show dan Bicycle Light Show. Turut dikendalikan oleh Kumpulan Pegawai Muda adalah pertandingan fotografi LAMPU 2015 yang telah mendapat sambutan hangat daripada para peserta.







# PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN



## PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

### KHIDMAT PERUNDANGAN

Jabatan Undang-Undang Perbadanan Putrajaya memberikan nasihat undang-undang yang mana meliputi perkara-perkara berkaitan gubalan dan tafsiran undang-undang, terma perjanjian dan penguatkuasaan undang-undang dan dasar-dasar yang berkaitan dengan kerajaan. Khidmat nasihat undang-undang ini diberikan kepada jabatan-jabatan di Perbadanan Putrajaya dan juga anak-anak syarikat milikan Perbadanan Putrajaya.

Sepanjang tahun 2015, Jabatan Undang-Undang telah menyediakan sebanyak 610 nasihat (pendapat) undang-undang bertulis. Selain dari khidmat nasihat undang-undang bertulis, Jabatan Undang-Undang juga memberikan nasihat undang-undang lisan sebanyak 808 kali melalui mesyuarat, rundingan dan perbincangan.

Perbandingan bilangan nasihat undang-undang yang diselesaikan berdasarkan 2 tahun mengikut jenis adalah seperti berikut:

Jenis/Tahun	2014	2015
Nasihat (Pendapat) Bertulis	361	610
Nasihat Lisan dalam mesyuarat, rundingan dan perbincangan	559	808

### KONTRAK

Pada tahun 2015, Jabatan Undang-Undang telah menyemak dan menyediakan Perjanjian sebanyak 387 draf perjanjian. Manakala, dokumen Tender, Request For Proposal dan Sebut Harga yang telah disemak adalah sebanyak 33 draf. Selain itu, sebanyak 570 draf Surat Niat dan Surat Setuju Terima telah disemak dan disediakan oleh Jabatan Undang-Undang.

### GUBALAN

Dalam menjalankan fungsi sebagai pihak berkuasa tempatan, Perbadanan Putrajaya perlu memastikan supaya setiap aktiviti yang dijalankan hendaklah selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan kepentingan Perbadanan Putrajaya sentiasa terpelihara. Selain itu, pindaan sesuatu undang-undang perlu dilaksanakan mengikut peredaran masa supaya perundangan sedia ada tidak lapuk, ketinggalan zaman dan memenuhi kehendak semasa Perbadanan Putrajaya dan kerajaan.

Gubalan perundangan baru akan melibatkan penelitian dan proses Analisa Impak Peraturan (*Regulatory Impact Analysis*) oleh Jabatan Pelanggan untuk pertimbangan perkara-perkara dasar serta semakan Penasihat Undang-Undang Kementerian Wilayah Persekutuan dan Jabatan Peguam Negara. Berikut adalah perundangan yang masih dalam proses pengubalan:

Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Wilayah Persekutuan Putrajaya).

- Peraturan-Peraturan Perbadanan Putrajaya (Pengurusan Aset).
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Wilayah Persekutuan Putrajaya).
- Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Putrajaya).
- Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Putrajaya).
- Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Perniagaan (Wilayah Persekutuan Putrajaya)- (Lesen 1 Wilayah).
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan (Wilayah Persekutuan Putrajaya).
- Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Pindaan).
- Kaedah-Kaedah Pengawalan dan Perancangan (Am) (Wilayah Persekutuan Putrajaya).
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Wilayah Persekutuan Putrajaya) (Pindaan).



## PENDAKWAAN

Jumlah keseluruhan kompaun yang telah diproses adalah sebanyak 6,416 kes. Sebanyak 19,423 kertas siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk mendapatkan izin pendakwaan.

Pecahan bilangan kompaun bagi tahun 2015 yang telah dikeluarkan mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan adalah seperti berikut:

<b>Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)</b>			
<b>Seksyen/Undang-Undang Kecil</b>	<b>Bilangan Kes</b>		
	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
• Seksyen 46(1)(d) Meletakkan/Menyebabkan Diletakkan Barang/Benda Berhubung dengan Trednya di Tempat Awam	5	17	19
• Seksyen 46(1)(e) Meletakkan Kayu-Kayan, Kereta Buruk atau Bahan Buangan di Tempat Awam	1	1	1
• Seksyen 46(1)(g) Menyebabkan/Membenarkan Kereta/Motosikal Berhenti di Siar Kaki	19	62	108
• Seksyen 70 Mendirikan Bangunan Tanpa Kebenaran Bertulis dari Perbadanan	21	22	90
• Undang-Undang Kecil Kerja Tanah 1996 Menjalankan Kerja Tanah Tanpa Mengemukakan Pelan	-	7	1
<b>Jumlah</b>	<b>55</b>	<b>110</b>	<b>219</b>

*Jumlah Kompaun di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)*

<b>Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)</b>				
<b>Seksyen</b>	<b>Kesalahan</b>	<b>Bilangan Kes</b>		
		<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
107(5)	Tidak Pamer Lesen Perniagaan	5	1	16
<b>Undang-Undang Kecil</b>				
• Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002 undang-undang kecil 5 - Mempamerkan Iklan Tanpa Lesen		83	27	26
• Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred, Perniagaan & Perindustrian (Perbadanan Putrajaya) 1999 undang-undang kecil 3(1) - Menjalankan Premis Tanpa Lesen		95	37	17
• Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2003)		1	-	26
• Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (Perbadanan Putrajaya) 1999		42	33	39
• Undang-Undang Kecil Penjaja dan Gerai (Perbadanan Putrajaya) 1999 undang-undang kecil 3 - Menjaja Tanpa Lesen		72	141	70
• Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2002 undang-undang kecil 7 - Meletakkan Kenderaan Dalam Taman		525	1,087	337
<b>JUMLAH</b>		<b>833</b>	<b>1,330</b>	<b>531</b>

*Jumlah Kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976*

<b>Akta Pengangkutan Jalan 1987(Akta 333)</b>			
<b>Seksyen/ Undang-Undang Kecil</b>	<b>Bilangan Kes</b>		
	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
<b>Seksyen 75(5)</b>			
• Melanggar Kaedah Berhubungan dengan Lintasan Pejalan Kaki	3	1	9
<b>Seksyen 79(2)</b>			
• Meletak Kenderaan Menyalahi Isyarat Lalu Lintas	10,392	10,661	13,304
<b>Seksyen 80</b>			1
<b>Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan 1959</b>	12,775	13,272	18,152
<b>Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Wilayah Persekutuan Putrajaya 2002</b>			
• Meletak Kenderaan di Luar Petak Tempat Letak Kereta	4,059	5,014	6,825
<b>JUMLAH KOMPAUN</b>	<b>27,326</b>	<b>28,950</b>	<b>31,467</b>

*Jadual 3 : Jumlah Kompaun di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987*

Berdasarkan jadual-jadual di atas, secara purata terdapat sedikit peningkatan bagi jumlah kompaun yang dikeluarkan bagi tahun 2015.

#### **Pengendalian Rayuan Kompaun**

Perbadanan Putrajaya telah mengendalikan sebanyak 1,482 kes rayuan kompaun yang meliputi kes rayuan ke atas kompaun yang dikeluarkan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta yang dikuatkuasakan oleh Perbadanan Putrajaya. Rayuan kompaun ini adalah berdasarkan jenis dan kategori kesalahan serta tempoh pembayaran yang telah ditetapkan.

## LITIGASI SIVIL

Perbandingan jumlah kes litigasi tersebut mengikut kategori bagi 3 tahun sebelum adalah seperti berikut:

<b>Kategori</b>	<b>Tahun</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>
<b>Tuntutan tunggakan cukai taksiran</b>		7	15	92
<b>Tuntutan tunggakan sewa komersil</b>		13	5	1
<b>Tuntutan ganti rugi kemalangan (insurans)</b>		6	6	0
<b>Tunggakan bayaran pinjaman/ kuarters/ emolumen pekhidmat Perbadanan Putrajaya</b>		2	2	0
<b>Lain-lain tuntutan</b>		-	-	4
<b>Jumlah</b>		<b>28</b>	<b>28</b>	<b>97</b>

*Jadual Bilangan Kes Litigasi Sivil Oleh/ Terhadap Perbadanan Putrajaya*

Berdasarkan jadual di atas, ini menunjukkan jumlah kes tertinggi adalah daripada kes tuntutan tunggakan cukai taksiran oleh penduduk yang menetap di Putrajaya.

Jabatan Undang-Undang juga menyemak notis penamatan yang dirujuk oleh jabatan pelanggan. Terdapat sedikit pengurangan bilangan draf yang disemak bagi tahun 2015 iaitu sebanyak 47 draf berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak 57 draf.



## PENGUATKUASAAN

Penguatkuasaan undang-undang oleh Perbadanan Putrajaya merangkumi pelbagai aspek seperti lalu lintas, ketenteraman, keselamatan orang dan harta awam, kebersihan, perniagaan, ubahsuai bangunan dan sosial. Kaedah pengawalan dan penguatkuasaan dilaksanakan melalui rondaan, pemantauan di lapangan dan pemantauan melalui litar tertutup yang beroperasi selama 24 jam sehari. Bagi kes-kes tertentu, tugas penguatkuasaan dilaksanakan dengan kerjasama daripada pelbagai agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan lain-lain.

Tindakan penguatkuasaan juga dilaksanakan bersama jabatan-jabatan lain di Perbadanan Putrajaya melalui operasi bersepadu dipremis perniagaan, restoran, pusat hiburan, rumah kediaman, tadika dan kawasan pembinaan bagi memastikan semua pemilik premis, penyewa dan peniaga mematuhi peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan di Putrajaya.

Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di Putrajaya, antaranya:

- Akta Perbadanan Putrajaya 1995 dan Undang-Undang Kecil berkaitan;
- Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) termasuk Undang-Undang Kecil di bawah akta ini;
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil dibawah Akta ini;
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) termasuk perintah dan kaedah yang dibuat di bawah akta ini.

Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah bagi mendidik orang awam supaya menghormati dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di Putrajaya seterusnya memastikan Putrajaya menjadi sebuah bandar yang teratur dan terurus serta menjadi Bandar Contoh dalam pematuhan undang-undang dan peraturan di kalangan penduduk, warga kerja, pelawat serta pelancong yang berkunjung ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini. Dalam melaksanakan penguatkuasaan, Perbadanan Putrajaya sentiasa menekankan kepada tindakan secara tegas dan berhemah.

### Pengeluaran Kompaun dan Amaran

Berdasarkan statistik penguatkuasaan Perbadanan Putrajaya, kesalahan lalu lintas merupakan jenis kesalahan yang mencatatkan bilangan kes paling banyak sepanjang tahun 2015, manakala kesalahan-kesalahan lain seperti berniaga tanpa lesen dan mempamer iklan tanpa lesen merupakan jenis kesalahan yang mencatatkan bilangan kes paling rendah bagi tahun 2015.

Jenis Kesalahan Di kompaun	Tahun				
	2012	2013	2014	2015	Jumlah
i. Kesalahan lalu lintas	38,369	28,265	28,965	18,186	113,785
ii. Meletak kenderaan di siar kaki	2	0	0	108	110
iii. Meletak kenderaan atas rumput	432	532	7	337	1,308
iv. Berniaga tanpa lesen	250	841	1,310	18	2,419
v. Mempamer iklan tanpa lesen	112	83	24	27	246
vi. Ubahsuai bangunan	42	33	9	90	174
vii. vandalisme	0	0	0	0	0
viii. Pelbagai kesalahan lain	29	0	0	67	96
<b>Jumlah Kesalahan</b>	<b>39,194</b>	<b>29,754</b>	<b>30,315</b>	<b>18,833</b>	<b>118,096</b>
<b>Jenis Kesalahan Diberi Amaran</b>					
i. Kelakuan tidak sopan	3	5	7	4	19
ii. Memancing	1	3	3	25	32
iii. Menjaja tanpa lesen	4	20	50	95	169
<b>Jumlah Kesalahan</b>	<b>8</b>	<b>28</b>	<b>60</b>	<b>124</b>	<b>220</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>39,202</b>	<b>29,782</b>	<b>30,375</b>	<b>18,957</b>	<b>118,316</b>

## Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2015

Berdasarkan statistik di atas, bilangan kes kesalahan lalu lintas bagi tahun 2015 menunjukkan penurunan sebanyak 38% berbanding tahun 2014 dengan perbezaan sebanyak 10,779. Penurunan ini merupakan satu petanda positif yang menunjukkan kesedaran orang awam yang meningkat dalam mematuhi peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Putrajaya.

### Jumlah dan Nilai Kompaun dan Sitaan

Jumlah dan nilai kompaun serta caj sitaan yang dikutip hasil tindakan penguatkuasaan oleh Perbadanan Putrajaya dari tahun 2012 hingga 2015 adalah seperti berikut :

Tindakan Penguatkuasaan	Tahun				
	2012	2013	2014	2015	Jumlah
Bilangan kompaun dikeluarkan	28,965	28,965	28,965	39,103	<b>125,998</b>
Nilai kompaun yang dikeluarkan (RM)	3,310,325	3,310,325	3,310,325	5,290,587	<b>15,221,562</b>
Bilangan kompaun yang dibayar	5,124	5,124	5,124	6,233	<b>21,605</b>
Nilai kompaun yang dibayar (RM)	286,175	286,175	286,175	1,132,656	<b>1,991,181</b>
Bilangan kompaun dibatal	307	307	307	791	<b>1,712</b>
Bilangan kompaun dibawa ke mahkamah	11,262	11,262	11,262	4,046	<b>37,832</b>
Bilangan kes sitaan dikeluarkan	65	65	65	43	<b>238</b>
Bilangan kes sitaan dibayar	55	55	55	39	<b>204</b>
Nilai caj sitaan dibayar (RM)	6,940	6,940	6,940	7,416	<b>28,236</b>

Jumlah kutipan kompaun 2015 meningkat sebanyak RM846,481.00 iaitu 296% berbanding tahun 2014. Jumlah kutipan caj sitaan pula menunjukkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 7% berbanding tahun 2014.






# PENILAIAN DAN PENGURUSAN ASET



## PENILAIAN DAN PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN


### PENILAIAN UNTUK MAKSUD KADARAN

Sepanjang tahun 2015, Perbadanan Putrajaya telah menjalankan kerja-kerja Pindaan Senarai Nilai ke atas 653 kes yang dikenalpasti iaitu merangkumi bangunan telah siap, mendapat Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dan hak milik baru yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan, Putrajaya. Sebanyak 537 kes bangunan baru yang terdiri daripada 383 kes bangunan kediaman dan 154 kes bangunan kedai/pejabat, manakala tanah kosong bagi hakmilik baru yang dikeluarkan adalah sebanyak 116 kes. Jumlah pegangan yang dinyahaktifkan adalah sebanyak 422 kes kerana perubahan daripada tanah kosong kepada tanah yang dibangunkan dengan bangunan.



PPj menerima satu (1) permohonan bantahan daripada pemilik yang dikenakan kadar, tetapi pembantah bersetuju tidak menghadiri sesi mendengar bantahan. Dengan itu nilai tahunan dikekalkan sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Sebanyak 28 permohonan remitan telah menerima dan Perbadanan meluluskan hanya 17 kes remitan yang diterima daripada pembayar cukai dengan pulangan semula antara 50% daripada cukai yang dibayar dengan berjumlah sebanyak RM749,175.80.



Bil Cukai Taksiran dikeluarkan sebanyak dua (2) kali setahun. Penggal Pertama dikeluarkan pada bulan Januari 2015 ke atas 8,209 pembayar cukai dengan jumlah Cukai Taksiran sebanyak RM14,756,874.00. Manakala Penggal Kedua bil dikeluarkan pada bulan Julai 2015 sebanyak 8,425 dengan jumlah cukai RM14,794,767.00. Jumlah keseluruhan Cukai Taksiran yang dikenakan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM29,551,641.00. Terdapat peningkatan sebanyak 10.9% berbanding jumlah Cukai Taksiran bagi tahun 2014 iaitu RM26,314,046.00.

### PENILAIAN UNTUK MAKSUD SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

Terdapat 192 kes SMK bagi tahun 2015 yang terdiri daripada bangunan kuarters kerajaan yang baru termasuk kediaman hakim-hakim persekutuan. Dua (2) bangunan pejabat kerajaan yang baharu dinilai iaitu bangunan Pejabat Kementerian Pengangkutan, dan pejabat kerajaan di Presint 1.

PPj telah mengeluarkan tiga (3) notis tuntutan Borang C pada tahun 2015. Iaitu kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang melibatkan 22,174 kes dengan jumlah tuntutan sebanyak RM106,409,046.00, Suruhanjaya Tenaga sebanyak RM658,690.00 dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sebanyak RM2,904.00. Jumlah tuntutan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM107,070,640.00 meningkat sebanyak 2.6% dari jumlah tuntutan tahun 2014.



PPj telah membuat tuntutan Sumbangan Membantu Kadar ke atas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Suruhanjaya Tenaga sejak tahun 2001 sehingga 2015 berjumlah RM859,009,106.00, pembayaran diperolehi sehingga 2015 adalah sebanyak RM811,632,460.68. Jumlah hasil yang belum diterima adalah RM 47,376,645.32 atau 5.5% sahaja.

## PENGURUSAN MENDAPATKAN KEMBALI TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

PPj telah mengenakan cukai taksiran ke atas harta yang boleh dikenakan cukai semenjak tahun 1999. Sehingga akhir tahun 2015, jumlah tunggakan terkumpul adalah sebanyak RM1,550,013.70.

Bagi menggalakkan pembayar cukai membuat pembayaran awal dan membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan PPj ada menyediakan insentif merupakan 500 hadiah beg sandang kepada mereka yang telah membuat pembayaran setahun (dua penggal). Manakala 1,000 hadiah mug bagi mereka yang membuat pembayaran satu penggal yang tiada tunggakan

### Tindakan Agresif Yang Dilakukan Oleh PPj

PPj telah mempergiatkan lagi usaha untuk mendapatkan tunggakan cukai taksiran antaranya melalui:

Aktiviti	Bilangan kes
Menghantar Notis Borang E kepada pembayar cukai yang ada tunggakan selepas 28 Feb/ 31 Ogos	2,945
Menghantar Notis Borang E2 kepada pembayar cukai yang melebihi RM2,000.00 atau tidak membuat pembayaran cukai melebihi dua(2) penggal	2,646
Menghantar kembali Notis tunggakan cukai yang dikembalikan ke alamat harta tersebut	150
Menampal Notis Amaran dengan kertas warna merah di pintu utama premis yang tersenarai	50
Telah dipanjangkan kepada Bahagian Undang-undang untuk tindakan tuntutan sivil diambil di bawah Peruntukan Seksyen 156 Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan 1976) ke atas pembayar cukai yang mempunyai tunggakan tinggi	92

### KUTIPAN HASIL SEMASA CUKAI TAKSIRAN 2015



*Jumlah Peratus Kutipan Hasil Semasa Cukai Taksiran dari tahun 2013 hingga 2015*

### Pencapaian Peratus Kutipan

Tindakan yang telah dibuat oleh PPj telah berjaya mengutip cukai taksiran sebanyak 96.19% untuk tahun semasa 2015.

PPj telah berjaya mengekalkan peratusan tunggakan di paras sasaran kurang dari 1%. Jumlah peratus tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2015 adalah 0.60% dari jumlah keseluruhan tunggakan berbanding jumlah keseluruhan cukai taksiran yang dibilkan.

## PENGURUSAN & PERAKAUNAN ASET

Pengurusan dan perakaunan aset yang dijalankan sepanjang tahun 2015 adalah berdasarkan kepada peraturan aset


Perbadanan Putrajaya. Bagi pengurusan pelupusan dan hapus kira aset, kaedah dan peraturan yang paling menguntungkan PPj akan digunapakai bagi memastikan pengurusan aset berada di dalam tahap optima. Di samping itu juga pengurusan insuran bagi bangunan milik PPj dan tanggungan pihak ketiga turut dilaksana di dalam Putrajaya dengan cekap dan berkesan.

Urusan pengurusan aset telah dimantapkan dengan wujudnya Sistem Pengurusan Aset bagi menjamin keseragaman di dalam mengurus aset-aset sedia ada, pembelian dan pelupusan aset.

## Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2015


BIL	AKTIVITI	OUTPUT
1	Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset PPj	2 Kali
2	Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Aset PPj	4 Kali
3	Menguruskan Kes-Kes Pelupusan Aset Alih PPj	14 Kes
4	Menguruskan Kes-Kes Kehilangan Aset Alih PPj	2 Kes
5	Menguruskan Pemeriksaan Aset Alih PPj	Sekali Setahun
6	Menguruskan Permohonan Perolehan Aset Alih PPj	51 Permohonan
7	Memperakaunkan Aset daripada Kerja Dalam Kemajuan (Aset Dalam Binaan)	6 Projek KWP = RM1,650,209 1 Projek KWM = RM866,495
8	Memperakaunkan aset yang diperolehi daripada Bajet Kumpulan Wang Mengurus bagi perolehan melalui Belian Terus, Inden Kerja, Interim Pembayaran dan 'Petty Cash'	1,600 Aset
9	Menyelaras tuntutan insurans bagi pihak PPj	5 Tuntutan <i>Third Party Public Liability</i>
10	Menguruskan polisi insurans	Syarikat Takaful Malaysia Berhad (21 Jan 2015 - 20 Jan 2016)

## HARTANAH, LOJI & PERALATAN MILIK PERBADANAN PUTRAJAYA



Sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, nilai hartanah, loji & peralatan milikan PPj adalah sebanyak RM3,481.4 juta. Amana ini setelah mengambilkira susut nilai terkumpul yang berjumlah sebanyak RM1,048.8 juta. Hartanah, Loji & Peralatan milikan Perbadanan adalah merangkumi tanah, bangunan, infrastruktur, taman-taman, tasik & wetland, loji dan jentera, peralatan, perabot dan kelengkapan, kenderaan, buku dan komputer. PPj turut mempermodalkan aset kuda yang dikategorikan di dalam kelas aset hidupan.

Berdasarkan kepada pendapatan bersih dari tahun 2011 hingga 2015, tren hasil pulangan aset memperlihatkan penurunan setiap tahun sehingga tahun 2013. Walaubagaimanapun, bermula tahun 2014 dan tahun 2015 nisbah pulangan telah meningkat kepada 5.6% dan 6.50%. Peningkatan kepada nisbah pulangan ini menunjukkan kecekapan operasi dalam penggunaan aset tetap.





## SEKSYEN PESURUHJAYA BANGUNAN

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 telah berkuatkuasa masing-masing pada 1 Jun 2015 dan 2 Jun 2015. Pada 11 Jun 2015, Bahagian Penilaian dan Pengurusan Aset telah mengadakan satu kursus pengenalan ke atas Akta 757 untuk kefahaman pemaju, Badan Pengurusan, Badan Pengurusan Bersama dan agensi-agensi yang berkaitan.

Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti dan pencapaian Pesuruhjaya Bangunan sepanjang tahun 2015 seperti jadual di bawah:

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1	Mewujudkan dan mengemaskini inventori semua kawasan pemajuan berstrata (Pangkalan Data)	9 kawasan pemajuan yang telah dikemaskini.
2	Memantau penubuhan JMB / MC di semua kawasan pemajuan berstrata	Dua kawasan pemajuan iaitu PRIMA di Presint 11 dan Alam Desa di Presint 14
3	Memberi khidmat nasihat kepada pemaju / JMB / MC berkaitan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama	Sila rujuk Jadual A.
4	Mengawalselia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama	Melibatkan kesemua kawasan pemajuan di Putrajaya
5	Memastikan mesyuarat AGM pertama dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan	Dua kawasan pemajuan telah mengadakan mesyuarat pertama mengikut Akta 757.
6	Menyelaras, mengendali dan mengambil tindakan penyelesaian pertikaian diantara pengadu dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk menjadi mediator	Sila rujuk Jadual A
7	Memantau akaun pengurusan bangunan berstrata	Sila rujuk Jadual A
8	Mengambil tindakan penguatkuasaan	Masih tiada tindakan penguatkuasaan dilaksanakan
9	Membuat pelantikan dan mengawal selia ejen pengurusan yang dilantik oleh COB	Masih tiada ejen pengurusan yang dilantik oleh COB

Senarai Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body-JMB*) dan Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation*) di Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Badan Pengurusan Bersama	No Pt/Lot	Presint
1.	Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Putra Harmoni	LOT 1726	9
2.	Perbadanan Pengurusan Neighbourhood Commercial Centre 1	LOT 1727	9
3.	Badan Pengurusan Bersama Ayer@8	PT 14139	8
4.	Badan Pengurusan Bersama Northern Neighbourhood Commercial Centre	LOT 192	8
5.	Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Putra Damai	PT 7003 dan PT 7007	11
6.	Badan Pengurusan Bersama Kondominium Saujana Aster	PT 4465	11
7.	Badan Pengurusan Bersama PRIMA@11	PT 12164	11
8.	Badan Pengurusan Bersama Alam Desa	PT 9849	15
9.	Badan Pengurusan Bersama Green Park	PT 14079	15

Senarai Pembangunan Strata yang tidak dapat menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body-JMB*) di Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	Badan Pengurusan Bersama	No Pt/Lot	Presint
1.	Sub Commercial Centre 1	LOT 1728, LOT 1729, LOT 1730 dan LOT 1731	9
2.	Rumah Bandar Town Villas Danau Ayu	LOT 160 - LOT 207, PT 2505 - PT 2552	16

**Jadual A : Statistik Aduan yang Diterima dan Diselesaikan oleh Urus Setia Pesuruhjaya Bangunan  
Mengikut Jenis bagi Tahun 2015**

Bil	Jenis Aduan	Sukuan 1		Sukuan 2		Sukuan 3		Sukuan 4	
		Terima	Selesai	Terima	Selesai	Terima	Selesai	Terima	Selesai
1	<b>Mesyuarat dan Pemilihan</b> (Semua aduan berkaitan mesyuarat yang melibatkan Badan termasuk berkaitan proses penubuhan Badan)	-	-	-	-	-	-	1	1
2	<b>Pentadbiran dan Pengurusan</b> (Semua aduan berkaitan pentadbiran dan pengurusan Pemaju/Badan/Ejen termasuk tanggungjawab, kerjasama, pertikaian)	1	1	-	-	2	2	-	-
3	<b>Penyenggaraan dan Kerosakan</b> (Semua aduan berkaitan penyenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama)	2	2	1	1	-	-	-	-
4	<b>Isu Kewangan</b> Semua aduan berkaitan kewangan termasuk caj penyenggaraan, akaun penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelas)	-	-	-	-	-	-	1	1
5	<b>Khidmat Nasihat</b> (Semua khidmat nasihat dan pandangan yang diberi kepada pengadu)	3	3	2	2	1	1	-	-
6	<b>Penguatkuasaan COB</b> (Semua aduan berkaitan penguatkuasaan COB dan Akta)	-	-	-	-	-	-	-	-
7	<b>Lain-lain</b>					2	2		
	<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>2</b>	<b>2</b>





# PRESTASI ANAK SYARIKAT





## PRESTASI ANAK SYARIKAT

### PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE SDN BHD (PICCSB)

Putrajaya International Convention Centre Sdn Bhd (PICCSB) telah ditubuhkan bagi menguruskan dan menyelenggara bangunan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) bermula dari 16 Julai 2013. Syarikat juga telah beroperasi lebih kurang selama 2 tahun dengan tenaga kerja seramai 202 orang.

Perkhidmatan yang ditawarkan adalah sewaan dewan, perkhidmatan makanan di restoran/café, perkhidmatan penghantaran makanan dan katering.

Antara pendapatan sampingan adalah sewaan lot perniagaan, bazaar, lawatan berpandu (*guided tour*) dan *Business Centre*.



*"16th International Anti-Corruption Conference 2015" anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), 2 - 4 September 2015*

Secara keseluruhannya, sebanyak 490 acara/program telah diadakan di PICC dengan jumlah pengunjung sebanyak 240,155 bagi tahun 2015. Nilai media yang diperolehi bagi PICC pada tahun 2015 pula adalah sebanyak RM 30.1 juta melalui berita atau liputan menerusi media cetak dan online seperti surat khabar, majalah dan juga media sosial (*Facebook, Twitter dan Instagram*).

Acara antarabangsa

1. *"16th International Anti-Corruption Conference 2015"* anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), 2 - 4 September 2015
2. *Putrajaya International Book Fair (PIBF) 2015* yang turut merupakan acara tahunan dengan kerjasama daripada MPH Bookstores.
3. Siri *"BSN Training with Lawrence Walters Seminar"*, 21 & 22 November 2015

PICC juga telah mewujudkan produk-produk pelancongan bersama dengan Marina Putrajaya dan Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd. Produk-produk tersebut merupakan produk kerjasama dengan memberikan pakej pelancongan sebagai pilihan kepada pelancong dan juga agen-agen pelancongan untuk mengembara dan mengenali Bandar Putrajaya dengan lebih dekat lagi. Pakej tersebut adalah *"Putrajaya Sightseeing"* dan *"Cruise Tasik & Lunch @PICC"*.

### Pengiktirafan yang diterima pada tahun 2015

PENGIKTIRAFAN	KATEGORI
<b>International Star for Quality Award (ISAQ),</b>	Platinum
<b>Selangor Excellence Business Award 2015</b>	<i>The Best Industry Class in Meeting, Incentive, Convention &amp; Exhibition (2015)</i>
<b>Utusan Business Awards 2015</b>	Sektor MICE
<b>Culinaire Malaysia 2015</b>	<p><b>SILVER</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meat / Poultry Main Course (Hot)</li> <li>- Truly Malaysia 5 Course Platter (Display)</li> <li>- Ethnic Malay Cuisine (Hot)</li> </ul> <p><b>BRONZE</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Iron Butcher Chef Challenge</li> <li>- Ethnic Malay Cuisine (Hot)</li> <li>- Ethnic Malay Cuisine</li> <li>- Fish / Seafood Main Course (Hot)</li> <li>- Nyonya Heritage (Team Manager)</li> <li>- Buffet Platter (Display)</li> </ul> <p><b>DIPLOMA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Fish / Seafood Main Course (Hot)</li> </ul>



## PENGANGKUTAN AWAM PUTRAJAYA TRAVEL & TOURS SDN. BHD.

Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Bhd. (PAPSB) adalah anak syarikat Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan pada tahun 1999. Pada awalnya, PAPS B berperanan sebagai operator yang mengurus dan mengoperasikan bas henti-henti Nadiputra. Namun mulai tahun 2013, PAPS B telah diberikan tanggungjawab yang lebih luas meliputi pengurusan dan operasi Stesen Putrajaya Sentral, Park and Ride Presint 7, Depo Bas dan perhentian bas. Pada 25 Ogos 2015, PAPS B dijenamakan semula dan dikenali dengan nama Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn. Bhd. (PAPTT) yang menjadikan PAPTT sebagai ejen pelancongan.

Dalam tahun 2015, PAPTT telah menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

Kategori	Keterangan
Perkhidmatan Bas	<p>Bas Henti-Henti Meliputi laluan di dalam Putrajaya, Cyberjaya dan bandar-bandar sekitar seperti ke Kuala Lumpur, Puchong, Bandar Salak Tinggi, Dengkil dan Saujana Puchong.</p> <p>Bas Pajakan Pajakan bas di UM, UKM, KLCC, Taylors University dan KUIS.</p> <p>Bas Sewa Khas Menyediakan perkhidmatan sewaan bas bagi perkhidmatan jangka pendek.</p>
Perkhidmatan Tempat Letak Kereta	Menyediakan lebih 4,000 lot tempat letak kereta berbayar di seluruh Putrajaya.
Stesen Putrajaya Sentral dan <i>Park &amp; Ride</i> di Presint 7	Menyediakan perkhidmatan sewaan lot komersil, kaunter perkhidmatan bas ekspres dan teksi dan mengurus perkhidmatan tempat letak kereta.
Nadiputra Travel & Tours	Menyediakan perkhidmatan pelancongan dalam negara ( <i>inbound</i> ), luar negara ( <i>outbound</i> ), MICE and ticketing.




Selain itu, PAPTT turut memperkenalkan beberapa produk baru seperti berikut:

1) Laluan Baru Bas Henti-Henti  
Berdasarkan arahan pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), mulai 01 Disember 2015, PAPTT telah diberikan 5 laluan baru bas henti-henti yang menghubungkan Putrajaya dengan bandar-bandar di sekitarnya seperti Kuala Lumpur, Puchong, Dengkil, Bandar Salak Tinggi dan Saujana Putra.

- 2) Nadiputra Travel & Tours  
Membina asas bagi penyediaan perkhidmatan pelancongan *inbound*, *outbound*, MICE and ticketing.
- 3) Kompleks Letak Kereta Bertingkat di Presint 4  
Menyediakan 900 lot tempat letak kereta dengan kadar caj RM4.00 sekali masuk.

Disamping itu, PAPTT turut akan bekerjasama dengan Japan Corporation (JC) iaitu Toshiba Corp, PUES Corp, Hasetec Corp dan Oriental Consultant untuk pembangunan fasiliti dan pengoperasian 11 bas elektrik (konsep baru) sebagai bas henti-henti di Putrajaya. Perjanjian persefahaman telah dimuktamadkan pada penghujung tahun 2015. Bas pertama akan diterima seawal November 2016 sebanyak 2 unit dan penghantaran berperingkat bakal diterima sehingga pertengahan tahun 2017.



**Prestasi Kewangan**

Pada tahun 2015, pendapatan PAPTT menunjukkan pengurangan sebanyak 13% berbanding pada tahun 2014 disebabkan penamatan di dalam kontrak pajakan dengan UPM. Walaupun terdapat pengurangan dalam penerimaan geran, PAPTT berusaha menampung perbelanjaan syarikat yang telah meningkat kesan daripada pelaksanaan GST dan juga kenaikan kadar gas asli sebanyak 37% dengan usaha berjimat cermat di dalam perbelanjaan syarikat.

Secara perbandingan, hanya 1% sahaja peningkatan perbelanjaan pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. PAPTT mengalami kerugian kesan daripada pengurangan dalam pendapatan sebanyak RM2.90 juta pada 2015.

**PJ HOTELS & RESORTS SDN BHD**


Pj Hotels & Resorts Sdn Bhd (PJHR) adalah syarikat yang ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan pengurusan hotel. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, PJHR terus fokus dalam pengurusan Hotel Putrajaya Shangri-La (Putrajaya Shangri-La) yang diuruskan bersama-sama Shangri-La International Hotel Management Limited sejak dari tahun 2003.

Putrajaya Shangri-La merupakan hotel penginapan premium bertaraf lima bintang yang mensasarkan pelawat-pelawat eksekutif dari dalam dan luar negara. Selain menawarkan sewaan bilik tetamu dan suite berjumlah 118 buah, Putrajaya Shangri-La turut menjalankan perkhidmatan makanan dan minuman melalui khidmat banquet serta restoran dan bar.

Kedua-dua perkhidmatan tersebut adalah penyumbang utama pendapatan Putrajaya Shangri-La dan secara langsungnya kepada PJHR. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, Bahagian Makanan & Minuman dan Bahagian Penginapan masing-masing menyumbang 61% dan 38% dari pendapatan keseluruhan PJHR yang berjumlah RM17.99 juta. Selebihnya, iaitu sebanyak 1% perolehan, disumbangkan dari Bahagian Operasi Sampingan.

Pada tahun 2015, PJHR telah memperbaharui kontrak pengurusan Putrajaya Shangri-La bersama Shangri-La International Hotel Management Limited yang telah berakhir pada 31 Disember 2014 untuk tempoh lima (5) tahun bermula dari 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2019.

**Prestasi Kewangan**



PJHR memperoleh pendapatan terkumpul sebanyak RM17.99 juta bagi tahun kewangan 2015, menyusut sebanyak RM0.21 juta atau 1% berbanding jumlah pendapatan yang dicatatkan pada tahun kewangan 2014 iaitu sebanyak RM18.20 juta. Secara keseluruhan, Bahagian Makanan dan Minuman menyumbang 61% dari jumlah pendapatan, manakala Bahagian Penginapan dan Bahagian Operasi Sampingan masing-masing menyumbang 38% dan 1% dari jumlah pendapatan.



Berbanding dengan tahun 2014, kadar peratusan pendapatan dari Bahagian Makanan dan Minuman meningkat sebanyak 4%, Bahagian Penginapan pula menurun 4% dan sedikit peningkatan dari pendapatan Bahagian Operasi Sampingan.

PJHR mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM4.31 juta pada tahun 2015 berbanding rugi selepas cukai berjumlah RM1.01 juta pada tahun 2014 di mana sebahagian besarnya adalah dari pelarasan audit bagi pemindahan tanggungan liabiliti berkenaan pembelian aset serta baik pulih bangunan hotel PJHR kepada PPj serta pengecualian hutang PJHR kepada PPj.

## MARINA PUTRAJAYA SDN. BHD.

Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB) asalnya dikenali sebagai Syarikat Pengurusan Kompleks Kejiranan Putrajaya Sdn. Bhd. (PPJKOM Sdn. Bhd.) ditubuhkan pada 11 Mac 2003 bertujuan untuk mengurus Kompleks Kejiranan di Putrajaya. Berkuatkuasa pada 24 Oktober 2013, PPJKOM Sdn. Bhd telah ditukar nama kepada MPSB bagi memberi gambaran yang lebih jelas mengenai peranan dan fungsi utama Syarikat iaitu untuk mengurus dan mentadbir pengoperasian Marina Putrajaya (MP).

Pada 1 November 2013, pentadbiran Cruise Tasik Putrajaya (CTP) telah digabungkan di bawah MPSB bertujuan untuk memperkemaskan pengurusan dan pentadbiran kedua-dua entiti tersebut dan pada masa yang sama memaksimumkan sumber dan tenaga kerja bagi memperoleh hasil yang lebih tinggi memandangkan kedua-dua entiti ini saling melengkapi antara satu sama lain. Namun demikian, penggabungan pengoperasian sepenuhnya bagi kedua-dua entiti ini hanya dilaksanakan pada bulan Januari 2014.

Berkuatkuasa pada bulan April 2014 pula, MPSB telah mengambil alih pengurusan Pusat Rekreasi Air Putrajaya (PRAP) di Presint 13.

Berikut adalah senarai perkhidmatan yang disediakan oleh MPSB dalam tahun 2015:

LOKASI	PRODUK-PRODUK
<b>Cruise Tasik Putrajaya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Sightseeing Cruise</i></li> <li>• <i>Dining Cruise</i></li> <li>• <i>Boat Charter</i></li> <li>• <i>Perahu Dondang Sayang (PDS) dan Perahu Lepa-Lepa (PL)</i></li> <li>• <i>Rekreasi: Fotografi, KMX, Parrot Farm</i></li> <li>• <i>Pakej: Cruise &amp; Learn, Cruise &amp; Hunt, Footloose &amp; Cruise, Love Boat, Love Cruise, Wedding Cruise, Gold Cruise, Platinum Cruise, Cruise &amp; Win, Ramadhan Cruise dll.</i></li> </ul>
<b>Marina Putrajaya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Fasiliti: Kolam Renang, Gelanggang Squasy, Jimnasium, Dewan Aerobik, Steam Bath &amp; Sauna, Snooker &amp; Pool, Karaoke</i></li> <li>• <i>Sewaan: Kayak, Kanu, Perahu Panjang, Perahu Naga, Dewan &amp; Laman</i></li> <li>• <i>Pakej: Mesyuarat &amp; Seminar, Perkahwinan, Prom Night, Pool Party, Dining, Team Building dll.</i></li> </ul>
<b>Pusat Rekreasi Air</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Permit Memancing</i></li> <li>• <i>Sewaan: Boat, Kayak, Kanu, Duffy, Paddle Boat,</i></li> <li>• <i>Pakej: Team Building, Lake Crossing, Hari Keluarga, Sukaneka dll.</i></li> </ul>
<b>Skyrides Festivals Park Putrajaya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>SkyRides Balloon, SkyCruise, SkyWarrior Rainforest Challenge, SkyTaste, SkyStage, SkyKids, SkyGallery, SkyDemo, SkyKids Warrior Challenge dan SkyArt</i></li> </ul>



Dalam tahun 2015, Marina Putrajaya juga telah menjadi lokasi bagi penganjuran acara peringkat antarabangsa iaitu *The Sixth ISN International Sports Medicine and Sports Science Conference* (April 2015), *World's Strongest Man* (Mei 2015) dan *Magic of the Night* (Mei 2015). MPSB turut menganjurkan acara Ramadhan fi Marina (Jun 2015) dan *Lepaq@Marina* (Ogos 2015).

## Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2015

Selain itu MPSB turut memperkenalkan logo PRAP dan pengoperasian 2 bot memancing. PRAP juga telah menganjurkan acara Raja Pancing Wetland (*Fishing Jackpot*) (Ogos 2015) dan *Wet & Wild* (Ogos 2015).

MPSB telah melaksanakan beberapa inisiatif perniagaan yang baru dalam tahun 2015 seperti:


1. Pengoperasian Kedai Cenderamata Kenangan di CTP bermula pada 1 Februari 2015;
2. Pengoperasian *Skyrides Festivals Park Putrajaya (Skyrides)* pada 1 Mei 2015, di mana MPSB telah mencatatkan hasil sebanyak lebih dari RM500 ribu semenjak ia mula beroperasi. *Skyrides* juga telah dicatatkan di dalam *Malaysia Book of Records* sebagai belon helium yang terbesar dan yang pertama seumpamanya di negara ini;
3. MPSB telah mula melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan major secara in-house bagi bot cruise, Perahu Dondang Sayang, Lepa-Lepa dan bot-bot PPj sejak awal tahun 2015. Kerja-kerja penyelenggaraan major ini termasuklah aktiviti uplifting, downslip, mengecat badan bot, overhaul enjin, menservis waterjet dan sebagainya. Melalui pendekatan ini, MPSB berjaya menjimatkan kos penyelenggaraan sehingga hampir RM1 juta dan mengurangkan tempoh *downtime* bagi kerja-kerja penyelenggaraan dari purata 4 bulan kepada hanya 1 bulan.



### Prestasi Kewangan

Carta jelas menunjukkan bahawa pendapatan dan keuntungan MPSB telah meningkat dengan ketara iaitu peningkatan pendapatan sebanyak 44.2% manakala peningkatan keuntungan adalah sebanyak 38.3% berbanding tahun 2014.

Prestasi yang menggalakkan ini adalah hasil usaha agresif MPSB di dalam mempromosi dan menjual produk-produk utamanya, memperkenalkan produk/pakej baharu, berkolaborasi dengan rakan niaga yang berpotensi di samping mendapatkan geran untuk melaksanakan beberapa projek pelancongan yang berdaya maju.





## PUTRAJAYA FLORIA SDN BHD

Putrajaya Floria Sdn. Bhd. (PFSB) telah di perbadankan pada 9 Mei 2014 dimana diantara fungsinya adalah menguruskan penganjuran FLORIA Diraja Putrajaya, hortikultur dan florikultur yang merangkumi propagasi dan pengeluaran bunga/bahan tanaman landskap.

### Perkhidmatan-Perkhidmatan Yang Disediakan Tahun 2015

- Kolaborasi PFSB Dengan Syarikat Luar Bagi Pengeluaran Kompos**  
 Salah satu perkhidmatan yang disediakan ialah projek Rintis Hijau antara Pihak PFSB dengan syarikat luar yang berpotensi bagi menjalankan pemprosesan dan pengeluaran kompos di Putrajaya yang terletak di Nurseri Pusat Taman Wetland, Putrajaya dan ia merupakan pusat kompos komprehensif yang pertama di Putrajaya. Pada 27 Oktober 2015 pusat kompos ini telah dirasmikan oleh Ybhg. Datuk Seri Adnan Bin Mohd Ikshan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan. Pusat kompos ini telah beroperasi sepenuhnya pada November 2015.
- Rangkaian Produk Hortikultur**  
 Selain daripada itu perkhidmatannya ialah Penjualan, Kolaborasi dan Kerjasama Teknikal dalam Pemprosesan dan Pengeluaran Produk Hortikultur yang telah diperkenalkan dan dipasarkan semasa Floria Diraja 2015 adalah baja cecair, baja lepas terkawal, EMAS (*Effective Microorganism Activated Solution*) dan kompos (tanpa biochar dan dengan biochar). Rangkaian produk hortikultur yang untuk dijual dipasaran adalah seperti berikut:

Bil.	Produk	Kuantiti	Harga (RM)
1	Floria Grow Advance	1.0 Liter	30.00
		4.0 Liter	75.00
2	Floria EMAS	1.0 Liter	13.00
		4.0 Liter	37.00
3	Floria CRF	1.0 kg	15.00
4	Floria Compost	20.0 kg	20.00



- Kolaborasi Dan Kerjasama Pintar Bagi Pengurusan Dan Pengoperasian Logistik Acara Di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya.**  
 Objektif utama adalah untuk memperkenalkan Anjung Floria sebagai salah satu lokasi acara yang berprestij di Putrajaya khususnya dan di Malaysia amnya. PFSB telah mengenal pasti syarikat yang berminat untuk berkerjasama dan bersetuju mengeluarkan modal bagi membangunkan 7 blok *marquee tent* yang dinamakan Singgahsana@Floria dan dilengkapi dengan pentas utama, kerusi, meja dan sistem audio bagi menampung kapasiti seramai 1,000 orang dalam satu masa.

Usaha ini juga adalah bertujuan memperkenalkan Anjung Floria sebagai tempat yang sesuai diadakan sebarang majlis tambahan pula dengan kawasan keadaan persekitaran yang di kelilingi dengan taman dan tasik.

### Aktiviti Dilaksanakan Tahun 2015

- Festival FLORIA Diraja 2015**  
 Perbadanan Putrajaya dengan sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya atau **FLORIA Diraja Putrajaya 2015** kali ke-8 bermula **30 Mei hingga 7 Jun 2015** bertempat di **Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya** dimana Festival bertaraf antarabangsa buat julung kalinya diuruskan sepenuhnya oleh PFSB. Festival ini telah disempurnakan dalam upacara gilang gemilang oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung Tuanku Hajah Haminah.


- **Pelaksanaan Naik Taraf Landskap di Kompleks Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)**  
Kejayaan cemerlang pelaksanaan Floria Diraja Putrajaya 2015, menyebabkan KWP menjemput PFSB untuk merealisasikan hasrat KWP untuk menceria dan melaksanakan kerja-kerja naiktaraf landskap di Kompleks KWP. Kerja-kerja ini melibatkan kawasan hadapan Bangunan KWP.
- **Penganjuran FLORIA Lifestyle**  
PFSB telah menganjurkan Program FLORIA Lifestyle yang bermula Ogos 2015. Program ini merupakan kesinambungan daripada penganjuran Festival FLORIA Diraja Putrajaya dimana ia dimeriahkan dengan jualan pelbagai produk landskap dan hortikultur, buah-buahan dari FAMA, barangan kraftangan, *e-vendor* serta pelbagai aktiviti dan program menarik diadakan sepanjang program ini berlangsung.
- **Perkhidmatan Hiasan Dewan dan Pentas dan Pesanan Fruit Basket**  
PFSB mengorak langkah dengan menyediakan perkhidmatan hiasan dewan dan pentas bagi sebarang majlis yang diadakan. Perkhidmatan hiasan ini telah dilaksanakan di kebanyakan agensi kerajaan seperti di Perbadanan Putrajaya, Istana Kehakiman dan beberapa agensi di sekitar Putrajaya.  
Tidak hanya setakat itu, PFSB juga menyediakan pesanan Fruit Basket. Pesanan ini didatangkan dalam pelbagai saiz mengikut kehendak pelanggan.

#### **Prestasi Kewangan**


Pada tahun 2015, berdasarkan Laporan Kewangan PFSB yang berakhir 31 Disember 2015 mencatatkan pendapatan PFSB secara keseluruhannya adalah sebanyak RM 2,517,470.00. Ini termasuk hasil penjualan tiket masuk ke FLORIA Diraja Putrajaya, komersial dan juga tajaan dalam bentuk wang tunai. Jumlah ini juga hasil daripada pendapatan tempahan hiasan dewan, penjualan produk hortikultur dan lain-lain perkhidmatan.







PENYATA  
KEWANGAN  
YANG TELAH  
DI AUDIT



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN PUTRAJAYA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan*

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Putrajaya 1995 (Akta 536). Anggota Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan daam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.




Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Putrajaya dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.



**(LT KOL (K) DATUK HJ. ANWARI BIN SURI)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA  
PUTRAJAYA 9 OGOS 2016

PUTRAJAYA  
9 OGOS 2016



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

Saya, Nik Shukri bin Nik Soh, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Perbadanan Putrajaya dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Akan Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama diatas,  
Nik Shukri bin Nik Soh di  
Hentian Kajang pada

29 APR 2016

  
.....  
(NIK SHUKRI BIN NIK SOH)

Di hadapan saya,

  
.....  
PESURUHJAYA SUMPAH




No. 2.09, Tingkat 2,  
Kompleks Hentian Kajang,  
Jalan Reko, Selangor



## PENGESAHAN OLEH ANGGOTA PERBADANAN

Kami, Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail, dan Dato' Haji Nordin bin Haji Hasan, yang merupakan pengerusi dan salah seorang daripada Anggota Perbadanan Putrajaya, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata ,Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Ekuiti yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Perbadanan Putrajaya pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Perbadanan,



DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL  
Pengerusi



DATO' HAJI NORDIN BIN HAJI HASAN Anggota Perbadanan

Tarikh : 30 Jun 2016  
Putrajaya

Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2015

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

	Nota	KUMPULAN		PERBADANAN PUTRAJAYA	
		2015 RM	2014 DINYATAKAN SEMULA RM	2015 RM	2014 RM
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	<b>3</b>	3,486,215,643	3,561,622,190	3,481,413,987	3,558,752,806
Cukai Tertunda	4	410,887	813,040	-	-
<b>PELABURAN DI DALAM ANAK SYARIKAT</b>	<b>5</b>	-	-	8,800,000	100,098
<b>PENGHUTANG JANGKA PANJANG</b>					
Pinjaman / Pembiayaan Kenderaan	6	1,284,539	1,232,233	1,284,539	1,232,233
Pembiayaan Komputer	7	170,053	150,320	170,053	150,320
Pelbagai Penghutang	8	-	-	-	-
		<b>1,454,592</b>	<b>1,382,553</b>	<b>1,454,592</b>	<b>1,382,553</b>
<b>ASET SEMASA</b>					
Pinjaman / Pembiayaan Kenderaan	6	352,419	377,260	352,419	377,260
Pembiayaan Komputer	7	162,037	150,186	162,037	150,186
Pelbagai Penghutang	8	80,272,492	23,517,176	62,379,772	25,229,746
Stok	9	3,415,743	2,382,302	806,759	885,627
Bayaran Terdahulu Dan Deposit	10	15,061,287	8,513,860	14,922,014	8,103,150
Simpanan Tetap	11	492,274,009	459,347,030	492,000,000	459,000,000
Baki Bank Dan Tunai Di Tangan	12	28,962,262	43,337,554	9,172,501	25,507,052
		<b>620,500,249</b>	<b>537,625,368</b>	<b>579,795,502</b>	<b>519,253,021</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pelbagai Pemiutang	13	189,656,386	144,144,093	141,013,388	116,247,130
Cagaran Diterima	14	15,234,077	11,355,757	15,234,077	11,355,757
Terimaan Terdahulu	15	12,061,439	7,406,560	12,061,439	4,615,042
Terimaan Bagi Pihak Agensi Lain	16	3,554,749	3,711,573	3,554,749	3,711,573
Cukai		301,958	348,635	-	-
Sewa Beli	17	80,714	120,104	-	-
		<b>220,889,323</b>	<b>167,086,722</b>	<b>171,863,653</b>	<b>135,929,502</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>399,610,926</b>	<b>370,538,646</b>	<b>407,931,849</b>	<b>383,323,519</b>
<b>ASET BERSIH</b>		<b>3,887,692,048</b>	<b>3,934,356,429</b>	<b>3,899,600,428</b>	<b>3,943,558,976</b>
<b>DIBIYAI OLEH</b>					
GERAN TERTUNDA	18	3,407,200,459	3,478,285,535	3,407,200,459	3,478,285,535
GERAN KHAS	19	98,058,986	28,219,404	98,058,986	28,219,404
TABUNG PENDIDIKAN PERBADANAN PUTRAJAYA	20	2,212,803	2,222,436	2,212,803	2,222,436
KUMPULAN WANG PINJAMAN / PEMBIAYAAN KENDERAAN	21	4,000,000	4,000,000	4,000,000	4,000,000
KUMPULAN WANG PEMBIAYAAN KOMPUTER	22	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	23	143,934,948	101,047,113	143,934,948	101,047,113
Kepentingan Minoriti		2	4	-	-
LEBIHAN TERKUMPUL	24	231,209,143	319,437,678	243,193,232	328,784,488
		<b>3,887,616,341</b>	<b>3,934,212,170</b>	<b>3,899,600,428</b>	<b>3,943,558,976</b>
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>					
Sewa Beli	17	13,433	94,464	-	-
Cukai Tertunda	4	62,274	49,795	-	-
		<b>3,887,692,048</b>	<b>3,934,356,429</b>	<b>3,899,600,428</b>	<b>3,943,558,976</b>

Nota-Nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini



PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Nota	KUMPULAN		PERBADANAN PUTRAJAYA	
		2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
<b>PENDAPATAN</b>					
Hasil Dari Operasi Anak Syarikat	25	120,433,843	76,121,646	-	-
Geran Hasil	26	77,003,576	91,070,572	77,003,576	91,070,572
Cukai Taksiran	27	27,759,296	26,109,105	27,759,296	26,109,105
Sumbangan Bantu Kadar	28	104,278,164	103,235,040	104,278,164	103,235,040
Terimaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya	29	127,796,958	172,099,803	127,796,958	172,099,803
Geran Khas Projek Kecil	30	6,588,459	11,116,246	6,588,459	11,116,246
Keuntungan Simpanan Tetap/Semasa	31	19,948,321	16,811,059	19,948,321	16,811,059
Faedah/Keuntungan Pinjaman / Pembiayaan Kenderaan/ Komputer	32	72,172	80,581	72,172	80,581
Lesen Dan Permit	33	2,896,298	1,949,116	2,896,298	1,949,116
Fi Rancang Dan Proses	34	1,065,727	894,041	1,065,727	894,041
Sewaan	35	14,983,322	15,515,847	14,983,322	15,515,847
Jualan	36	592,236	467,027	592,236	467,027
Pendapatan Perkhidmatan	37	591,486	744,769	591,486	744,769
Kompaun Dan Denda	38	1,426,726	672,702	1,426,726	672,702
Sumbangan kepada Perbadanan Putrajaya		3,785,469	5,259,885	3,785,469	5,259,885
Lain-Lain Pendapatan		1,785,348	1,238,795	1,785,348	1,238,795
Lebihan Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	39	66,156,214	-	66,156,214	-
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>577,163,615</b>	<b>523,386,234</b>	<b>456,729,772</b>	<b>447,264,588</b>
<b>PERBELANJAAN</b>					
Belanja Operasi Anak Syarikat		133,175,234	98,990,734	-	-
Emolumen Pegawai Dan Pehidmat		53,699,588	53,147,417	53,699,588	53,147,417
Elaun Tetap Anggota		112,039	47,400	112,039	47,400
Tuntutan Perjalanan Dan Sara Hidup		1,409,273	2,318,058	1,409,273	2,318,058
Pengangkutan		15,905	17,000	15,905	17,000
Perhubungan Dan Utiliti		14,028,882	12,394,566	14,028,882	12,394,566
Sewaan Peralatan		442,216	407,226	442,216	407,226
Alatulis Dan Bekalan Pejabat		2,566,665	2,252,645	2,566,665	2,252,645
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil		26,496,235	13,790,802	26,496,235	13,790,802
Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya	40	310,861,457	271,853,100	322,761,457	291,903,100
Promosi Dan Iklan		275,879	68,523	275,879	68,523
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Hospitaliti		30,309,266	44,575,030	30,309,266	44,575,030
Cukai Dan Insuran		3,432,723	2,975,335	3,432,723	2,975,335
Susutnilai/Pelunasan	3	82,292,616	95,293,262	82,292,616	95,293,262
Aset Tidak Dimodalkan	41	1,255,627	765,750	1,255,627	765,750
Pembangunan Sumber Manusia		2,300,750	2,415,712	2,300,750	2,415,712
Perbelanjaan Bukan Modal		14,321	197,783	14,321	197,783
Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan		34,079	-	34,079	-
Lain-Lain Bayaran		883,140	545,638	883,140	545,638
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>663,605,895</b>	<b>602,055,981</b>	<b>542,330,661</b>	<b>523,115,247</b>
<b>KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI</b>		<b>(86,442,280)</b>	<b>(78,669,747)</b>	<b>(85,600,889)</b>	<b>(75,850,659)</b>
<b>CUKAI</b>	42	<b>954,635</b>	<b>(2,495,009)</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>KURANGAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI</b>		<b>(87,396,915)</b>	<b>(76,174,738)</b>	<b>(85,600,889)</b>	<b>(75,850,659)</b>

Nota-Nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini

Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2015

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Nota	KUMPULAN		PERBADANAN PUTRAJAYA	
	2015 RM	2014 RM	2015 RM	2014 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	(86,442,280)	(78,669,748)	(85,600,889)	(75,850,659)
PELARASAN BAGI:				
BANTUAN KEWANGAN YANG DIKTIKRAF	(32,073,975)	(12,691,909)	-	-
GERAN HASIL	(77,003,576)	-	(77,003,576)	(91,070,572)
FAEDAH/KEUNTUNGAN SIMPANAN TETAP TERAKRU	(5,809,033)	(4,255,502)	(5,808,669)	(4,254,822)
BELANJA HUTANG RAGU	65,298	168,203	26,093	166,835
SUSUTNILAI	83,040,451	95,650,587	82,292,616	95,293,262
HAPUSKIRA HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	34,079	-	34,079	-
HAPUSKIRA PENGHUTANG	(36,988)	-	-	-
PERTAMBAHAN TABUNG PENDIDIKAN DARIPADA LEBIHAN TERKUMPUL	-	-	-	-
ROSOTNILAI ASET PELABURAN	(999,998)	-	(999,998)	-
LAIN- LAIN PERBELANJAAN	(5,584,334)	-	-	-
PERBELANJAAN BUKAN MODAL DARI KERJA DALAM KEMAJUAN	14,321	197,783	14,321	197,782
ASET TIDAK DIMODALKAN DARI KERJA DALAM KEMAJUAN	-	17,021	-	17,021
LEBIHAN JUALAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	(66,156,214)	-	(66,156,214)	-
PERTUKARAN WANG ASING	(3,674)	(8,677)	-	-
	(190,955,923)	(107,312,770)	(153,202,237)	(75,501,153)
PERUBAHAN MODAL KERJA:				
PELBAGAI PENGHUTANG (MENGURUS)	37,289,299	9,560,079	45,371,411	7,533,324
PENGHUTANG PINJAMAN	(59,049)	821,285	(59,049)	376,129
BAYARAN TERDAHULU & DEPOSIT	6,818,864	(1,932,646)	6,818,864	(2,802,513)
STOK	(1,033,441)	(1,254,104)	78,868	31,230
PELBAGAI PEMIUTANG (MENGURUS)	(9,291,197)	(849,191)	(23,589,623)	(8,814,302)
CAGARAN DITERIMA	3,878,320	1,050,851	3,878,320.00	1,050,851
CUKAI DITERIMA	(659,532)	-	(659,532)	-
CUKAI DIBAYAR	10,868,977	(97,155)	11,303,766	-
FAEDAH DIBAYAR	364	680	-	-
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI OPERASI	(143,143,318)	(100,012,971)	(110,059,212)	(78,126,434)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>				
BELIAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	(6,144,869)	(36,719,815)	(3,637,234)	(34,051,520)
PEROLEHAN DARI JUALAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	70,551,147	-	70,551,147	-
BAYARAN BALIK KEPADA PERBADANAN	-	-	-	-
TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	64,406,278	(36,719,815)	66,913,913	(34,051,520)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
TERIMAAN TERDAHULU	7,446,397	1,940,646	7,446,397	1,940,646
PEMBIAYAAN KENDERAAN	502,543	312,300	502,543	312,300
PEMBIAYAAN KOMPUTER	186,250	104,800	186,250	104,800
TERIMAAN BAGI PIHAK AGENSI LAIN	(156,824)	(380,171)	(156,824)	(380,171)
PEMBIAYAAN SEWA BELI	(120,422)	-	-	-
TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN	7,857,944	1,977,575	7,978,366	1,977,575
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBANGUNAN</b>				
PENGHUTANG PEMBANGUNAN	-	-	-	-
PEMIUTANG PEMBANGUNAN	(63,595,036)	(4,755,521)	(63,595,036)	(4,755,521)
TERIMAAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN	84,610,000	93,666,400	84,610,000	93,666,400
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	(41,722,166)	(84,931,570)	(41,722,166)	(84,931,570)
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI PEMBANGUNAN	(20,707,202)	3,979,309	(20,707,202)	3,979,309
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN</b>				
GERAN KHAS	99,785,879	65,945,420	69,839,582	28,219,404
BAYARAN BALIK SEWA BELI PEMIUTANG	(281,388)	(105,731)	-	-
MODAL SAHAM	10,299,904	100	2,700,002	-
	109,804,395	65,839,789	72,539,584	28,219,404
PENAMBAHAN/PENURUNAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	18,218,097	(64,936,113)	16,665,449	(78,001,666)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	503,018,174	568,074,453	484,507,052	562,508,718
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>521,236,271</b>	<b>503,138,340</b>	<b>501,172,501</b>	<b>484,507,052</b>

Nota-Nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini



PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Geran Tertunda	Geran Khas	Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya	Kumpulan Wang Pinjaman/ Pembiayaan Kenderaan	Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer	Kumpulan Wang Pembangunan	Kepentingan Minoriti	Lebihan Terkumpul	Jumlah
<b>KUMPULAN</b>									
<b>2015</b>									
<b>Baki Pada 1 Januari 2015</b>	3,478,285,535	28,219,404	2,222,436	4,000,000	1,000,000	101,047,113	4	319,437,678	3,934,212,170
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan bagi tahun									
Lebihan/(Kurangan) Geran Tertunda (Nota 18)	(71,085,076)							(87,396,915)	(87,396,915)
Lebihan/(Kurangan) Geran Khas (Nota 19)		69,839,582							(71,085,076)
Lebihan/(Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 20)			(9,633)						69,839,582
Lebihan/(Kurangan) Kumpulan Wang Pembangunan (Nota 23)						42,887,835			(9,633)
Lebihan/(Kurangan) Modal Saham							(2)		42,887,835
Pelarasan pada Lebihan/(Kurangan) Terkumpul (Nota 24)								(831,620)	(831,620)
<b>Baki Pada 31 Disember 2015</b>	<b>3,407,200,459</b>	<b>98,058,986</b>	<b>2,212,803</b>	<b>4,000,000</b>	<b>1,000,000</b>	<b>143,934,948</b>	<b>2</b>	<b>231,209,143</b>	<b>3,887,616,341</b>
<b>2014</b>									
<b>Baki Pada 1 Januari 2014 - Dinyatakan Semula</b>	3,566,275,475	-	2,254,234	4,000,000	1,000,000	92,312,283	2	401,310,743	4,067,152,737
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan bagi tahun	-	-	-	-	-	-	-	(76,174,738)	(76,174,738)
Lebihan/(Kurangan) Geran Tertunda (Nota 18)	(87,989,940)	-	-	-	-	-	-	-	(87,989,940)
Lebihan/(Kurangan) Geran Khas (Nota 19)		28,219,404							
Lebihan/(Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 20)		-	(31,798)	-	-	-	-	-	(31,798)
Lebihan/(Kurangan) Kumpulan Wang Pembangunan (Nota 23)		-	-	-	-	8,734,830	-	-	8,734,830
Lebihan/(Kurangan) Modal Saham		-	-	-	-	-	2	-	-
Pelarasan pada Lebihan/(Kurangan) Terkumpul (Nota 24)		-	-	-	-	-	-	(5,698,327)	(5,698,327)
<b>Baki Pada 31 Disember 2014 - Dinyatakan Semula</b>	<b>3,478,285,535</b>	<b>28,219,404</b>	<b>2,222,436</b>	<b>4,000,000</b>	<b>1,000,000</b>	<b>101,047,113</b>	<b>4</b>	<b>319,437,678</b>	<b>3,934,212,170</b>

Nota-Nota Yang Dilempirkan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini

PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Geran Tertunda	Geran Khas	Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya	Kumpulan Wang Pinjaman/ Pinjaman/ Pembiayaan Kenderaan	Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer	Kumpulan Wang Pembangunan	Lebihan Terkumpul	Jumlah
<b>Baki Pada 1 Januari 2015</b>	<b>3,478,285,535</b>	<b>28,219,404</b>	<b>2,222,436</b>	<b>4,000,000</b>	<b>1,000,000</b>	<b>101,047,113</b>	<b>328,784,488</b>	<b>3,943,558,976</b>
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan bagi tahun	-	-	-	-	-	-	(85,600,889)	(85,600,889)
Lebihan/(Kurangan) Geran Tertunda (Nota 18)	(71,085,076)	-	-	-	-	-	-	(71,085,076)
Lebihan/(Kurangan) Geran Khas (Nota 19)	-	69,839,582	-	-	-	-	-	69,839,582
Lebihan/(Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 20)	-	-	(9,633)	-	-	-	-	(9,633)
Lebihan/(Kurangan) Kumpulan Wang Pembangunan (Nota 23)	-	-	-	-	-	42,887,835	-	42,887,835
Pelarasan pada Lebihan/(Kurangan) Terkumpul (Nota 24)	-	-	-	-	-	-	9,633	9,633
<b>Baki Pada 31 Disember 2015</b>	<b>3,407,200,459</b>	<b>98,058,986</b>	<b>2,212,803</b>	<b>4,000,000</b>	<b>1,000,000</b>	<b>143,934,948</b>	<b>243,193,232</b>	<b>3,899,600,428</b>
2014								
<b>Baki Pada 1 Januari 2014</b>	<b>3,566,275,475</b>	-	<b>2,254,234</b>	<b>4,000,000</b>	<b>1,000,000</b>	<b>92,312,283</b>	<b>403,558,587</b>	<b>4,067,146,345</b>
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan bagi tahun	-	-	-	-	-	-	(75,850,659)	(75,850,659)
Lebihan/(Kurangan) Geran Tertunda (Nota 18)	(87,989,940)	-	-	-	-	-	-	(87,989,940)
Lebihan/(Kurangan) Geran Khas (Nota 19)	-	28,219,404	-	-	-	-	-	28,219,404
Lebihan/(Kurangan) Tabung Pendidikan Perbadanan Putrajaya (Nota 20)	-	-	(31,798)	-	-	-	-	(31,798)
Lebihan/(Kurangan) Kumpulan Wang Pembangunan (Nota 23)	-	-	-	-	-	8,734,830	-	8,734,830
Pelarasan pada Lebihan/(Kurangan) Terkumpul (Nota 24)	-	-	-	-	-	-	1,076,560	1,076,560
<b>Baki Pada 31 Disember 2014</b>	<b>3,478,285,535</b>	<b>28,219,404</b>	<b>2,222,436</b>	<b>4,000,000</b>	<b>1,000,000</b>	<b>101,047,113</b>	<b>328,784,488</b>	<b>3,943,558,976</b>

Nota-Nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini



**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

**1. AKTIVITI UTAMA**

Perbadanan Putrajaya ( Perbadanan ) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Putrajaya 1995 ( Akta 536 ), berkuat kuasa mulai 1 Mac 1996. Objektif utama Perbadanan ini ialah untuk mentadbir dan mengurus kawasan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

Perbadanan Putrajaya telah diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan pejabat operasi utama Perbadanan Putrajaya adalah:

Kompleks Perbadanan Putrajaya  
24, Persiaran Perdana  
Presint 3  
62675 Putrajaya

Jumlah pekerja Perbadanan Putrajaya pada akhir tahun kewangan adalah 863 orang (2014: 853).

Penyata Kewangan Disatukan Perbadanan Putrajaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah dibentang dan diluluskan melalui Mesyuarat Anggota Perbadanan Bil. 3 tahun 2016 yang telah bersidang pada 30 Jun 2016.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

**a. Asas Perakaunan.**

Akaun-akaun ini telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah dengan mengambil kira kehendak undang-undang dan mematuhi *Private Entities Reporting Standards* (PERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

**b. Asas Penyatuan Akaun.**

Penyata kewangan disatukan termasuk Penyata Kewangan Perbadanan dan Penyata Kewangan anak-anak syarikat yang disediakan pada akhir tempoh perakaunan. Anak-anak syarikat merujuk kepada syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal polisi kewangan dan pengurusan bagi mendapatkan faedah daripada aktiviti anak-anak syarikat.

Anak-anak Syarikat disatukan dari tarikh pemindahan kawalan kepada Kumpulan dan tidak lagi bersatu dari tarikh tamat kawalan tersebut.

Subsidiari-subsidiari disatukan mengikut kaedah perakaunan pemerolehan. Di bawah kaedah pemerolehan, keputusan anak-anak syarikat yang diperolehi atau dijual dalam tahun kewangan dari tarikh pemerolehan sehingga tarikh penjualan diambilkira dalam penyatuan kewangan. Pada tarikh pemerolehan, nilai saksama bagi aset bersih anak-anak syarikat ditentukan dan nilai ini dinyatakan dalam Penyata Kewangan Disatukan. Semua urusniaga antara Kumpulan, baki-baki, keuntungan dan kerugian yang belum direalisasi daripada urusniaga antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan adalah dihapuskan.

Penyata Kewangan anak-anak syarikat disediakan bagi tempoh perakaunan yang sama dengan Perbadanan dengan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang sama secara konsisten.

**c. Pengiktirafan Pendapatan.**

Pendapatan cukai taksiran, sumbangan bantu kadar, sewaan, keuntungan simpanan tetap/semasa, faedah/keuntungan pinjaman/pembiayaan kenderaan/komputer diambilkira berdasarkan asas akrual .

Manakala pendapatan lesen dan permit, fi rancang dan proses, jualan, pendapatan perkhidmatan, kompaun dan denda di ambilkira berdasarkan asas tunai.

Pemberian daripada kerajaan bagi maksud belanja kendalian termasuk Terimaan Penyelenggaraan Bandar Raya Putrajaya adalah diambil kira sebagai pendapatan dalam tahun berkenaan untuk memadankan pemberian tersebut secara sistematik dengan belanja kendalian yang perlu ditanggung.

Manakala pemberian bagi tujuan pembelian harta modal dan kegunaan di masa hadapan adalah dianggap sebagai geran tertunda. Geran yang menyumbang pampasan kepada Kumpulan untuk kos aset dikenalpasti sebagai geran hasil dalam jangka hayat berguna aset tersebut.

Kumpulan Wang Pembangunan merujuk kepada wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia jangka panjang. Projek yang akan diserahkan kepada Perbadanan Putrajaya kelak akan di kenalpasti sebagai Aset Dalam Binaan dan pendapatan tertunda.

Geran Khas merupakan wang yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud tertentu yang diambilkira sebagai pendapatan tertunda.

d. Aset Tetap Dan Susutnilai

Tanah-tanah milik kekal Perbadanan dinyatakan pada kos dan tiada pelunasan dibuat bagi tanah pegangan milik kekal Perbadanan. Polisi ini dikekalkan dengan pindaan penilaian semula tanah dilakukan sekali dalam tempoh sepuluh (10) tahun mulai tahun kewangan 2010 selaras dengan keputusan Mesyuarat Anggota Bil. 2 Tahun 2009.

Tanah yang diambil dengan biayaan Kumpulan Wang Pembangunan dan hak milik tanah berkenaan adalah atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan adalah tidak dimodalkan sebagai harta Perbadanan.

Tanah taman-taman akan dipajakkan kepada Perbadanan dinyatakan pada kos dan tiada caj susutnilai dibuat bagi tanah-tanah tersebut kerana tempoh pajakan masih belum dimuktamadkan. Tanah taman hanya akan mula disusutnilaikan sepanjang tempoh pajakan apabila tempoh pajakan tersebut dimuktamadkan.

Kelas aset Tasik dan Wetland dan kelas aset Hidupan telah diwujudkan dan tiada susutnilai bagi aset yang dipermodalkan dibawah kelas-kelas aset ini.

Aset Dalam Binaan adalah kos-kos yang dibelanjakan bagi pembangunan projek-projek dan akan dipermodalkan kepada kelas aset yang sewajarnya setelah projek-projek siap. Tiada susutnilai dikenakan ke atas Aset Dalam Binaan.

